

PROSPEKTUS UTM 2007



“Kecemerlangan dan sumbangan UTM terletak kepada keupayaannya mengeksploitasi dan menjana Teknologi serta hasil-hasil Akademiknya.”



Saya mengucapkan syabas kerana kesungguhan dan minat saudara untuk meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi. Terima kasih juga di atas minat saudara kerana memilih Universiti Teknologi Malaysia

(UTM) sebagai tempat saudara meneruskan kesinambungan menimba ilmu demi kejayaan dan kesejahteraan hidup saudara. Sejak penubuhannya UTM merupakan sebuah IPTA yang terunggul di rantau ini kerana telah mencapai kejayaan-kejayaan cemerlang dalam pelbagai bidang. Kecemerlangan dan sumbangan UTM terletak kepada keupayaannya mengeksploitasi dan menjana teknologi serta hasil-hasil akademiknya. UTM yang kini berada di puncak kecemerlangan akademik dan teknologi menyumbang kepada wawasan negara untuk mencapai status negara industri maju.

UTM bukan sahaja tempat pengajian tertiar tetapi ia adalah tempat penemuan idea-idea, inovasi dan rekacipta. Saudara akan mendapat ilmu di dalam suasana yang canggih dengan kemudahan IT, tempat riadah dan memasuki alam inovasi dan rekacipta. Melalui buku ini, terdapat lebih daripada 50 bidang pengajian yang boleh diikuti dan dengan penelitian

yang rapi, saya yakin saudara akan menemui kursus yang bersesuaian dengan cita-cita saudara dan relevan kepada keperluan negara.

UTM merupakan pilihan terbaik untuk program-program teknologi dan kejuruteraan. Di samping itu, UTM juga menawarkan program-program dalam bidang pengurusan pendidikan dan teknologi maklumat. Universiti akan memastikan agar saudara memperoleh ilmu dan kemahiran yang bersesuaian dengan keperluan pekerjaan dan mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan pengurusan untuk bersaing dalam bidang profesion masing-masing. Sehingga kini, graduan UTM mudah menyesuaikan diri dengan suasana persekitaran pekerjaan kerana telah diterapkan dengan kemahiran sedemikian semasa menuntut di kampus ini.

Atribut Graduan yang dilahirkan oleh UTM:


- **"Comunication Skill"**
- **"Team Working"**
- **"Problem Solving"**
- **"Adaptability"**
- **"Lifelong Learning"**
- **"Self Esteem"**
- **"Ethics"**
- **"Integruty"**

Program akademik UTM memberi fokus kepada aspek 'hands-on' programmed Based-Leaning' dan 'applied' untuk memastikan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dapat terus digunakan terutamanya dalam bidang industri negara. Program ko-kurikulum yang berkualiti pula akan memberi peluang dan kesempatan untuk saudara membentuk sahsiah peribadi yang mulia dan ketrampilan. Usaha Universiti juga secara bersetuju telah dipertingkatkan bagi melahirkan graduan yang mempunyai atribut seperti "Comunication Skill", "Team Working", "Problem Solving", "Adaptability", "Lifelong Learning" "Self Esteem", "Ethics" and "Intergrity".

Sukacita juga saya nyatakan, di dalam memastikan saudara memperolehi pendidikan yang terbaik, UTM sentiasa memantapkan kemudahan-kemudahan akademik dan fizikal untuk menyokong proses pengajaran dan pembelajaran secara berkesan. Usaha ini dimantapkan lagi dengan pengembelangan perkhidmatan staf Universiti yang peka, jujur, ikhlas dan responsif kepada keperluan pembelajaran.

Saya berharap agar saudara mengamati buku ini dengan teliti agar pemilihan yang dibuat adalah bersesuaian dengan diri dan kelayakan saudara. Namun, walau apa pun pilihan yang dibuat, seluruh warga UTM tetap mengalu-alukan keputusan saudara dan bersedia merealisasikan cita-cita saudara.

Terima kasih.



**DATUK PROF. IR. DR. MOHD. ZULKIFLI BIN
TAN SRI MOHD. GHAZALI**
Naib Canselor

Kelebihan UTM Sebagai Pusat Pendidikan Tinggi Anda



Aspirasi Sebagai Universiti Bertaraf Dunia

Misi utama UTM adalah untuk menjadi sebuah Universiti bertaraf dunia, di samping mempertingkatkan tahap keilmuan dan kepakaran dalam semua bidang menerusi pelaksanaan program profesional, mempertingkatkan penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika profesionalan.

Aspirasi UTM juga adalah untuk menjadi sebuah pusat pengajian tinggi yang mampu bersaing dan setanding dengan Universiti terkemuka dunia yang lain dan menjadi Universiti yang terbaik selaras

dengan Visi dan Misi Universiti iaitu menjadi pusat kecemerlangan akademik dan teknologi bertaraf dunia menerusi kreativiti.

Dalam usaha ke arah pencapaian Universiti bertaraf dunia ini, UTM berpegang kepada prinsip kecemerlangan iaitu kepercayaan bahan individu mampu berusaha untuk mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni bagi melahirkan graduan profesional dan berperanan membangunkan diri, ilmu, masyarakat dan negara.



Pengalaman luas mengendalikan kursus dalam bidang Sains dan Teknologi

Sejarah perubahan UTM telah bermula sejak tahun 1904 sebagai kelas Pengajian Teknik Dewan Bandaran Kuala Lumpur sebelum dinaikkan taraf sebagai Institusi bertaraf Universiti pada tahun 1972. Ia dikenali sebagai Institut Teknologi Kebangsaan yang kemudiannya ditukar kepada Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 1975. Kini UTM mengendalikan kursus di peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Diploma Lulusan Ijazah, Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah.

Pusat Pengajaran dan Pembelajaran dalam Bidang Kejuruteraan dan Teknologi Terbesar di Malaysia

Sebagai pusat Pengajaran dan pembelajaran kejuruteraan dan teknologi terbesar di Malaysia di mana tempat berkumpulnya lebih

1000 orang ahli sains, kejuruteraan dan teknologi yang pakar dalam bidang masing-masing berkhidmat sebagai pensyarah dan terlibat dengan kerja-kerja pendidikan, penyelidikan, perundingan dan penerbitan. Di samping itu, lebih 25,000 orang pelajar dalam dan luar negara sedang mengikuti pengajian dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi.

UTM Menawarkan Program Pelbagai

Bidang sains dan teknologi adalah salah satu aset ilmu yang amat bernilai dan berupaya melahirkan para pemimpin dinamik. Segala kemudahan dan infrastruktur untuk menghasilkan kecemerlangan akademik bertaraf dunia telahpun tersedia di UTM.

Kini Universiti mempunyai 10 buah fakulti, sebuah Kolej Sains dan Teknologi, Sekolah Pengajian Siswazah dan lebih 30 Pusat Kecemerlangan. Sehingga kini, UTM mempunyai seramai 1,767 staf akademik yang terdiri daripada 129 profesor, 370


profesor madya, 1,086 pensyarah, 151 tutor, 14 guru bahasa dan 17 penolong pensyarah. Pengurusan universiti dibantu seramai 2,430 staf pentadbiran. Jumlah pelajar berdaftar sehingga kini dianggarkan seramai 29,000 orang pelajar, sementara jumlah program yang ditawarkan di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda ialah 78 kursus.

Kualiti Pendidikan Yang Bertaraf Dunia dan Diiktiraf oleh Badan Profesional

UTM menawarkan kualiti pendidikan yang bertaraf dunia. Program yang ditawarkan memiliki standard sesuai dengan kriteria yang telah ditetapkan oleh Badan Profesional seperti IEM, BEMPAM, LAN dan mengikuti ketetapan yang disediakan oleh Kerajaan. Semua program 36 Kejuruteraan UTM telah mendapat pengiktirafan oleh IEM.

Lokasi Yang Ideal

Kedudukan di selatan tanah air berhampiran Singapura menjadikan UTM lokasi yang ideal untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Mudah dihubungi samada melalui udara dan darat.



Pusat Penyelidikan Inovasi dan Penemuan Terulung Dalam Bidang Kejuruteraan dan Teknologi

Kecemerlangan UTM sebagai pusat penyelidikan dalam bidang kejuruteraan, teknologi dan sains telah terbukti di mana para penyelidik UTM telah menerima pelbagai anugerah antarabangsa antaranya:

- i) Geneva 33rd and International Exhibition of Invention
- ii) International Exhibition Ideas-Invention New Products (IENA) 2005 di Nuremberg Fair Centre, Germany,
- iii) Pameran Penyelidikan dan Pembangunan Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2005.
- iv) Invention and New Products Expositions (INPEX). USA
- v) British Invention Show Invention, Innovations, Industrial
- vi) Design and Technology Exhibiton (ITEX)

Pengantarabangsaan

Selaras dengan visi untuk mencapai status "World Class University" menjelang 2020, pelbagai usaha kerjasama dalam bidang pendidikan dan penyelidikan telah dijalankan bersama-sama Universiti tersohor dunia seperti University Cambridge, United Kingdom; University de Nantes, France; Indian Institute of Technology, Madras; Ohio State University, Harvard University, Denmark Technical University, Universite De Bologau, Toyohashi University of Technology dan banyak lagi.



Kemudahan dan Infrastruktur Terbaik

UTM menyediakan kemudahan makmal-makmal pembelajaran dan penyelidikan yang dilengkapi dengan peralatan terkini untuk pelajar dan penyelidik. Makmal-makmal tersebut antaranya Makmal Teknologi Marin, Makmal Aeronautik, Makmal Voltan dan Arus Tinggi serta Makmal Komputer terbesar di Malaysia.

Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ) pula mempunyai koleksi yang berkait dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran terutama dalam bidang kejuruteraan dan teknologi. Dianggarkan terdapat lebih 484,260 buku Monograf, bahan media Elektronik, 41,539 Bahan Kertografi, 7,993 judul Journal dan Media Elektronik dan 190,147 bahan Pandang Dengar, Rakaman untuk kegunaan pengguna perpustakaan. Pada 2005, PSZ telah dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Perpustakaan Cemerlang 2005; Persatuan Perpustakaan Malaysia bagi kategori Perpustakaan Besar dan Sederhana.

UTM juga menyediakan kemudahan sukan dan rekreasi untuk semua pelajar dengan hasrat untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik tetapi juga mantap dari segi sahsiah dan rohani.

Kecemerlang Pelajar UTM

Hasil kerja dan ciptaan pelajar UTM sentiasa mendapat tempat dalam pelbagai pertandingan baik di dalam mahupun di luar negara. Antaranya UTM telah menjadi juara dalam Pertandingan ROBOCON bagi tiga tahun berturut-turut mulai tahun 2003.

Suasana Pembelajaran Kondusif dan Selamat

Keprihatinan dan konsep Mesra Pelajar oleh UTM melalui kemudahan prasarana yang kondusif bagi proses pembelajaran dan pengajaran telah mewujudkan 'one stop agency'. Hal Ehwal Pelajar bertanggungjawab di dalam semua urusan yang berkaitan dengan perhubungan pelajar, biasiswa/pinjaman kewangan, kesihatan, tatatertib, kegiatan pelajar, penempatan dan peruntukan serta kebajikan pelajar.

Peluang Untuk Mengikuti Program Minor

Program Minor memberi ruang kepada pelajar untuk mendapatkan pendedahan dalam bidang lain mengikut pelbagai skala yang kecil dengan syarat-syarat yang tidak membebankan. Pengetahuan tambahan dan penguasaan lebih daripada satu bidang akan membantu para graduan lebih fleksibel dan berdaya saing dalam menghadapi pasaran pekerjaan.

Kecemerlangan Akademik Pelajar

Pihak Universiti juga memberi peluang kepada semua pelajar untuk meneruskan pengajian pada peringkat lebih tinggi dalam bidang-bidang yang berkaitan setelah mendapat keputusan yang cemerlang.

Usaha Universiti secara bersepadu telah membantu melahirkan graduan yang mempunyai pelbagai atribut seperti 'Communication Skills', 'Team Working', 'Problem Solving', 'Adaptability', 'Lifelong Learning', 'Self Esteem', 'Ethics and Integrity'.



Profil UTM

Universiti ditubuhkan pada 14 Mac 1972 dengan nama Institut Teknologi Kebangsaan. Pada 1 April 1975 nama Institut Teknologi Kebangsaan telah ditukar kepada Universiti Teknologi Malaysia.

Sejarah penubuhan Universiti ini bermula pada tahun 1904 sebagai sebuah kelas pengajian teknik di bangunan Dewan Bandaran Kuala Lumpur. Pada tahun 1906, kelas teknik ini telah dijadikan Sekolah Teknik bertempat di Sekolah Melayu Batu Lane dan kemudian berpindah ke bangunan Muzium di Bukit Nanas. Pada tahun 1925, Jabatan Kerja Raya telah membuka Sekolah Teknik di Jalan Brickfield (Jalan Tun Sambanthan), Kuala Lumpur untuk melatih kakitangan teknik Jabatan Keretapi, Jabatan Ukur dan Jabatan Kerja Raya. Pada tahun 1930, Sekolah Teknik Kuala Lumpur telah diperbesarkan di tapak baru di High Street iaitu di Jalan Bandar sekarang.

Pada tahun 1941, Sekolah Teknik itu telah disyor supaya dinaik taraf menjadi maktab. Akibat meletusnya Perang Dunia Kedua rancangan tersebut hanya dapat dilaksanakan pada tahun 1946 dan institusi itu dikenali dengan nama Maktab Teknik.



Maktab Teknik ketika itu menawarkan kursus peringkat Diploma yang mengambil masa tiga tahun dalam bidang Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Jentera, Kejuruteraan Elektrik, Senibina, Perancangan Bandar dan Kampung, Ukur Tanah dan Ukur Bahan. Pembinaan Maktab Teknik yang baru di Jalan Gurney (Jalan Semarak), Kuala Lumpur bermula pada tahun 1951 dan mula digunakan pada bulan Mac 1955.

Pada tahun 1960, Maktab Teknik telah mengorak langkah dengan mengendalikan kursus kejuruteraan di peringkat ikhtisas. Pelajar yang mengikuti kursus ini mengambil peperiksaan ikhtisas yang dianjurkan oleh Institution of Civil Engineers, Institution of Mechanical Engineers dan Institution of Electrical Engineers, United Kingdom. Kursus ini adalah bertaraf Ijazah dan kemajuan yang dicapai oleh para pelajar sangatlah menggalakkan.

Pada tahun 1967, Jawatankuasa Perancang Pelajaran Tinggi telah memperakukan Maktab Teknik dijadikan sebuah Institut Teknologi yang bertaraf Universiti mulai tahun 1969. Walau bagaimanapun, perakuan tersebut hanya terlaksana tiga tahun kemudian iaitu dengan tertubuhnya Institut Teknologi Kebangsaan pada 14 Mac 1972 di bawah Seksyen 6 (1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.



Kini, Universiti Teknologi Malaysia mempunyai dua buah kampus iaitu kampus induk Universiti di Skudai, Johor seluas 1,177 hektar dan Kampus Jalan Semarak Kuala Lumpur seluas 18 hektar. Fasa pertama pembinaan kampus baru telah siap pada pertengahan tahun 1985. Mulai sesi 1985/86 dua buah fakulti iaitu Fakulti Alam Bina dan Fakulti Ukur telah pun memulakan kursus pengajiannya di Kampus Skudai.

Kampus baru di Skudai telah dibuka dengan rasminya pada 1 Muharam 1406 bersamaan 16 September 1985 oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong Sultan Iskandar yang juga Canselor UTM pada ketika itu.

Mulai sesi 1988/89, semua pelajar tahun pertama telah ditempatkan di Kampus Skudai. Serentak dengan itu, Fakulti Sains dan Fakulti Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia dan juga sebahagian daripada staf pentadbiran dan fakulti lain mula beroperasi sepenuhnya di Kampus Skudai. Dua buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Awam dan Fakulti Kejuruteraan Jentera telah berpindah ke Kampus Skudai mulai sesi 1989/90. Mulai sesi 1989/90, Kampus Skudai telah menjadi kampus induk Universiti, sementara Kampus Kuala Lumpur menjadi kampus cawangan.

Universiti Teknologi Malaysia kini mempunyai sepuluh fakulti di Kampus Skudai yang menawarkan pelbagai

kursus peringkat Ijazah Sarjana Muda. Bagi kursus peringkat Diploma, ianya dijalankan di City Campus, Kuala Lumpur yang kini dikenali sebagai Kolej Sains dan Teknologi. Fakulti-fakulti yang terdapat di UTM ialah Fakulti Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Kimia & Kejuruteraan Sumber Asli, Fakulti Kejuruteraan & Sains Geoinformasi, Fakulti Alam Bina, Fakulti Sains, Fakulti Sains Komputer & Sistem Maklumat, Fakulti Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia dan Fakulti Pendidikan. Universiti ini juga mempunyai beberapa pusat kecemerlangan yang menjalankan penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi.



Johor Bahru Gerbang Selatan

Johor Darul Ta'zim merupakan tempat letaknya Kampus Induk Universiti Teknologi Malaysia. Ia terkenal sabagai negeri yang kaya dengan kepelbagaian kumpulan etnik, budaya dan kepercayaan yang menjadi simbol keharmonian bangsa di negeri ini. Ianya dikurniakan dengan kekayaan sumber alam semulajadi yang merupakan gedung ilmu yang tidak terhingga nilainya.

Johor Bahru, ibu negeri Johor dan bandaraya di mana terletaknya Universiti Teknologi Malaysia, menawarkan citraya kehidupan dikotanya di samping mengekalkan ketenteraman dan ketenangan hidup di kota.

Ianya merupakan sebuah bandaraya moden yang sedang pesat membangun. Kini dengan keluasan dianggarkan 1,817.8km persegi dan penduduk seramai 1,064,881 Johor Bahru adalah merupakan pusat pentadbiran kerajaan negeri, pusat pengangkutan, perniagaan, hiburan dan tempat berlangsungnya pelbagai aktiviti antarabangsa.



Lokasi Menarik Untuk Dikunjungi Di UTM

Taman Tropika & Galerium

Dibuka setiap hari bagi kunjungan awam, Taman Tropika menyediakan trek jogging, galerium, tasik bagi aktiviti sukan air serta pemandangan indah pohon-pohon tropika yang dijaga rapi. Taman ini juga sesuai digunakan untuk majlis keraian dan aktiviti rekreasi yang lain.



Pusat Ekuin

Pihak pengurusan ekuin menyediakan pakej bagi kursus latihan menunggang kuda dan pengurusan ekuin. 'Fun-Ride' dan trekking berkuda merupakan tumpuan terutama ketika musim cuti sekolah. Pelajar UTM boleh mengambil mata pelajaran ko-kurikulum yang ditawarkan dan perkhidmatan sewaan 'stable'. Penganjuran kejohanan ekuin bertaraf antarabangsa juga diadakan. Kawasan sekitar Pusat Ekuin digunakan untuk acara rekreasi.



Balai Cerapan

Pemandangan indah kampus boleh dilihat seluruhnya apabila pengunjung berada di puncak tertinggi UTM ini. Pengunjung juga berpeluang menikmati kehijauan sepanjang laluan ke Balai Cerapan.

Hutan Rekreasi

Hutan Rekreasi menyediakan kemudahan seperti tapak perkhemahan, trek jogging, jungle trekking dan trek laluan berkuda. Dengan keluasan 11 hektar, hutan ini sesuai bagi penganjuran kursus-kursus motivasi, kepimpinan dan bina semangat kerana ia dilengkapi dengan dewan terbuka, surau, dapur dan bilik air.

Makmal Marin

Makmal Teknologi Marin adalah satu-satunya makmal Marin di Malaysia dan antara makmal yang terbesar di Asia Tenggara. Makmal ini berupaya menguji dan merekabentuk bot serta kapal selain untuk pembelajaran pelajar. Ia juga digunakan bagi menjalankan aktiviti penyelidikan dan kerja-kerja komersil.

Makmal Aeronautik

Makmal ini merupakan satu-satunya makmal di Malaysia yang mempunyai kemudahan untuk membuat ujian terowong angin iaitu antara pengujian terpenting dalam industri penerbangan.

Makmal Robotik

Robot yang direkabentuk oleh pelajar UTM dipamerkan di makmal ini. Pengunjung berpeluang melihat demonstrasi robot ciptaan UTM dan akan diberi penerangan bagaimana robot dihasilkan.

Loji Pandu Kejuruteraan Kimia (CEPP)

Makmal ini sangat berguna untuk tujuan pengajaran dan latihan yang melibatkan aspek operasi, rekabentuk dan juga secara 'hands-on' kepada peserta atau usahawan kecil dan sederhana terutama yang terlibat di dalam industri herba/fitokimia dan bioteknologi.

Institut Voltan dan Arus Tinggi

IVAT berperanan untuk mengendalikan kerja-kerja pengujian dan tentukuran berkualiti serta kerja-kerja penyelidikan dan perundingan dalam bidang voltan tinggi.



Pusat-Pusat Kecemerlangan

UTM turut memainkan peranan untuk membantu negara melahirkan tenaga kerja yang terlatih dan mempunyai kualiti pendidikan yang tinggi. Sehubungan dengan itu, Universiti telah menubuhkan pusat-pusat kecemerlangan sebagai salah satu medium penting bagi perkhidmatan khidmat nasihat selain bertindak sebagai galakan kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Antaranya :

- Pusat Kajian Alam Melayu
- Institut Voltan & Arut Tinggi
- Institut Kebisingan dan Getaran
- Institut Kejuruteraan Pantai dan Lepas Pantai
- Institut Sultan Iskandar
- Institut Pengurusan Alam Sekitar
- Instiut kajian Sains Fundamental Ibu Sina
- Pusat Kecerdikan Buatan dan Robotik
- Pusat Kejuruteraan Perisian Termaju
- Pusat Kajian Geodesi dan Geodinamik
- Pusat Pembangunan Automotif
- Pusat Kajian Harta Tanah
- Pusat Teknologi dan pengurusan Pembinaan
- Pusat Teknologi Marin
- Pusat Teknologi Gas
- Pusat Dasar Teknologi dan Kajian Antarabangsa
- Pusat Penyelidikan Teknologi Proses Lipid
- Makmal Loji Pandu Kejuruteraan Kimia
- Institute For Geo-Spatial Science And Technology
- Institute For Advance Information Technology

Perkhidmatan Dan Kemudahan

PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH



Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ) merupakan Pusat Maklumat utama bagi UTM dan merupakan Perpustakaan terbesar dari segi koleksi dan keluasan fizikal di Selatan Semenanjung Malaysia. Perpustakaan ini telah mendapat anugerah kualiti MS ISO 9002 (1994) oleh SIRIM pada Mei 1998 yang mengiktiraf kualiti dalam perkhidmatannya serta dinaiktaraf ke MS ISO 9001:2000 pada Mei 2002. PSZ telah mendapat anugerah perpustakaan terbaik di Malaysia pada tahun 2005.

Keseluruhan operasi PSZ dikendalikan oleh Sistem Komputer yang dikenali sebagai INFOLAN2. Maklumat bahan yang terdapat di PSZ boleh diperolehi melalui modul OPAC (Online Public Access Catalog) yang boleh diakses melalui Web.

Koleksi

Koleksi PSZ berkait rapat kepada keperluan penggunaannya dan bidang teras Universiti. Sehingga Disember 2005 PSZ dianggarkan

mempunyai 484,260 naskah monograf, 7,993 judul jurnal dalam bentuk cetak dan elektronik.

Keahlian

Keahlian PSZ terdiri dari semua pelajar, staf dan orang awam. PSZ turut memberi peluang masyarakat luar seperti kakitangan kerajaan dan sektor swasta, pelajar sekolah (tingkatan empat ke atas), pelajar institut Pengajian Tinggi (IPT) tempatan dan alumni UTM menjadi ahli luar PSZ dengan dikenakan kadar yuran yang tertentu. Selain itu, PSZ juga membuka pintu keahliannya kepada sektor industri dan korporat.

Maklumat Elektronik

Pencarian maklumat elektronik boleh melalui pangkalan data atas talian (online searching) dan CD-ROM. Maklumat ini boleh diakses melalui portal PSZ (<http://web.utm.my/psz/>) dan perkhidmatan kaunter oleh Jabatan Sokongan Penyelidikan yang terletak di aras 3, PSZ.

Dianggarkan 32 judul pangkalan data atas talian dan 23 judul CD-ROM boleh diakses secara percuma oleh pengguna berdaftar di sekitar jaringan kampus UTM. Kebanyakan pangkalan data langganan PSZ menyediakan maklumat dalam bentuk indeks dan abstrak.

PSZ melanggan kebanyakan pangkalan data utama dunia di mana antara lainnya ialah Science Direct, EBSCOhost, Engineering Village2, Proquest Digital Dissertations dan Proquest Direct. Bagi pangkalan data tempatan pula, PSZ melanggan kepada NSTP Online, MASTIClink, SIRIMLink dan PALMOILIS.

Perkhidmatan Perpustakaan

Selain maklumat elektronik, PSZ turut menyediakan pelbagai perkhidmatan lain seperti Perkhidmatan Runding Maklumat, Bantuan Penyelidikan, Perkhidmatan Maklumat Terpilih, Kelas Kemahiran Perpustakaan, Sistem Pembekalan Penerbitan, Lawatan Berpandu, Kemudahan Internet dan lain-lain untuk semua pelajar dan pengguna perpustakaan.

PSZ juga turut menyediakan kemudahan ruang bacaan am yang luas di samping bilik belajar berkumpul, bilik tayangan, bilik seminar dan bilik belajar 24 jam kepada penggunanya.



PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR

Pejabat Hal Ehwal Pelajar secara umumnya adalah berperanan untuk menyediakan kemudahan prasarana yang kondusif bagi proses pembelajaran juga berfungsi sebagai 'one-stop agency'. Pejabat Hal Ehwal Pelajar juga bertanggungjawab dalam urusan yang berkaitan

dengan pembangunan pelajar, kemudahan kewangan, kesihatan, tatatertib, kemudahan asrama, kebajikan dan kegiatan persatuan pelajar serta aktiviti sukan.

Organisasi Pejabat Hal Ehwal Pelajar

Pejabat Hal Ehwal Pelajar di Universiti Teknologi Malaysia, boleh dibahagikan kepada beberapa Bahagian/Unit seperti berikut:



Carta Organisasi Pejabat Hal Ehwal Pelajar

Kolej-Kolej Kediaman

Universiti ini menyediakan tiga belas kolej kediaman di dalam kampus induk di Skudai, Johor seperti berikut :

- a) Kolej Rahman Putra
- b) Kolej Tun Fatimah
- c) Kolej Tun Razak
- d) Kolej Tun Hussein Onn
- e) Kolej Tun Dr. Ismail
- f) Kolej Tuanku Canselor
- g) Kolej Perdana
- h) Kolej Sembilan
- i) Kolej 10
- j) Kolej 11
- k) Kolej 12 & 13
- l) Kolej 14 & 15
- m) Kolej 16 & 17

Kolej pelajar ini termasuk kemudahan rumah bagi pelajar berkeluarga dan pelajar antarabangsa boleh menampung hampir seramai 19000 orang pelajar.

Pusat Kesihatan Universiti

Pendahuluan

Skim Kesihatan Pelajar menanggung kemudahan perubatan dan kesihatan semua pelajar berdaftar di:

- i) Pusat Kesihatan Universiti
- ii) Klinik/Hospital Kerajaan

Pusat Kesihatan Universiti menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan dan pergigian.

Unit ini dikendalikan oleh staf yang terlatih dan berdedikasi serta dilengkapi dengan kemudahan X-ray, ultrasound, makmal dan peralatan rawatan terkini. Maklumat dan rekod pesakit dikendalikan secara computer online dan paper-less antara bahagian dalam unit ini.

Klinik perubatan dibuka 8.00 pagi - 10.00 malam pada hari Isnin hingga Jumaat dan 8.00 pagi - 1.00 petang pada hari Sabtu. Kes kecemasan di luar waktu klinik dikendalikan oleh staf bertugas atas panggilan. Klinik Gigi dibuka 8.00 pagi - 5.00 petang pada hari Isnin hingga Jumaat.

a) Klinik Pesakit Luar

Klinik pesakit luar dibuka setiap hari kecuali pada hari Ahad dan cuti umum. Bagi memberi kemudahan yang secukupnya, Klinik Mahasiswa di Kampus Skudai dibuka dan jam 8.00 pagi - 10.00 malam pada hari Isnin hingga jumaat manakala hari Sabtu dari 8.00 pagi hingga jam 1.00 petang .

b) Rawatan Kecemasan

Kes kecemasan luar waktu klinik dikendalikan oleh staf bertugas atas panggilan.

c) Kemudahan Makmal Perubatan

Perkhidmatan perubatan dilengkapi dengan kemudahan makmal perubatan moden bagi membantu pendiagnosan penyakit.

d) Kemudahan Wad

Di Pusat Kesihatan Mahasiswa disediakan wad pemerhatian bagi menempatkan pesakit

sementara keadaannya stabil.

Unit ini juga menyediakan asrama sementara untuk menempatkan pelajar yang mengalami masalah penyakit berjangkit.

e) Rujukan Ke Hospital

Bagi pelajar yang memerlukan rawatan pakar, mereka akan dirujuk ke Hospital Kerajaan yang berdekatan. Perbelanjaan rawatan termasuk tinggal di wad kelas 2 di Hospital Kerajaan akan ditanggung oleh Skim Kesihatan Mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia.

f) Rawatan Pergigian

dengan peralatan moden yang mana mampu untuk memberikan kemudahan rawatan pergigian, tampalan, penskaleran, cabutan, endodontik, pembedahan kecil (mulut) dan khidmat nasihat pergigian kepada pelajar Universiti.

Pengangkutan

Sebanyak 18 buah bas syarikat swasta dan 12 buah bas Universiti di sediakan untuk kemudahan pelajar berulang alik di dalam kampus dari kolej-kolej pelajar. Perkhidmatan yang disediakan bermula jam 7.15 pagi hingga 11.30 malam. Terdapat juga kemudahan Bas Awam yang menghubungkan kampus dengan perumahan disekitarnya dan bandaraya Johor Bahru.

Kaunseling & Kerjaya

Untuk membantu Universiti dalam usaha menyokong perkembangan pelajar dengan bermatlamatkan untuk menghasilkan graduan yang berkualiti dan seimbang.

Objektif

- Membantu pelajar memperkembangkan potensi diri
- Mewujudkan suasana yang kondusif untuk kaunseling
- Menyediakan perkhidmatan yang dapat membangunkan personaliti pelajar
- Menyelesaikan masalah peribadi dan membuat keputusan yang terbaik
- Menerapkan budaya kaunseling di kalangan pelajar
- Meningkatkan kecemerlangan akademik pelajar
- Melengkapkan pelajar ke alam pekerjaan
- Mewujudkan perhubungan strategik dengan industri
- Mengadakan perkongsian pintar dengan fakulti dan kolej kediaman bagi program pembangunan pelajar

Misi

Menyediakan perkhidmatan sokongan untuk melahirkan graduan berkualiti dan seimbang.

Kaunseling

- Perkembangan personaliti
- Membuat keputusan yang tepat dan bertanggungjawab mengurus diri sendiri
- Mempertingkatkan kehidupan

bermasyarakat semasa dan selepas alam pengajian

- Menyelesaikan masalah peribadi

Kerjaya

- Memberi kesedaran kerjaya
- Membantu pelajar membuat persediaan dalam proses mencari kerja
- Membantu pelajar membuat pemilihan kerjaya yang sesuai
- Membantu pelajar mendapatkan peluang pekerjaan
- Bertindak sebagai "One-Stop Center" yang menghubungkan pelajar dengan syarikat luar
- Membantu pelajar merancang laluan kerjaya

Kemahiran Belajar

- Memberi kesedaran tentang pentingnya tahap kecemerlangan akademik
- Membantu pelajar memahami sistem akademik
- Mendedahkan kepada pelajar teknik pembelajaran yang berkesan

Persediaan Graduan

Bengkel Graduan Cemerlang

- Personal Grooming
- Pengucapan awam
- Teknik komunikasi dan temuduga yang efektif
- Penulisan Rersume
- Sesi bersama wakil industri/awam
- Perkongsian pintar bersama alumni fakulti

Aktiviti Pusat

- Recruitment Week & Days
- Bengkel Kecerlangan Diri

- Bengkel Kerjaya
- Bengkel Pembelajaran Berkesan
- Bengkel Sistem Akademik
- Ceramah Kerjaya
- Ceramah Motivasi & Kepimpinan
- Lawatan Industri
- Seminar/Simposium
- Kolokium Kaunseling
- PRS Asas & Lanjutan
- Kajian Pelajar
- Buletin Kaunselor
- Buletin UPSP

Kemudahan Di Pusat

- Akhbar
- Maklumat majikan
- Maklumat peluang kerjaya
- Pekerjaan dan temuduga terbuka
- Kemudahan menyediakan resume
- Membimbing rakan sebaya
- Bimbingan dalam Bahasa Inggeris
- Ruang legar pelajar
- Membantu penyelidikan pelajar

Pembimbing Rakan Sebaya (PRS)

- PRS ialah individu pelajar yang telah dilatih dalam bidang kemahiran asas komunikasi dan kaunseling
- Berperanan sebagai kawan yang berkesan kepada rakan sebaya
- PRS berperanan memberi motivasi kepada rakan-rakan sebaya
- Seorang pendengar yang peka kepada perasaan orang lain, berminat untuk mengambil berat serta rela memberi khidmat apabila pertolongan diperlukan.

Kemudahan Kafeteria & Arked

Kemudahan kafeteria di sediakan di setiap kolej penginapan, fakulti dan di beberapa tempat strategik di sekitar kampus.

Selain itu, konsep baru Pusat Perniagaan ARKED telah diperkenalkan. Ia memberi kemudahan kepada pelajar untuk memilih tempat dan jenis makanan yang disukai serta barang-barang keperluan harian. Sehingga kini, Pusat Perniagaan ARKED telah beroperasi di empat buah tempat sekitar kampus.

Ko-Kurikulum

Setiap pelajar diwajibkan lulus mata pelajaran ko-kurikulum sebagai salah satu syarat penganugerahan ijazah/diploma. Program ini dirancang melalui gerak kerja ko-kurikulum merangkumi Sukan & Rekreasi, Seni & Budaya, Pembinaan Diri & Khidmat Masyarakat, Badan Beruniform dan Program Khas. Ini dapat memperluaskan ko-kurikulum formal untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik di samping kukuh dan mantap dari segi sahsiah dan rohani.

Matlamat ko-kurikulum adalah untuk menggalakkan interaksi di kalangan pelajar dalam usaha membantu Universiti melahirkan graduan yang boleh menyesuaikan diri dan bekerjasama.

PELAKSANAAN

Mata pelajaran ko-kurikulum dalam pengajian ini diwajibkan dan dikuatkuasakan kepada semua pelajar UTM sepenuh masa. Universiti menawarkan 2 pakej jumlah jam kredit yang

diperlukan iaitu :-

Kursus Diploma/Integrasi - 1 jam kredit
Kursus Ijazah - 2 jam kredit

Mata pelajaran ko-kurikulum dibahagikan kepada lima iaitu :-

Sukan & Rekreasi

Badminton, Bola Baling, Bola Jaring, Bola Keranjang, Bola Lisut, Bola Sepak, Bola Tampar, Catur, Ekuestrian, Golf, Hoki, Kayak, Kecergasan, Kriket, Memanah, Orienteering, Ping Pong, Ragbi, Renang, Sepak Takraw, Skuasy, Tennis, Treking.

Seni & Budaya

Iqra', Koir, Kraftangan, Muzik Gamelan, Muzik Kompang, Kertuk & Rebana Ubi, Permainan Tradisional, Teater, Seni Grafik, Ukiran Kayu, Seni Tari, Asas Simenfero, Orkestra, Asas Membuat Pakaian.

Pembinaan Diri & Khidmat Masyarakat

Fotografi, Katering, Kaunselor Siswa, Kemahiran Asas Elektronik, Kepimpinan Kelab & Persatuan, Keusahawanan, Pengucapan Awam, Penulisan Kreatif, Silat Gayong, Pengurusan Diri & Tempat Kediaman, Pemikiran Kreatif & Penyelesaian Masalah, Pengurusan Kelab & Persatuan (HEP), Penulisan Skrip Drama TV, Asas Kewartawanan, Kemahiran Pencarian Maklumat, Teknologi Hortikultur Hiasan, Pemadam.

Badan Beruniform

Kelana Siswa, Pandu Puteri, Pertolongan Cemas.

Program Khas

Palapes Darat, Palapes Laut, Pengurusan Kelab dan Persatuan (HEP), Sukan (HEP), Pengurusan dan Mitigasi Bencana, Tae Kwan Do, Silat Cekak.

Sukan & Rekreasi

Kemudahan ini diuruskan oleh Unit Sukan yang bertanggungjawab terhadap pembangunan dan perkembangan sukan di Universiti melalui pelaksanaan program sukan yang bertujuan untuk menggalakkan perkembangan nilai-nilai kemanusiaan di dalam diri pelajar dan staf Universiti. Unit ini di bawah Pejabat Hal Ehwal Pelajar.

Penekanan dan penglibatan program bercorak kecergasan fizikal dan mental ini adalah supaya pelajar dan staf dapat menilai kepentingan kecergasan terhadap kehidupan dan seterusnya mendapat keseronokan dengan melibatkan diri di dalam aktiviti yang diadakan.

Matlamat

Matlamat Unit Sukan ialah untuk mempertingkatkan potensi atlit ke peringkat antarabangsa.

Objektif

- Menggalakkan penyertaan ramai dalam aktiviti sukan dan rekreasi.
- Menerapkan unsur-unsur gaya hidup sihat melalui sukan dan rekreasi.
- Menggalakkan penggunaan kemudahan bersukan secara optima.
- Mewujudkan suasana harmoni, muhibbah dan bertimbang rasa melalui jalinan kemesraan di kalangan peserta sukan.

- Mempertingkatkan prestasi sukan dengan lebih cemerlang.

Pelajar

- Pelajar yang terlibat secara langsung dengan sukan- Prestasi Tinggi
- Pelajar yang terlibat dengan sukan secara minat - mewakili kolej dan pertandingan terbuka/tertutup
- Pelajar yang terlibat dengan sukan sebagai aktiviti riadah
- Pelajar yang tidak terlibat dengan apa-apa aktiviti riadah

Staf

- Staf yang terlibat secara langsung dengan sukan - Prestasi Tinggi
- Staf yang terlibat dengan sukan secara minat - mewakili jabatan/unit dan pertandingan terbuka/tertutup
- Staf yang tidak terlibat dengan apa-apa aktiviti sukan

Komuniti

- Terlibat dengan aktiviti sukan melalui kejohanan yang diadakan dalam kampus
- Penggunaan kemudahan bersukan apabila mengelolakan kejohanan
- Penglibatan melalui pengadilan, kursus, klinik dan seminar

Aktiviti-Aktiviti

Aktiviti yang dijalankan adalah melalui penyertaan pelajar. Jenis aktiviti yang dianjurkan dan juga kejohanan yang disertai ialah :-

- a) Kejohanan Terbuka dan Tertutup Universiti
- b) Kejohanan Antara Kolej Pelajar (SUKAM)



Kemudahan Biasiswa & Pinjaman Pendidikan

Unit Biasiswa adalah unit yang menyelaras urusan mengiklankan tawaran, mengatur temuduga, membuat notis pemberitahuan mengenai permohonan biasiswa pinjaman dan mengemukakan dokumen perjanjian yang telah dilengkapkan kepada penganjur. Pelajar juga boleh memohon sendiri biasiswa/dermasiswa/pinjaman atau lain-lain bantuan kewangan dari badan-badan penganjur yang mereka layak memohon.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), MARA, pihak Kerajaan Negeri, Badan Berkanun dan Swasta adalah merupakan organisasi utama yang menawarkan bantuan kewangan dalam bentuk biasiswa/dermasiswa/pinjaman pada setiap tahun kepada pelajar.

1.0 Permohonan Biasiswa/Pinjaman Pendidikan

1.1 Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

Permohonan PTPTN boleh dibuat selepas pelajar mendaftar di IPT. Borang permohonan akan dijual dengan harga RM 5.00/set. Borang yang lengkap diisi hendaklah dihantar melalui IPT. Untuk keterangan lanjut pelajar boleh melayari laman web PTPTN.

- <http://moe.gov.my> atau
 - <http://ptptn.nc.com.my/ptptn/pinjaman.nsf>.
- Atau
- <http://welcome.to/ptptn>
 - <http://spider.nc.com.my/ptptn/pinjam.nsf>.

1.2 Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Biasiswa

Iklan tawaran akan dikeluarkan di akhbar-akhbar tempatan sebelum pelajar menerima tawaran ke IPT. Keputusan pelajar yang berjaya ditawarkan akan dimaklumkan oleh JPA melalui Unit Biasiswa, Pejabat Hal Ehwal Pelajar.

1.3 Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

Borang permohonan akan diedarkan bersama-sama dengan surat tawaran ke IPT. Permohonan ini hanya ditawarkan kepada kursus pendidikan dan calon terpilih sahaja.

1.4 Kerajaan Negeri, Badan Berkanun dan Swasta

Borang permohonan boleh diperolehi daripada akhbar-akhbar tempatan, Pejabat Hal Ehwal Pelajar atau agensi yang berkenaan melalui iklan yang dikeluarkan.

2.0 Biasiswa Universiti Teknologi Malaysia

2.1 Biasiswa Yayasan UTM

Pihak Universiti juga ada mengeluarkan biasiswa kepada pelajar-pelajar Bumiputera cemerlang yang berjaya memasuki UTM. Iklan dan borang-borang permohonan akan dikeluarkan pada awal semester sesi pengajian.

Kadar biasiswa yang ditawarkan adalah RM 10,000.00 setahun/seorang.

2.2 Biasiswa Yayasan Sultan Iskandar

Biasiswa ini dikeluarkan khas kepada anak-anak negeri Johor yang mendapat keputusan cemerlang di dalam peperiksaan SPM dan berjaya meneruskan pengajian ke UTM. Iklan dan borang permohonan akan dikeluarkan pada awal semester sesi pengajian. Kadar biasiswa adalah RM10,000.00 setahun/seorang.

3.0 Skim Pinjaman Tabung Kewangan Universiti

3.1 Skim Pinjaman Jangka Panjang Pelajar Tabung Pinjaman Universiti

Pihak Hal Ehwal Pelajar ada menyediakan Skim Pinjaman jangka panjang. Skim ini memberi peluang kepada pelajar yang tidak mendapat bantuan kewangan dari agensi kerajaan atau swasta untuk membuat pinjaman sementara (Maksimum Pinjaman RM 1,200.00).

3.2 Skim Pinjaman Jangka Pendek (Tabung Sementara)

Skim ini adalah bagi membantu pelajar yang telah berpenganjur tetapi belum menerima/kelewatan menerima bayaran tajaan daripada penganjur. Maksimum pinjaman adalah RM 500.00. Bayaran balik akan dipotong terus melalui Biasiswa/pinjaman yang diterima.

KEBAJIKAN

i) Tabung Khairat

Sumbangan yang diberikan di atas sebab-sebab kecederaan akibat kemalangan jalanraya, kematian pelajar, kematian ibu/bapa, suami/isteri/anak, kecederaan semasa terlibat dengan kebakaran, bersukan, bencana alam dan kes yang diluluskan dari masa ke semasa.

ii) Skim Insuran Takaful

Pelajar/waris perlu mengemukakan dokumen yang berkaitan seperti Laporan Polis, Laporan Perubatan, Salinan Kad Pengenalan, Salinan Sijil Kematian dan Salinan Permit Pengkebumian (jika berkenaan) ke Pejabat Hal Ehwal Pelajar supaya tuntutan di bawah Skim ini dapat di uruskan dengan pihak insuran.

Persatuan Pelajar

Terdapat pelbagai persatuan terbuka untuk disertai oleh pelajar. Antaranya ialah:

- Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)
- Persatuan Sains dan Teknologi (PESAT)
- Persatuan Seni Bina (ARCHITECH)
- Persatuan Pengurusan Teknologi (STRATEGI)
- Persatuan Pengurusan Harta Benda dan Penilaian (PEHARTA)
- Persatuan Mahasiswa Ukur Bahan (OS-BINA)
- Persatuan Perancangan Bandar dan Wilayah (PEWIBAWA)
- Persatuan Mahasiswa Ukur Tanah (PEMETA)
- Persatuan Pelajar Kejuruteraan Mekanikal (PETERA)
- Persatuan Teknologi Marin (TEKNOMARIN)
- Persatuan Pelajar Kejuruteraan Awam (PEKA)

- Persatuan Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli (PPKK)
- Persatuan Pelajar Kejuruteraan Gas (GESS)
- Persatuan Pelajar Kejuruteraan Elektrik (JURUTEK)
- Persatuan Sains Komputer (PERSAKA)
- Persatuan Mahasiswa Pendidikan (PENDIDIK)
- Persatuan Seni Silat Cekak (PSSCUTM)
- Persatuan Tae Kwon Do (PTKDUTM)
- Persatuan Mahasiswa Islam (PMIUTM)
- Persatuan Mahasiswa Hindu (PMHUTM)
- Persatuan Mahasiswa Buddha (PMBUTM)
- Persatuan Mahasiswa Sikh (PMSUTM)
- Persatuan Pelajar Kejuruteraan Petrol
- Ikatan Kristian (IKUTM)
- Kelab Kaji Terbang (AERO)
- Kelab Fotokreatif
- Kelab Usahawan
- Kelab De Fikir
- Kelab Rekreasi Mahasiswa
- Kelab Kelana Siswa
- Kelab Iqra'
- Kelab Kaunseling dan Kerjaya (KKDK)
- Kelab Geomatik (GEOINFO)
- Kelab Pemadam
- Kelab WAWASAN
- Kelab Seni Silat Gayung (KSSGUTM)
- Kelab Pembangunan Sumber Manusia (SMART)
- Kelab Koir
- Kelab Perpaduan
- Kelab Penyayang
- Student Chapter Golden Key Honour Society
- Student Chapter Society Of Manufacturing Engineers (SME)
- Student Chapter Institut Jurutera Malaysia (IEM UTM)
- Student Chapter Institut of Electrical And Electronic Engineers (IEEE UTM)

- Student Chapter AIESEC (AIESEC UTM)
- Student Chapter Automotive Technology (AUTECH UTM)
- Student Chapter Automotive Engineering (SAE UTM)
- Student Chapter Industrial Design (ID UTM)
- Student Chapter Petroleum Engineering (SPE UTM)
- Student Chapter Plastics & Rubber Institute Malaysia
- Student In Free Enterprise (SIFE)
- Jawatankuasa Mahasiswa Kolej Rahman Putra
- Jawatankuasa Mahasiswa Kolej Tun Fatimah
- Jawatankuasa Mahasiswa Kolej Tun Razak
- Jawatankuasa Mahasiswa Kolej Tun Hussein Onn
- Jawatankuasa Mahasiswa Kolej Tun Dr. Ismail
- Jawatankuasa Mahasiswa Kolej Tuanku Canselor
- Jawatankuasa Mahasiswa Kolej Perdana
- Jawatankuasa Mahasiswa Kolej 9
- Jawatankuasa Mahasiswa Kolej 10
- Jawatankuasa Mahasiswa Kolej 11
- Jawatankuasa Mahasiswa Kolej 12 & 13
- Jawatankuasa Mahasiswa Kolej 14 & 15
- Jawatankuasa Mahasiswa Kolej 16 & 17

KEMUDAHAN PEJABAT POS & BANK

Terdapat dua buah bank yang beroperasi di UTM bagi kemudahan pelajar iaitu Bank Bumiputera Commerce Berhad di Bangunan Persatuan Pelajar dan Bank Muamalat di Rumah Tamu UTM.

Kemudahan perkhidmatan ATM juga disediakan oleh bank berkenaan. Selain itu, terdapat perkhidmatan ATM oleh Bank Simpanan Nasional di aras bawah Bangunan Pentadbiran dan ATM RHB di Dewan Kuliah Pusat N24.

KEDAI BUKU KOPERASI

Ia menyediakan perkhidmatan jualan alat-alat tulis, buku-buku nota, bahan-bahan rujukan, Buku Teks, Kemeja-T dan lain-lain keperluan pelajar. Kedai ini terletak di Aras 1 Bangunan Persatuan Pelajar.

MASJID

Masjid Sultan Ismail terletak di tengah-tengah Lingkaran Ilmu. Berkeupayaan menampung 10,000 orang jemaah pada sesuatu masa. Kemudahan yang terdapat di Masjid Sultan Ismail meliputi ruang solat, dewan kuliah, bilik seminar, bilik sumber dan ruang pejabat.

KEMUDAHAN KOMPUTER

Dewan komputer ini terletak di Aras 3 Blok D07, Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (CICT), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Peralatan dan perisian yang disediakan antaranya ialah 466 buah komputer peribadi versi terkini, 5 buah mesin pencetak, 2 mesin pengimbas, 2 buah CD Writer dan pelbagai perisian.

Pelbagai perisian komputer dibekalkan seperti Microsoft Window, Adobe Acrobat Reader, Open Source, Internet Browser Netscape Real One Player dan lain-lain lagi.

ALUMNI UTM

Unit Perhubungan Alumni (UPA) berusaha untuk menjalinkan perhubungan berterusan dalam

bentuk sosial dan profesional di antara Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan graduannya. Perhubungan dua hala ini akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak antara Alumni dan UTM. Perhubungan ini juga diharap akan dapat memupuk rasa kekitaan kepada UTM yang berterusan di kalangan para graduan.

Matlamat

Matlamat akhirnya ialah untuk mewujudkan kesinambungan bekas graduan UTM yang akan menerajui kepimpinan dalam pelbagai bidang dan mewujudkan perhubungan antara bekas graduan dengan pihak Universiti.

Objektif

1. Mewujudkan satu badan perhubungan di antara graduan dengan Universiti Teknologi Malaysia.
2. Memupuk rasa kepunyaan yang berterusan di kalangan para graduan.
3. Satu saluran yang dapat memberi "nilai imbuhan" kepada aktiviti yang dijalankan oleh fakulti dan juga UTM secara berterusan.
4. Satu sumber sokongan kewangan bagi projek-projek tertentu yang dilaksanakan oleh UTM.
5. Memberi pengiktirafan kepada ahli alumni yang telah berjaya dalam kerjaya atau aktiviti masyarakat.

Ahli Alumni ialah :

1. Mereka yang telah mengikuti dan berjaya menamatkan pengajian di peringkat Sijil, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah.
2. Graduan daripada lulusan Maktab Teknik, Institut Teknologi Kebangsaan (ITK) dan UTM.

"Ahli Bersekutu Alumni" adalah:

- i) Graduan yang ada kaitan daripada segi pengiktirafan atau kerjasama dengan UTM.
- ii) Pensyarah UTM yang bukan graduan UTM.

Aktiviti UPA

Dalam mengeratkan hubungan serta mengukuhkan UPA, beberapa aktiviti telah dijalankan antaranya ialah :

Malam Pra Graduan

Malam Pra Graduan ialah aktiviti tahunan UPA. Program ini dihaskan untuk pelajar-pelajar tahun akhir dan bertujuan untuk meraikan para pelajar di samping menjalinkan hubungan kesepakatan yang lebih rapat dan berterusan antara pihak UTM dan bakal-bakal graduan.

Penubuhan Zon

Dalam usaha untuk memperkembangkan perhubungan di antara alumni, UPA telah menubuhkan Sektor Alumni di setiap negeri antaranya ialah Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang, Kedah/Perlis, Pahang, Terengganu, Kelantan, Sarawak, Sabah dan Zon Antarabangsa iaitu Jakarta dan Padang. Objektif utama penubuhan zon ini ialah untuk membantu UPA menghubungi Alumni dan mewujudkan rangkaian perhubungan yang lebih aktif. Penubuhan zon boleh dianggap sebagai satu badan penggerak kepada aktiviti Alumni.

Perjumpaan Alumni

UPA telah mengadakan beberapa program perjumpaan yang bertujuan untuk mengembalikan nostalgia para Alumni terhadap Universiti.

Perjumpaan diadakan secara berkala dan merupakan saluran untuk mengembangkan rangkaian perhubungan UPA.

Anugerah Tokoh Alumni

Anugerah pertama telah diadakan pada tahun 1998 bertujuan untuk menghargai lulusan UTM yang telah memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Kriteria utama untuk pemilihan adalah berasaskan kepada kejayaan peribadi calon dalam kerjayanya, sumbangan kepada masyarakat serta sumbangan dan sokongan kepada UTM.

"Home Coming" (Kerjasama Fakulti/Kolej)

Objektif utama program ini ialah untuk mewujudkan hubungan kerjasama yang erat antara pihak UTM dan Alumni.

Tabung Ehsan

Tabung Ehsan bertujuan untuk membantu pelajar yang menghadapi masalah kewangan semasa pengajian dan membantu dalam apa-apa bentuk sumbangan yang difikirkan sesuai oleh Pemegang Amanah untuk kebaikan UTM. Sumber kewangan tabung ini ialah sumbangan para Alumni UTM sendiri.



DEWAN SULTAN ISKANDAR

Dewan utama di Universiti Teknologi Malaysia ini berkeupayaan untuk menampung lebih daripada 3,500 orang pada sesuatu masa. Dewan ini digunakan untuk upacara-upacara rasmi Universiti seperti Konvokesyen dan juga sebagai dewan peperiksaan utama

Program AKADEMIK

FAKULTI ALAM BINA

Fakulti ini telah ditubuhkan pada tahun 1972 dengan nama asalnya Fakulti Senibina. Pada bulan Oktober 1974 dengan penubuhan Jabatan Ukur Bahan dan Jabatan Perancangan Bandar & Wilayah, Fakulti Senibina telah ditukar nama menjadi Fakulti Alam Bina. Fakulti Alam Bina boleh dikatakan mempunyai kedudukan yang unik di antara fakulti-fakulti yang ada di UTM kerana ia mengendalikan kursus-kursus yang bernaung dalam lima bidang ikhtisas yang berlainan tetapi berkaitan iaitu Perancangan Bandar dan Wilayah, Senibina, Senibina Landskap, Ukur Bahan dan Pembinaan.

VISI

Untuk menjadi Pusat Kecemerlangan Pendidikan Profesional Alam Bina Bertaraf Antarabangsa

MISI

Untuk Menerajui Pendidikan Profesional Dalam Alam Bina

MATLAMAT DAN OBJEKTIF

Matlamat Fakulti telah digubal dengan objektif-objektif berikut:

- 1) Mewujudkan sistem pendidikan dalam bidang ikhtisas yang cekap untuk melahirkan para graduan yang terlatih dan mampu menghasilkan daya pemikiran kreatif yang berkesan, di samping menyedari kehendak-kehendak agama, warisan kebudayaan dan alam bina.
- 2) Menggunakan kepakaran sedia ada untuk merintis, menganjur, melaksanakan dan mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan penyelidikan, penerbitan, perundingan dan projek khidmat masyarakat dengan organisasi luar.
- 3) Memberikan perkhidmatan kepada masyarakat.

JABATAN

- Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
- Jabatan Senibina
- Jabatan Senibina Landskap
- Jabatan Ukur Bahan

Fakulti juga telah menubuhkan dua pusat kecemerlangan untuk menjalankan aktiviti perundingan serta aktiviti penyelidikan dan pembangunan

- Pusat Kajian Alam Lingkungan Melayu (KALAM)
- Pusat Kajian Perancangan Luar Bandar (PKPLB)

KURSUS-KURSUS YANG DITAWARKAN

Ijazah Sarjana Muda (Undergraduate)

- Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah
- Sarjana Muda Senibina
- Sarjana Muda Senibina Landskap
- Sarjana Muda Ukur Bahan
- Sarjana Muda Sains Pembinaan

SARJANA MUDA PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH

Sinopsis

Program ini memberi tumpuan untuk menghasilkan jururancang yang memenuhi keperluan Akta Perancang Bandar 1995, (Akta 538) dan yang mampu melaksanakan kerja-kerja perancangan bandar berdasarkan Akta 172, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (termasuk pindaan 1995 dan 2001). Tumpuan khusus diberi kepada menghasilkan jururancang fizikal (design-based) yang juga dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran dalam aspek pelaburan harta tanah, alam sekitar, teknologi maklumat, kejuruteraan awam, pengurusan dan undang-undang.

Di peringkat Tahun 1 dan 2, penekanan diberi kepada penguasaan pengetahuan asas perancangan, kemahiran senireka, kemahiran susunatur, kemahiran komputer, penguasaan teknik asas perancangan dan kefahaman asas terhadap sistem dan amalan perancangan. Di peringkat Tahun 3 dan 4 pula, penekanan diberi kepada pengetahuan perancangan yang lebih mendalam, penguasaan teknik analitikal, rekabentuk, penyediaan rancangan-rancangan pembangunan, undang-undang dan amalan perancangan. Di peringkat ini juga pelajar boleh memilih untuk membuat pra-pengkhususan kepada bidang-bidang tertentu seperti teknologi maklumat dalam perancangan, pengurusan alam sekitar, perancangan pengangkutan, perancangan pelancongan, perancangan luar bandar, rekabentuk bandar dan sebagainya.

Tempoh Pengajian

8 Semester (4 tahun)

Objektif Program

Melahirkan graduan yang berkualiti, kompeten dan serba boleh untuk memikul tugas dalam bidang Perancangan Bandar dan Wilayah yang progresif

Melahirkan graduan dengan kemahiran dan keupayaan teknikal, rekabentuk dan strategik untuk memenuhi keperluan merancang pembangunan

Kerjaya

Graduan daripada Kursus Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah berpeluang memulakan kerjaya sebagai Pegawai Perancang Bandar/Jururancang sama ada di sektor awam dan swasta seperti berikut:-

- i) Sektor Awam
 - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
 - Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (seperti Dewan/ Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran, Majlis Daerah, dan lain-lain).
- ii) Sektor Swasta
 - Firma Perancangan Bandar
 - Firma Pemaju Harta Tanah

SARJANA MUDA SENIBINA

Sinopsis

Program ini memberi penekanan kepada pendirian yang holistic agar bergerak maju dalam senibina dengan mengeksplotasi keunikan dan kekuatan nusantara. Program ini menyebarkan pengetahuan senibina di nusantara seperti senibina tropika, senibina bandar dan senibina warisan. Program ini memberi komitmen untuk melahirkan ahli akademik dan profesional yang kompeten yang mana merupakan pra-syarat bagi kemajuan senibina dan kemanusiaan.

Tempoh Pengajian

10 Semester (5 tahun)

Objektif Program

Melahirkan graduan senibina yang kreatif yang berupaya untuk memenuhi kehendak alam sekitar yang sentiasa berubah dan bersedia untuk bertanding dalam arena antarabangsa tanpa mengeneikan nilai-nilai murni warisan dan budaya untuk faedah kemanusiaan.

Memberi keupayaan kepada graduan untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam persekitaran pekerjaan yang dipilih.

Kerjaya

Lulusan dari Program Senibina UTM mempunyai peluang kerjaya yang cerah dalam era pembangunan negara. Kerjaya yang boleh diceburi antaranya adalah seperti berikut :-

- Arkitek/Arkitek Bangunan
- Pengurus Projek
- Pemaju Hartanah
- Penyelia Projek
- Pensyarah Senibina
- Pereka Bentuk Grafik/Animasi

SARJANA MUDA SENIBINA LANDSKAP

Sinopsis

Bidang Senibina Landskap boleh disifatkan sebagai suatu bidang yang melibatkan unsur-unsur perancangan serta rekabentuk tanah dan air untuk membentuk ruang-ruang luar yang praktik bagi kesejahteraan hidup tempat tinggal, kerja atau bersosial.

Program ini adalah merupakan satu seni dan juga sains yang berkait dengan pembentukan landskap bagi kegunaan manusia secara produktif serta mempunyai nilai-nilai estetik memenuhi keperluan kerohanian.

FAKULTI ALAM BINA

Tempoh Pengajian

8 Semester (4 tahun)

Objektif Program

Mendidik, melatih dan melahirkan para profesional Senibina Landskap yang boleh merancang, merekabentuk, dan mengurus ruang luaran dalam kerja-kerja lanskap.

Melatih tenaga ikhtisas yang bermutu dan berkemampuan dalam bidang Senibina Lanskap.

Kerjaya

Graduan program ini telah diberi kemahiran untuk merancang, mengurus dan merekabentuk ruang luaran yang akan memegang jawatan Arkitek Landskap dalam sektor awam dan swasta. Kerjaya lain yang turut diceburi oleh graduan program ini ialah:

- Kontraktor Landskap
- Penyelia Projek
- Pensyarah Senibina Landskap
- Konsaltan Landskap
- Guru

SARJANA MUDA UKUR BAHAN

Sinopsis

Matlamat program Ukur Bahan adalah untuk mendidik dan melahirkan graduan yang berfikiran luas, kreatif, inovatif, "versatile" serta berpengetahuan dan cekap dalam bidang Ukur Bahan. Pelajar akan diberi pengetahuan dan kefahaman teori-teori dan prinsip-prinsip Ukur Bahan melalui bidang-bidang pengukuran dan dokumentasi, teknologi, ekonomi dan kewangan, kontrak dan perolehan binaan, pengurusan projek, amalan ikhtisas serta teknologi maklumat. Pelajar juga akan memperolehi kebolehan untuk mengaplikasi kaedah dan kemahiran berasaskan bidang dan prinsip-prinsip Ukur Bahan kepada praktis Ukur Bahan. Dengan mengintegrasikan pengetahuan dan kemahiran praktikal Ukur Bahan,

pelajar akan berupaya untuk mengenalpasti dan menganalisis masalah, menilai penyelesaian alternatif serta mencadangkan penyelesaian yang menuasabah. Di samping itu, pelajar juga akan diterapkan dengan kemahiran generik agar dapat berkomunikasi dan berfungsi di dalam kumpulan dengan berkesan serta berkebolehan memperolehi pengetahuan baru dan menyesuaikan diri dalam persekitaran yang berubah-ubah.

Tempoh Pengajian

6 Semester (3 tahun)

Objektif Program

Melahirkan graduan yang berkualiti, kompeten, dan serba boleh yang mempunyai pengetahuan teknikal dan kemahiran praktikal yang diperlukan untuk memikul tugas dalam bidang Ukur Bahan.

Kerjaya

Graduan program ini akan menceburi profesion Juruukur Bahan yang terlibat secara langsung dalam pengurusan kewangan dan kontrak binaan dari peringkat awal ke peringkat penyiaapan akaun muktamad projek.

SARJANA MUDA SAINS PEMBINAAN

Sinopsis

Program telah dirangka khusus bagi memberikan pengetahuan dan kemahiran di dalam bidang kejuruteraan dan pengurusan pembinaan. Ia melengkapkan graduan dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh pengurus projek pembinaan dalam merancang, mengurus dan melaksanakan projek binaan dengan cekap dan berkesan.

Tempoh Pengajian

6 Semester (3 tahun)

Objektif Program

Untuk menghasilkan graduan yang memiliki pengetahuan, kemahiran dan keupayaan dalam bidang pengurusan dan teknikal untuk memikul tanggungjawab dalam bidang pengurusan projek pembinaan yang memenuhi aspirasi negara dan bersaing di peringkat global.

Kerjaya

Graduan program ini akan memulakan kerjaya mereka samada dengan firma kontraktor binaan, pemaju atau firma pengurusan projek sebagai:

- Pengurus Pembinaan
- Pengurus Projek
- Koordinator Projek
- Jururancang Projek

Keterangan lanjut boleh di dapati melalui:

Dekan
Fakulti Alam Bina
81310 UTM Skudai
Johor Darul Ta'zim
Tel : 07-5530601
Faks : 07-5566155
Emel : dfab@fab.utm.my
Laman Web: www.fab.utm.my

FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM

Fakulti Kejuruteraan Awam secara rasminya di tubuhkan pada tahun 1975 di Kampus UTM, Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Fakulti Kejuruteraan Awam mempunyai 145 orang staf akademik dan 77 orang staf sokongan dan teknikal dengan jumlah enrolmen pelajar seramai 1477 orang bagi ijazah sarjana muda dan 317 orang bagi pasca siswazah. Fakulti Kejuruteraan Awam mula beroperasi di Kampus Induk UTM, Skudai, Johor mulai 1989.

VISI

Menjadi Pusat Pendidikan Profesional dan Penyelidikan Kejuruteraan Awam Bertaraf Dunia.

MISI

Menerajui Kecemerlangan Akademik dan Pembangunan Kejuruteraan Teknologi Menerusi Kreativiti

OBJEKTIF FAKULTI

- i) Melahirkan graduan berkualiti melalui pelaksanaan kurikulum bersepadu yang memenuhi keperluan pasaran.
- ii) Mempertingkatkan dan memberi khidmat kepakaran kejuruteraan awam.
- iii) Meluaskan hubungan strategik antara universiti dan industri.
- iv) Memperbanyak hasil penyelidikan dan penulisan berkualiti.
- v) Mempertingkatkan sistem pendidikan berterusan yang terancang.
- vi) Mempertingkatkan kemahiran dan kepakaran sumber manusia.
- vii) Meningkatkan budaya kerja berpasukan yang efektif dalam suasana kerja yang kondusif.

JABATAN

- Jabatan Struktur dan Bahan
- Jabatan Hidraul dan Hidrologi
- Jabatan Geoteknik dan Pengangkutan
- Jabatan Kejuruteraan Alam Sekitar
- Unit Teknologi Maklumat
- Unit Ukur
- Unit Ujikaji Kejuruteraan Awam (CETU)
- Pusat Sumber

KURSUS YANG DITAWARKAN

Ijazah Sarjana Muda (Undergraduate)

- a) Sarjana Muda Kejuruteraan (Awam)

SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (AWAM)

Sinopsis

Kejuruteraan awam meliputi bidang yang sangat luas. Bidang pengajiannya melibatkan kajian semulajadi alam seperti tanah, air dan persekitaran. Ini adalah kerana kejuruteraan awam merupakan satu bidang teknologi yang menggunakan segala sumber semulajadi alam bagi faedah kehidupan manusia sejagat.

Terdapat tiga program akademik yang diluluskan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk pelaksanaan di Fakulti, iaitu Sarjana Muda Kejuruteraan (Awam), Sarjana Muda Kejuruteraan (Awam – Alam Sekitar) dan Sarjana Muda Kejuruteraan (Awam – Pengurusan Pembinaan). Secara keseluruhan, ciri program yang dilaksanakan ini merangkumi empat bidang teras iaitu:

Struktur dan Bahan – merangkumi kajian bahan kejuruteraan awam, mekanik bahan, statik dan dinamik, teori dan reka bentuk struktur dan binaan, peraturan kontrak dan taksiran, prinsip dan amalan pengurusan dan pembinaan

Geoteknik dan Pengangkutan – memberi tumpuan kepada kajian mekanik tanah, kejuruteraan asas dan bahan, geologi, perancangan dan kaedah-kaedah rekabentuk jalanraya, trafik dan pengangkutan.

Hidraul dan Hidrologi – merangkumi kajian mekanik bendalir dan reka bentuk sistem sumber air permukaan dan air bumi, empangan, sistem pembentungan, perpaipan & perparitan serta pengairan, pantai dan pelabuhan dan struktur hidraulik.

Alam Sekitar – meliputi kajian pengawalan kualiti alam sekitar, air minuman, air sisa, sisa buangan dan sisa pejal. Ini untuk memastikan penggunaan sumber

alam semula jadi dapat menjamin kesejahteraan hidup manusia dan kestabilan alam sekitar.

Kesemua bidang teras ini mendapat pendedahan yang meluas menerusi penggunaan teknologi maklumat, antaranya penggunaan komputer dalam kerja analisis, reka bentuk dan pembangunan aturcara pendek dan perisian bagi menyelesaikan pelbagai masalah kejuruteraan awam.

Tempoh Pengajian

Tempoh minimum pengajian adalah 8 Semester (4 tahun).

Objektif Program

Graduan dapat menggunakan pengetahuan dan kemahiran dalam merancang, menganalisis, reka bentuk dan menyelia kerja yang berkaitan dengan bidang kejuruteraan awam.

Graduan berkebolehan teknikal untuk menyelesaikan masalah secara kritikal, logikal, kreatif dan analitikal berdasarkan idea-idea dan fakta yang kukuh.

Kerjaya

Jurutera Awam terlibat dalam menyediakan kemudahan untuk kesejahteraan manusia sejagat. Oleh itu, prospek kerjaya sebagai jurutera adalah menggalakan. Di negara maju seperti Amerika Syarikat, terdapat 76 jurutera untuk setiap 10,000 orang, sedangkan di Malaysia hanya terdapat 7 orang (statistik tahun 1994). Malaysia akan menyusuli Amerika Syarikat ke arah negara maju pada tahun 2020. Untuk memastikan pembangunan yang pesat ini, negara memerlukan bilangan jurutera yang ramai. Di Malaysia, peluang pekerjaan untuk jurutera awam terbuka luas samada di sektor awam, korporat, swasta ataupun bekerja sendiri sebagai perunding atau kontraktor. Di antara institusi yang menawarkan pekerjaan adalah seperti berikut;

Sektor Awam

- Jabatan Kerja Raya (JKR)
- Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
- Jabatan Bekalan Air (JBA)
- Majlis atau agensi kerajaan tempatan
- Institusi Pengajian Tinggi (IPTA)

Sektor Korporat/Swasta

- Tenaga Nasional Berhad (TNB)
- Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS)
- PETRONAS
- Indah Water Konsortium (IWK)
- Syarikat Air Negeri
- Syarikat Perundingan dan Kontraktor
- IPTS

Keterangan lanjut boleh didapati melalui:

Dekan
 Fakulti Kejuruteraan Awam
 81310 UTM Skudai
 Johor Darul Ta'zim
 Tel : 07-5531581
 Faks : 07-5531745/07-5566157
 Emel : Hasanan@fka.utm.my
 Laman web: www.fka.utm.my

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) telah ditubuhkan pada akhir tahun 1974 dan beroperasi di Kampus Universiti Teknologi Malaysia Jalan Semarak, Kuala Lumpur sehingga 31 Mei 1995. Pada 1 Jun 1995, Fakulti Kejuruteraan Elektrik telah beroperasi sepenuhnya di kampus Induk Universiti Teknologi Malaysia di Skudai, Johor.

VISI

Menjadi sebuah pusat kecemerlangan dan peneraju dalam bidang pendidikan dan penyelidikan kejuruteraan elektrik yang bertaraf dunia.

MISI

Menyediakan program pengajaran dan pembelajaran yang cemerlang dalam bidang kejuruteraan elektrik

Membangunkan teknologi dan ahli teknologi dalam bidang kejuruteraan elektrik yang mempunyai nilai Islam dan murni yang unggul

Menerajui keilmuan teknologi kejuruteraan elektrik.

MATLAMAT DAN OBJEKTIF

Mengeluarkan ahli profesional yang bertanggungjawab kepada pencipta dan Masyarakatnya.

Mengeluarkan ahli profesional yang terlatih, mahir dan cekap melalui pengwujudkan program akademik yang baik.

Mewujudkan perhubungan strategik di antara universiti dengan industri.

Membangunkan dan mewujudkan staf akademik dan sokongan yang berkualiti.

Mewujudkan budaya penyelidikan dan perundingan yang cemerlang.

JABATAN

FKE terdiri daripada lapan jabatan iaitu:

- Jabatan Kejuruteraan Elektrik Kuasa
- Jabatan Kejuruteraan Elektronik

- Jabatan Kejuruteraan Kawalan & Instrumentasi
- Jabatan Kejuruteraan Komputer & Mikroelektronik
- Jabatan Kejuruteraan Mekatronik & Robotik
- Jabatan Kejuruteraan Perhubungan Optik & Telematik
- Jabatan Kejuruteraan Perhubungan Radio
- Jabatan Kejuruteraan Penukaran Tenaga

Fakulti juga telah menubuhkan lima pusat kecemerlangan untuk menjalankan aktiviti perundingan serta aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Pusat ini ialah :

- Institut Voltan dan Arus Tinggi - [IVAT]
- Pusat Kecerdikan Buatan dan Robotik - [CAIRO]
- Pusat Komunikasi Wayarles - [WCC]
- Pusat Kejuruteraan Bio-Perubatan (CBE)
- Pusat Teknologi Fotonik (CFT)

KURSUS-KURSUS YANG DITAWARKAN

Ijazah Sarjana Muda (Undergraduate)

- Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik
- Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik – Kawalan dan Instrumentasi)
- Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik – Mekatronik)
- Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik – Elektronik)
- Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik – Elektronik Perubatan)
- Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik – Telekomunikasi)
- Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik – Mikroelektronik)
- Sarjana Muda Kejuruteraan (Komputer)
- Sarjana Muda Kejuruteraan (Bio-Perubatan)

Tempoh Pengajian

Semua kursus Sarjana Muda di Fakulti Kejuruteraan Elektrik mengambil tempoh minimum selama 4 tahun atau 8 semester bagi memperolehi Ijazah.

SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (ELEKTRIK)

Sinopsis

Kursus Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik) adalah merupakan suatu jurusan yang berkaitan dengan kajian sistem elektrik dan elektronik. Ianya merangkumi reka bentuk, pembinaan, pengeluaran, penyelenggaraan, pengujian dan pengawalan komponen-komponen peralatan atau sistem elektrik.

Pada masa negara menuju ke arah perindustrian, bidang kejuruteraan elektrik memainkan peranan yang sangat penting. Keperluan ini telah dinyatakan dengan jelas di dalam Laporan Pelan Induk Perindustrian. Untuk mencapai matlamat perindustrian ini, jurutera-jurutera elektrik dan elektronik yang berupaya untuk mereka bentuk, mengendali dan menyelenggara peralatan elektrik dan elektronik adalah sangat diperlukan.

Objektif Program

Untuk melahirkan para graduan yang berkeupayaan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran di dalam merancang, menganalisa serta memantau segala kerja yang berhubungkait dengan Kejuruteraan Elektrik.

Untuk melahirkan para graduan teknikal yang berkeupayaan serta berketrampilan di dalam menyelesaikan masalah secara kritikal, logikal, kreatif dan analitikal berpandukan pengetahuan di dalam bidang Elektrik.

Kerjaya

Bidang Kejuruteraan Elektrik telah dikenalpasti sebagai salah satu bidang yang berpotensi untuk dimajukan bagi pembangunan industri masa depan. Terdapat permintaan yang tinggi untuk jurutera elektrik dan dengan itu prospek para graduan setelah tamat kursus ini amatlah baik serta meningkat dari masa ke semasa. Keperluan ini semakin bertambah dengan meningkatnya pelaburan asing di negara kita terutama di industri elektronik dan semikonduktor. Selain daripada syarikat berasaskan elektrik dan elektronik, banyak lagi syarikat lain seperti syarikat yang berkaitan dengan teknologi maklumat memerlukan Jurutera Elektrik.

SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (ELEKTRIK - KAWALAN DAN INSTRUMENTASI)

Sinopsis

Kejuruteraan Kawalan dan Instrumentasi satu bidang yang luas, membincangkan pelbagai kaedah yang digunakan bagi menghasilkan keluaran atau produk yang memenuhi spesifikasi yang dikehendaki. Penggunaannya merentasi bidang kejuruteraan elektrik, kimia, biologi, mekanikal, perhubungan dan dimanfaatkan di dalam industri pembuatan, perkilangan, kenderaan, pertanian, pengangkutan, telekomunikasi dan sebagainya.

Kejuruteraan Instrumentasi pula membincangkan ciri-ciri peralatan, menjurus ke arah penghasilan peralatan yang memenuhi spesifikasi yang diperlukan. Sektor perkilangan, perubatan, perhubungan, pertanian, pengangkutan, pengagihan kuasa, petroleum dan sebagainya memerlukan peralatan yang mempunyai spesifikasi yang berlainan bagi melaksanakan fungsi yang berbeza.

Pada masa ini, Kejuruteraan Kawalan dan Instrumentasi, secara sendirian atau gabungan, dimanfaatkan dengan meluas lebih-lebih lagi di dalam negara yang pesat membangun dari sudut perkilangan dan pembuatan. Keperluan untuk terus menghasilkan peralatan yang moden dan canggih menuntut kepada tumpuan di bidang pendidikan, penyelidikan dan latihan dalam bidang kejuruteraan kawalan dan instrumentasi.

Justeru itu, kursus ini telah diadakan bagi melahirkan tenaga kerja mahir yang mempunyai pengetahuan yang kukuh untuk mereka bentuk, mengubahsuai dan mengendali sebahagian besar proses dan kemudahan dalam bidang kejuruteraan kawalan dan instrumentasi.

Objektif Program

Untuk melahirkan para graduan yang berkeupayaan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran di dalam merancang, menganalisa serta memantau segala kerja yang berhubungkait dengan kejuruteraan Kawalan dan Instrumentasi.

Untuk melahirkan para graduan teknikal yang berkeupayaan serta berketrampilan di dalam menyelesaikan masalah secara kritikal, logikal, kreatif dan analitikal berpandukan pengetahuan di dalam bidang

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik khususnya bidang kawalan dan Instrumentasi.

Kerjaya

Adalah dijangkakan sektor industri di Malaysia akan terus berkembang dengan pesat disebabkan permintaan yang meningkat dari pasaran yang kian bertambah seperti pasaran peralatan elektronik dan telekomunikasi serta hasil pelaburan yang dibuat oleh pelabur-pelabur asing. Sehubungan itu, ramai tenaga kerja yang terlatih dalam semua bidang kejuruteraan, merangkumi bidang Kejuruteraan Kawalan dan Instrumentasi di peringkat ikhtisas diperlukan.

SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (ELEKTRIK - MEKATRONIK)

Sinopsis

Kejuruteraan Mekatronik adalah suatu bidang kejuruteraan yang baru yang menggabungkan bidang-bidang Kejuruteraan Elektronik, Elektrik, Mekanikal, Kawalan, Perisian, Komputer dan Teknologi Maklumat.

Bidang ini telah menjadi popular dan semakin berkembang dengan pesatnya dalam industri-industri terutamanya industri pembuatan semenjak mikropemproses dan mikropengawal dikenalpasti penggunaannya dalam kawalan industri. Mekatronik juga merupakan teknologi dibelakang produk-produk 'pintar' (smart product) yang biasanya melibatkan mikropemproses, sistem kawalan dan bidang mekanikal.

Jurutera dengan pengetahuan, pengalaman dan pengkhususan dalam bidang Mekatronik amat diperlukan oleh industri. Jurutera Mekatronik menggunakan sistem komputer dan sistem kawalan digit yang lain-lain untuk mengawal proses dan industri. Mereka menggabungkan bidang sains elektrik, kawalan, mekanikal, robotik dan pembuatan untuk mencipta pelbagai jenis produk. Produk-produk ini meliputi dari barangan kegunaan harian seperti mesin basuh, kamera, mesin pendua dan break antikunci kereta kepada mesin-mesin kawalan komputer yang berteknologi tinggi yang digunakan di industri pembuatan dan pemasangan. Tidak kira apa pun disiplinnya, seseorang jurutera akan berhadapan dengan sistem mekatronik dalam kerja mereka.

Sehubungan itu, kursus ini telah diadakan bagi melengkapkan para graduan dengan pengetahuan dalam bidang elektronik, mikropengawal, robotik dan pengautomatan, kejuruteraan kawalan dan kejuruteraan pembuatan. Pengetahuan dalam bidang-bidang ini amatlah diperlukan. Mereka yang boleh merapatkan jurang di antara kejuruteraan mekanikal, elektrik dan elektronik akan mempunyai kelebihan yang tinggi dalam pasaran kerja.

Objektif Program

Untuk melahirkan para graduan yang berkeupayaan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran di dalam merancang, menganalisa serta memantau segala kerja yang berhubungkait dengan kejuruteraan Mekatronik.

Untuk melahirkan para graduan teknikal yang berkeupayaan serta berketrampilan di dalam menyelesaikan masalah secara kritikal, logikal, kreatif dan analitikal berpandukan pengetahuan di dalam bidang Elektrik dan Elektronik.

Kerjaya

Adalah dijangkakan sektor industri di Malaysia akan terus berkembang dengan pesat disebabkan permintaan yang meningkat dari pasaran-pasaran yang kian bertambah seperti pasaran peralatan elektronik dan telekomunikasi serta hasil pelaburan yang dibuat oleh pelabur-pelabur asing. Sehubungan dengan itu, ramai tenaga kerja yang terlatih dalam semua bidang kejuruteraan, merangkumi bidang Kejuruteraan Mekatronik di peringkat ikhtisas diperlukan.

SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (ELEKTRIK - ELEKTRONIK)

Sinopsis

Pembangunan yang pesat dalam bidang elektronik telah menyebabkan pertumbuhan industri berasaskan elektronik di Malaysia. Untuk menampung perkembangan ini, ianya memerlukan ramai tenaga mahir terutamanya lulusan dalam bidang Kejuruteraan Elektronik. Kebelakangan ini, permintaan terhadap para profesional dalam bidang ini kian bertambah dan perkara ini dijangkakan akan berterusan. Justeru itu, kursus Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik-

Elektronik) diadakan untuk memenuhi keperluan negara di dalam menyediakan tenaga kerja yang sesuai pada masa ini.

Kejuruteraan Elektronik merupakan suatu bidang yang luas dan sentiasa berkembang. Ini akan membawa kepada kerjaya profesional yang begitu mencabar. Pelbagai mata pelajaran ditawarkan dalam kursus ijazah ini bertujuan membekalkan para graduan dengan pengetahuan yang mencukupi dalam bidang elektronik.

Kesemua aspek pembelajaran tersebut boleh dimanfaatkan ke dalam teknologi yang memberi kesan kepada kehidupan harian kita. Contohnya ialah televisyen, radio, telefon, komputer dan banyak lagi. Jurutera elektronik merupakan pakar yang boleh menghasilkan produk baru untuk memperbaiki kehidupan manusia.

Objektif Program

Untuk melahirkan para graduan yang berkeupayaan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran di dalam merancang, menganalisa serta memantau segala kerja yang berhubungkait dengan kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. Untuk melahirkan para graduan teknikal yang berkeupayaan serta berketrampilan di dalam menyelesaikan masalah secara kritikal, logikal, kreatif dan analitikal berpandukan pengetahuan di dalam bidang Elektrik dan Elektronik.

Kerjaya

Bidang elektronik telah dikenalpasti sebagai salah satu bidang yang berpotensi untuk dimajukan bagi pembangunan industri masa depan. Buat masa ini terdapat permintaan yang tinggi untuk jurutera elektronik dan dengan itu prospek para graduan setelah tamat kursus ini amatlah baik. Selain dari syarikat elektronik, banyak lagi firma lain seperti firma-firma yang berkaitan dengan teknologi maklumat memerlukan Jurutera Elektronik. Kerjaya utama graduan ini adalah dalam industri yang berkaitan dengan elektronik konsumer, komponen elektronik, produk komputer, industri skunder juga dalam penyelidikan dan pembangunan (R & D) di industri berkaitan elektronik.

SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (ELEKTRIK - ELEKTRONIK PERUBATAN)

Sinopsis

Penggunaan teknologi termaju dalam bidang perubatan telah meningkat dengan pesat. Penggunaan peralatan yang semakin canggih dan kompleks dalam bidang perubatan memerlukan kepakaran yang setimpal untuk menyelenggara dan mengendalikan peralatan tersebut. Justeru itu, tenaga manusia yang mahir dan terlatih khusus dalam bidang elektronik perubatan amat diperlukan. Elektronik perubatan telah dikenalpasti sebagai satu disiplin yang tersendiri, sama seperti disiplin tradisi kejuruteraan yang lain (seperti Kejuruteraan Elektrik). Seajar dengan perkembangan dunia hari ini, kerajaan Malaysia akan mengeluarkan 'Medical Devices Act'. Kepakaran jurutera dan ahli teknologi perubatan adalah diperlukan untuk melaksanakan akta ini. Kepakaran diperlukan untuk membaikpulih peralatan, mengendalikan peralatan-peralatan khusus, membantu para doktor dalam penggunaan peralatan dan teknologi, pemantauan akta, pengujian dan kalibrasi peralatan perubatan, pengurusan dan perancangan peralatan untuk hospital dan pusat kesihatan selain R & D dan pembuatan.

Objektif Program

Untuk melahirkan para graduan yang berkeupayaan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran di dalam merancang, menganalisa serta memantau segala kerja yang berhubungkait dengan kejuruteraan Elektronik Perubatan.

Untuk melahirkan para graduan teknikal yang berkeupayaan serta berketrampilan didalam menyelesaikan masalah secara kritikal, logikal, kreatif dan analitikal berpandukan pengetahuan di dalam bidang Elektrik dan Kejuruteraan Elektronik Perubatan.

Kerjaya

Para graduan kursus ini boleh berkhidmat bukan sahaja di hospital malah di syarikat yang mencipta dan membuat peralatan perubatan serta di institusi penyelidikan yang berkaitan.

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Kerjaya utama bagi graduan untuk kursus ini ialah :

- Jurutera penyelidikan dan pembangunan Kejuruteraan Elektronik Perubatan
- Jurutera pembuatan peralatan perubatan
- Jurutera jualan peralatan perubatan
- Jurutera perundingan, pengujian dan kalibrasi peralatan perubatan

SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (ELEKTRIK - TELEKOMUNIKASI)

Sinopsis

Seiring dengan era teknologi maklumat dan telekomunikasi, Fakulti Kejuruteraan Elektrik telah mengorak langkah dengan memperkenalkan Kursus Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik-Telekomunikasi). Dengan kemudahan-kemudahan sedia ada serta kombinasi staf akademik dan sokongan yang mantap, Fakulti Kejuruteraan Elektrik mempunyai keupayaan yang padu dalam menjayakan kursus ini. Penglibatan Fakulti bersama-sama pengendali dan pengeluar peralatan telekomunikasi dalam kerja-kerja perundingan, penyelidikan dan latihan merupakan aset penting di dalam menjayakan program Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik-Telekomunikasi) ini.

Kejuruteraan Telekomunikasi merupakan bidang kejuruteraan yang menggabungkan bidang Kejuruteraan Perhubungan, Elektronik Komputer dan Teknologi Maklumat. Ia mula mendapat perhatian apabila permintaan terhadap kecekapan sistem penghantaran maklumat menjadi semakin penting. Kini, semua urusan yang melibatkan pertukaran maklumat perlu dilakukan dengan mudah, cepat, murah dan mempunyai tahap keselamatan dan keboleharapan yang tinggi. Ini dapat dilaksanakan dengan adanya infrastruktur dan tenaga mahir di dalam bidang telekomunikasi. Oleh itu, ahli sains dan teknologi serta jurutera yang mahir dan cekap dalam bidang sistem telekomunikasi, elektronik, komputer dan teknologi maklumat amat diperlukan.

Objektif Program

Untuk melahirkan para graduan yang berkeupayaan mengaplikasikan

pengetahuan dan kemahiran di dalam merancang, menganalisa serta memantau segala kerja yang berhubungkait dengan kejuruteraan Telekomunikasi.

Untuk melahirkan para graduan teknikal yang berkeupayaan serta berketrampilan di dalam menyelesaikan masalah secara kritikal, logikal, kreatif dan analitikal berpandukan pengetahuan di dalam bidang Elektrik, Elektronik dan Telekomunikasi.

Kerjaya

Graduan program Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik - Telekomunikasi) berpeluang menceburi industri telekomunikasi negara yang pesat membangun.

Para lulusan mempunyai pilihan yang luas dalam sektor pengendalian perkhidmatan telekomunikasi seperti Telekom Malaysia Berhad, Celcom, Mobikom, Sapura, Binariang dan Mutiara Telecommunications atau sektor pembuatan peralatan sistem telekomunikasi seperti NEC, Hewlett Packard, Motorola, Texas Instrument, Sapura, Harris dan lain-lain.

Di samping itu, para graduan juga boleh memberi sumbangan dalam organisasi kerajaan seperti MDC, MIDA, MiMOS, SIRIM dan institusi pengajian tinggi serta firma perundingan.

SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (ELEKTRIK - MIKROELEKTRONIK)

Sinopsis

Pada ketika ini Malaysia merupakan pengeksport terbesar dan pembuat ketiga terbesar peranti semikonduktor di dunia. Walau bagaimanapun, penglibatan Malaysia dalam industri semikonduktor adalah terhad kepada aktiviti pengujian dan pemasaran sahaja. Walaupun aktiviti ini akan terus penting, negara perlu meningkatkan tahap dan keupayaan industri ini supaya dapat terus bersaing di peringkat antarabangsa. Untuk memenuhi keperluan ini, tenaga kerja diperlukan dalam bidang rekabentuk, analisis dan pembuatan litar bersepadu (Integrated Circuits) serta pengendalian sistem fabrikasi wafer dan yang berkaitan dengannya; amnya dalam bidang kejuruteraan elektronik dan komputer.

Kursus kejuruteraan mikroelektronik akan menggabungkan bidang

kejuruteraan elektronik, fizik semikonduktor dan kejuruteraan komputer. Para graduan akan dilengkapi dengan pengetahuan dalam rekabentuk CAD, analisis dan pengujian, pengendalian dan pembuatan litar bersepadu. Litar-litar ini adalah bahan terpenting dalam semua peralatan elektronik seperti televisyen, radio, telefon, komputer dan sebagainya.

Objektif Program

Untuk melahirkan para graduan yang berkeupayaan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran di dalam merancang, menganalisa serta memantau segala kerja yang berhubungkait dengan kejuruteraan Elektrik dan Mikroelektronik.

Untuk melahirkan para graduan teknikal yang berkeupayaan serta berketrampilan di dalam menyelesaikan masalah secara kritikal, logikal, kreatif dan analitikal berpandukan pengetahuan di dalam bidang Elektrik dan Elektronik.

Kerjaya

Secara khususnya graduan dalam bidang ini sesuai untuk bekerja di mana-mana syarikat dan fasiliti elektronik, termasuk juga fasiliti fabrikasi wafer dan litar bersepadu (IC). Walau bagaimanapun, disebabkan kursus ini telah diolah untuk merangkumi juga aspek elektronik yang lain, para graduan juga sesuai untuk berkhidmat di syarikat elektronik dan firma lain yang memerlukan jurutera dalam bidang ini. Diantaranya ialah INTEL, Motorola, Silterra, Altera dan lain-lain lagi. Secara amnya para graduan dalam kursus ini boleh mendapat pekerjaan dalam industri seperti elektronik konsumer, komponen elektrik, fabrikasi wafer, produk komputer dan industri perkhidmatan. Juga sebagai penyelidik di institusi penyelidikan seperti MIMOS dan SIRIM.

SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KOMPUTER)

Sinopsis

Perkembangan teknologi komputer, multimedia dan teknologi maklumat (ICT) masa kini adalah begitu pesat. Ianya memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan negara ke arah status sebuah negara perindustrian. Di samping itu, ia juga memainkan peranan yang penting dalam kehidupan kita.

Menyedari hakikat ini, kerajaan telah membangunkan Koridor Raya Multimedia (MSC) untuk menjadi pemangkin kepada perkembangan teknologi komputer dan multimedia serta penggunaan IT dengan lebih pesat. Sehubungan dengan itu, gunatenaga pakar dalam bidang yang tertentu, terutamanya Kejuruteraan Komputer amatlah diperlukan. Dengan itu, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat telah mengadakan program ini secara bersama bagi menampung keperluan kepakaran industri tempatan di MSC tersebut.

Program yang ditawarkan ini telah direka bagi menghasilkan graduan dengan ketrampilan dalam bidang kejuruteraan komputer yang berorientasikan keperluan industri dan peka kepada perkembangan dalam bidang teknologi maklumat dan multimedia. Dengan gabungan dua buah Fakulti, segala kemudahan dan kepakaran yang terdapat kedua-dua buah Fakulti ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi menjalankan kursus ini bagi melahirkan jurutera yang mahir dan dedikasi dalam bidang kejuruteraan Komputer.

Objektif Program

Untuk melahirkan para graduan yang berkeupayaan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran di dalam merancang, menganalisa serta memantau segala kerja yang berhubungkait dengan kejuruteraan Komputer.

Untuk melahirkan para graduan teknikal yang berkeupayaan serta berketrampilan didalam menyelesaikan masalah secara kritikal, logikal, kreatif dan analitikal berpandukan pengetahuan di dalam bidang kejuruteraan Komputer, Elektrik dan Elektronik.

Kerjaya

Bidang Kejuruteraan Komputer telah dikenalpasti sebagai salah satu bidang yang berkembang dengan pesat dan amat penting dalam pembangunan negara masa depan. Buat masa ini terdapat permintaan yang tinggi untuk jurutera komputer dan dengan itu prospek para graduan setelah tamat kursus ini amatlah baik. Selain dari syarikat komputer dan elektronik, banyak lagi firma lain seperti firma-firma yang berkaitan dengan komputer dan teknologi maklumat memerlukan jurutera yang pakar dalam bidang Kejuruteraan Komputer. Kerjaya yang bakal diceburi oleh graduan ialah bekerja di industri seperti produk komputer, industri sekunder dan industri servis. Diantaranya ialah INTEL, Motorola, Silterra, Altera

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

dan lain-lain lagi. Juga sebagai penyelidik di institusi penyelidikan kerajaan seperti MIMOS, MDC dan SIRIM.

SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (BIO-PERUBATAN)

Sinopsis

Bidang yang mengaplikasikan teknik kejuruteraan pada sains bio-perubatan semakin diminati dan berkembang pada masa kini. Teknologi perubatan yang semakin kompleks telah meningkatkan keperluan profesional telatih dapat menghubungkan antara bidang bio-perubatan dengan bidang kejuruteraan. Personal yang berupaya menterikan masalah perubatan dalam bentuk sains kejuruteraan akan dapat menyelesaikan masalah kepada keperluan kejuruteraan dan perubatan dalam dunia perubatan masa ini. Dalam kebanyakan aspek penjagaan kesihatan, pencegahan penyakit dan rawatan atau rehabilitasi, terdapat keadaan yang memerlukan kepada mereka yang mempunyai latar belakang kejuruteraan. Antara perkembangan dan perubahan teknologi dalam bidang bio-perubatan adalah seperti pembangunan sistem yang dapat memperbaiki kehidupan seharian manusia. Penciptaan dan penghasilan bahagian gantian untuk manusia dan sistem yang dapat membantu orang kurang upaya menggunakan komputer dalam pembelajaran, urusan kerja dan komunikasi.

Selain dari itu, Akta Peralatan Perubatan (Medical Devices Act) akan diwujudkan dalam masa terdekat. Oleh kerana itu, dengan adanya akta ini tanggungjawab untuk memastikan keselamatan penggunaan peralatan perubatan mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia akan diletakkan dalam tangan pembekal peralatan serta pusat kesihatan/hospital yang akan mengendalikan peralatan tersebut. Justeru itu, wujudnya keperluan personal untuk melaksanakan tugas pemeriksaan dan penguatkuasaan dan mengkelibrasi peralatan bio-perubatan selain tugas penyelenggaraan dan pengendalian peralatan.

Objektif Program

Untuk melahirkan para graduan yang berkeupayaan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran di dalam merancang, menganalisa serta memantau

segala kerja yang berhubungkait dengan Kejuruteraan Bio-perubatan dan Elektronik.

Untuk melahirkan para graduan teknikal yang berkeupayaan serta berketrampilan di dalam menyelesaikan masalah secara kritikal, logikal, kreatif dan analitikal berpandukan pengetahuan di dalam bidang Kejuruteraan Bioperubatan dan Elektronik.

Kerjaya

Antara peluang pekerjaan yang terbuka kepada graduan kejuruteraan bio-perubatan hasil ialah:

- "Government regulators" untuk memastikan undang-undang dilaksanakan oleh semua pihak dengan baik apabila wujudnya Akta Peralatan Perubatan.
- Jurutera di hospital-hospital mengikut keperluan undang-undang.
- Jurutera instrumentasi yang diperlukan untuk melakukan pengujian ke atas peralatan perubatan yang hendak dibawa masuk ke dalam negara bagi memastikan peralatan tersebut memenuhi spesifikasi yang digariskan oleh undang-undang.
- "Jurutera untuk melakukan pengujian / pengesahan "calibration" ke atas peralatan perubatan.
- "Sales Engineer" dan jurutera untuk khidmat teknikal.

Keterangan lanjut boleh didapati melalui :

Dekan
Fakulti Kejuruteraan Elektrik
81310 UTM Skudai
Johor Darul Ta'zim
Tel : (07) 5535221
Faks : (07) 5587849
Emel : info@fke.utm.my
Laman web : www.fke.utm.my

FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) asalnya dikenali sabagai Fakulti Kejuruteraan Jentera (FKJ) telah ditubuhkan pada tahun 1975 di kampus UTM Kuala Lumpur.

FKM telah berpindah ke kampus induk di Skudai, Johor pada Jun 1989 apabila bangunan baru fakulti siap dibina. Sebagai langkah untuk memasarkan fakulti supaya lebih dikenali di peringkat antarabangsa, pihak Universiti telah bersetuju menukar nama Fakulti Kejuruteraan Jentera kepada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) pada 20 Disember 1995.

VISI

Menjadi Fakulti Kejuruteraan Mekanikal bertaraf dunia.

MISI

Membangunkan sumber manusia yang diperlukan oleh negara melalui latihan, pembangunan, penyebaran pengetahuan, penyelidikan dan perundingan.

MATLAMAT & OBJEKTIF

- Membangunkan sumber manusia berkualiti di peringkat Sarjana Muda dan Pasca ijazah
- Membantu industri melalui penyelidikan asas dangunaan
- Membentuk jalinan kerjasama dengan industri dalam bidang kepentingan bersama
- Menyebarkan pengetahuan melalui penerbitan kertas kerja, penyelidikan, jurnal, buku dan laporan dan
- Membangunkan staf.

JABATAN

Pada masa ini fakulti mempunyai lapan (8) buah Jabatan, iaitu:-

- Jabatan Mekanik Gunaan
- Jabatan Termo-Bendalir
- Jabatan Kejuruteraan Bahan
- Jabatan Kejuruteraan Pembuatan & Industri
- Jabatan Aeronautik & Automotif

- Jabatan Teknologi Marin
- Jabatan Rekabentuk
- Jabatan Program Luar (S.P.A.C.E)

Di samping jabatan, fakulti juga mempunyai beberapa pusat kecemerlangan iaitu:-

- Institut Getaran dan Kebisingan
- Pusat Pembangunan Automotif (ADC)
- Pusat Komposit (PUSKOM)
- Pusat Teknologi Marin

KURSUS-KURSUS YANG DITAWARKAN

Ijazah Sarjana Muda (Undergraduate)

- Sarjana Muda Kejuruteraan (Mekanikal)
- Sarjana Muda Kej. (Mekanikal - Bahan)
- Sarjana Muda Kej. (Mekanikal - Industri)
- Sarjana Muda Kej. (Mekanikal - Pembuatan)
- Sarjana Muda Kej. (Mekanikal - Aeronautik)
- Sarjana Muda Kej. (Mekanikal - Automotif)
- Sarjana Muda Kej. (Mekanikal - Teknologi Marin)
- Sarjana Muda Sains Rekabentuk Industri

TEMPOH PENGAJIAN

Semua kursus Sarjana Muda di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal mengambil tempoh minimum selama 4 tahun atau 8 semester bagi memperolehi ijazah.

SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (MEKANIKAL)

Sinopsis

Program direka bentuk dan dirangka begitu rupa agar ia meliputi aspek yang meluas dalam bidang kejuruteraan mekanikal. Ia menyajikan suatu asas teknikal yang kukuh dan luas melibatkan beberapa bidang pengajian

FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL

penting termasuk mekanik gunaan, termo bendalir, reka bentuk kejuruteraan dan kejuruteraan kawalan. Ini dapat menyediakan satu wadah bagi menerokai pelbagai ruang dan peluang di dalam amalan kejuruteraan dan penyelidikan saintifik. Pelajar yang mengikuti program ini seharusnya memiliki kemahiran teknikal dan generik yang diperolehi melalui pelaksanaan kursus berlandaskan pendidikan dan latihan kejuruteraan mekanikal yang intensif di sepanjang tempoh pengajian. Ini membolehkan para graduan program ini dibentuk ke arah menjadi seorang jurutera mekanikal yang berkesan sebagai kerjaya mereka dan boleh bekerja di dalam pelbagai disiplin kejuruteraan mekanikal. Jurutera mekanikal mereka bentuk dan mengeluarkan peralatan mesin dan perkakasan bagi kesemua cabang industri. Selain itu, graduan juga mudah untuk memasuki sektor penyelidikan dan pembangunan serta meneruskan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

Objektif Program

Menghasilkan graduan yang boleh menggunakan pengetahuan dan kemahiran untuk mereka bentuk, menganalisis dan menilai sistem kejuruteraan mekanikal.

Menghasilkan graduan yang boleh mengenalpasti dan menyelesaikan masalah kejuruteraan secara sistematik, kritikal, kreatif dan analitikal.

Kerjaya

Para lulusan jurusan ini berkemampuan memenuhi tugas ahli teknologi di sektor kerajaan, badan berkanun dan firma swasta. Pemegang Ijazah Sarjana Muda akan bertugas sebagai Jurutera yang membantu dalam perancangan, mereka bentuk dan juga pengurusan. Para lulusan dapat menjalankan tugas dalam pelbagai perusahaan seperti pembuatan, pemprosesan, mereka bentuk dan membuat penyelidikan. Oleh yang demikian, Jurutera Mekanikal boleh memajukan kerjaya sebagai Perekabentuk.

SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (MEKANIKAL - BAHAN)

Sinopsis

Pada peringkat awal pelajar didedahkan kepada mata pelajaran asas

Kejuruteraan Mekanikal. Kemudian diikuti dengan pengkhususan dalam Kejuruteraan Bahan dimana ianya meliputi pembelajaran mengenai bahan kejuruteraan seperti logam, polimer, seramik, komposit dan bahan termaju. Mata pelajaran yang akan diikuti adalah seperti berikut:

- a) Metalurgi Fizikal
- b) Sifat Mekanik Bahan
- c) Pencirian Bahan dan Kawalan Kualiti
- d) Bahan Termaju
- e) Pemprosesan Bahan
- f) Kakisan dan Perlindungan Permukaan
- g) Rekabentuk dan Pemilihan Bahan

Kerjaya

Para lulusan jurusan ini berkemampuan memenuhi tugas ahli teknologi di sektor kerajaan, badan berkanun dan firma swasta. Pemegang Ijazah Sarjana Muda akan bertugas sebagai jurutera yang membantu dalam perancangan, mereka bentuk dan juga pengurusan. Para lulusan boleh menjalankan tugas dalam pelbagai perusahaan seperti pembuatan, pemprosesan, mereka bentuk dan menjalankan penyelidikan. Oleh yang demikian, seorang Jurutera Mekanikal boleh memajukan kerjaya sebagai perekabentuk.

SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (MEKANIKAL - INDUSTRI)

Sinopsis

Kejuruteraan Industri menyelaras reka bentuk, peningkatan prestasi dan pemasangan sistem bersepadu yang meliputi manusia, bahan dan peralatan. Pengetahuan khusus dan kemahiran dalam bidang Matematik, Sains Fizikal dan Sains Sosial bersama dengan prinsip dan kaedah analisis dan rekabentuk kejuruteraan digunakan untuk menentu, meramal dan menilai hasil dari sistem tersebut. Oleh itu, jurutera menggunakan bidang ini untuk cuba menjamin bahawa keluaran atau hasil sesuatu kilang atau pusat perkhidmatan itu adalah berkualiti dan dihasilkan dengan proses produktiviti yang tinggi. Ini dilakukan dengan merancang, melaksana dan mengawal penjadualan, sistem kualiti dan sebagainya. Tumpuan yang lebih diberikan kepada sistem pengeluaran itu sendiri. Kerjaya

Teknologi dan semua sumber lain perlu dikelolakan secara bersepadu dan cekap untuk menghasilkan produk atau servis. Kejuruteraan Industri menumpukan pada aktiviti-aktiviti pemasangan dan peningkatan prestasi sistem berintegrasi yang melibatkan manusia, bahan dan peralatan. Ianya memerlukan pengetahuan khusus dan kecekapan dalam sains fizikal, kejuruteraan, kemanusiaan berserta prinsip dan kaedah analisis kejuruteraan serta reka bentuk untuk menentukan, meramalkan dan menilai hasil yang boleh diperolehi daripada sesuatu sistem. Jurutera Industri menumpukan kepada reka bentuk, perancangan, pengurusan dan pengawalan kerja di dalam industri. Justeru itu, graduan kejuruteraan industri boleh diambil bekerja dalam kedua-dua industri pembuatan (kecil, sederhana dan besar) dan industri perkhidmatan (kerajaan, pendidikan, kewangan dan sebagainya).

SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (MEKANIKAL - PEMBUATAN)

Sinopsis

Kejuruteraan Pembuatan memberi penekanan kepada proses pembuatan, perancangan dan pengurusan proses dan sistem pembuatan. Dengan menggunakan penentuan yang telah ditetapkan, jurutera boleh menggunakan pengetahuan dalam bidang ini untuk merancang pembuatan barangan, menentukan mesin, pekerja, perkakasan dan lain-lain komponen sistem pembuatan, yang digunakan agar keperluan fungsi dan mutu dapat dipenuhi. Jurutera pembuatan berkemampuan untuk mereka bentuk proses individu bagi reka bentuk (atau pengubahsuaian) perkakas mesin dan penentuan perkakasan untuk perancangan proses dan operasi pengeluaran dan juga penyelesaian masalah pemprosesan yang mungkin ada.

Kerjaya

Jurutera Pembuatan mengambil berat terhadap penghasilan sesuatu produk yang berkualiti pada kos yang paling rendah, cepat dan dalam masa yang sama memenuhi semua keperluan reka bentuk dan spesifikasi. Apabila keputusan telah dibuat untuk menghasilkan sesuatu produk, Jurutera Pembuatan merancang apakah peralatan dan mesin yang boleh digunakan dan jujukan Operasi pembuatan yang diperlukan. Ianya terlibat sejak daripada awal lagi proses pembangunan produk. Mereka bekerja bersama dengan pihak jualan dan pemasaran dalam meninjau dan menyelidiki kehendak pengguna. Mereka merancang keupayaan

pembuatan untuk produk baru dan masa yang diperlukan untuk menghasilkannya. Jurutera Pembuatan juga bekerja bersama-sama Jurutera Reka Bentuk dalam menentukan spesifikasi produk berasaskan peralatan dan proses sedia ada atau baru yang akan dibeli oleh syarikat. Mereka juga menilai prestasi keseluruhan pembuatan dan memberikan cadangan berhubung dengan sistem atau kaedah pembaikan dan peningkatan kualiti dan prestasi.

Graduan program ini layak untuk memegang pelbagai jenis jawatan seperti Jurutera Mekanikal, Jurutera Pengeluaran, Jurutera Produk, Jurutera Projek, Jurutera Reka Bentuk Proses, Jurutera Reka Bentuk Alatan, Jurutera Penyelidikan dan Pembangunan, Jurutera Kualiti dan lain-lain.

SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (MEKANIKAL - AERONAUTIK)

Sinopsis

Kejuruteraan Aeronautik meliputi semua kajian saintifik mengenai penerbangan. Di sini penerbangan meliputi juga penerbangan angkasa lepas. Bidang pengkhususan yang terdapat di dalam Kejuruteraan Aeronautik di UTM boleh dibahagikan seperti berikut:

- a) Aerodinamik
- b) Struktur Pesawat Terbang
- c) Pendorongan
- d) Avionik dan Instrumentasi
- e) Dinamik Penerbangan dan Kawalan
- f) Reka bentuk Pesawat Terbang
- g) Pengurusan dan Undang-Undang Penerbangan

Kerjaya

Peluang terbuka kepada mereka untuk berkhidmat di mana-mana institusi yang menjalankan kursus dan penyelidikan dalam bidang Aeronautik. Oleh kerana perkembangan industri penerbangan semakin pesat, banyak syarikat penerbangan, kelab penerbangan dan syarikat yang sedia melibatkan diri secara aktif di dalam industri penerbangan negara dengan membuka banyak peluang pekerjaan kepada para graduan UTM.

FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL

SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (MEKANIKAL - AUTOMOTIF)

Sinopsis

Bidang Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) meliputi kajian saintifik, operasi dan reka bentuk automotif. Umumnya, jurusan ini boleh dibahagikan kepada pengkhususan seperti berikut:

- a) Struktur Kenderaan
- b) Enjin Pembakaran Dalam
- c) Dinamik Kenderaan
- d) Sistem Kejuruteraan Automotif
- e) Reka bentuk Automotif
- f) Pengeluaran Automotif

Kerjaya

Seorang Jurutera Automotif akan menjalankan aktiviti bergantung kepada bidang pekerjaan beliau sama ada dalam bidang penyelidikan, reka bentuk, pembangunan dan pengeluaran pelbagai jenis kenderaan ringan dan berat.

SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (MEKANIKAL - TEKNOLOGI MARIN)

Sinopsis

Teknologi Marin meliputi semua bidang kejuruteraan yang terlibat secara langsung dengan air. Pengkhususannya tertumpu kepada senibina kapal dan kejuruteraan marin. Bidang pengajiannya termasuklah:

- a) Sistem Kejuruteraan Marin
- b) Hidrodinamik
- c) Pembinaan Kapal dan Struktur Luar Pantai
- d) Senibina Kapal
- e) Pengangkutan Kapal
- f) Pengurusan Teknologi Marin

Kerjaya

Graduan kursus ini mempunyai peluang yang baik untuk menyandang

jawatan Arkitek Kapal atau Jurutera Marin. Mereka terlibat dalam hal penyelenggaraan, pengawasan dan pengurusan limbungan dan pelabuhan kapal. Bidang kerjaya ini merangkumi bidang pembinaan kapal, penyelidikan maritim, mereka bentuk kapal, pembaikan kapal, pemeriksaan dan pemeliharaan kapal, bidang akademik, perundingan atau kerja penyiasatan maritim dan beberapa bidang yang berkaitan dengan maritim.

SARJANA MUDA SAINS (REKABENTUK INDUSTRI)

Sinopsis

Program Sarjana Muda Sains (Rekabentuk Industri) merangkumi mata pelajaran teras rekabentuk industri, mata pelajaran teknologi, sains, matematik dan pengurusan. Gabungan mata pelajaran art-based dan technology-based ini dapat meningkatkan prestasi, kecekapan dan kemahiran bakal perekabentuk industri menceburi bidan rekabentuk produk industri di dalam dan luar negara.

Kerjaya

Graduan program ini akan menceburi sektor pekerjaan dalam sektor awam atau swasta antaranya:

- Pereka Bentuk Produk
- Rekeka Bentuk Perabot
- Rereka Bentuk Pengangkutan
- Rereka Bentuk Pembungkusan

Keterangan lanjut boleh didapati melalui :

Dekan
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
81310 UTM Skudai
Johor Darul ta'zim
Tel : (07) 5534567
Faks : (07) 5566159
Emel: dekan@fkm.utm.my
Laman web : <http://web.fkm.utm.my>

FAKULTI KEJURUTERAAN KIMIA DAN KEJURUTERAAN SUMBER ASLI

Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli (FKKKSA) telah ditubuhkan pada 15 Mac 1983. Walau bagaimanapun Jabatan Kejuruteraan Petroleum telah ditubuhkan lebih awal iaitu pada tahun 1975 di bawah Fakulti Kejuruteraan Jentera. Semasa penubuhan awal FKKKSA, hanya dua jabatan sahaja ditubuhkan iaitu Jabatan Kejuruteraan Petroleum dan Jabatan Kejuruteraan Kimia. Pada tahun 1989, fakulti menawarkan dua kursus baru di peringkat Sarjana Muda iaitu Kejuruteraan Polimer dan Kejuruteraan Gas manakala dalam tahun 1990 pula kursus Kejuruteraan Bioproses telah diperkenalkan. Kursus peringkat ijazah lanjutan (Sarjana dan Doktor Falsafah) mula ditawarkan dalam tahun 1988.

VISI

Menjadi pusat kecemerlangan akademik dan penyelidikan bertaraf dunia dalam bidang Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli menerusi inovasi teknologi dan kreativiti.

MISI

Menerajui pembangunan ahli profesional dan teknologi bertaraf dunia dalam bidang Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli melalui kecemerlangan pendidikan dan penyelidikan untuk kemanusiaan berasaskan TAUHID.

MATLAMAT & OBJEKTIF

1. Menjadi pengeluar utama ahli profesional dalam bidang yang berkaitan dengan Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Petroleum di Asia Tenggara.
2. Mengeluarkan ahli profesional yang berdaya saing, terlatih, mahir, cekap dan bertanggungjawab kepada pencipta dan masyarakat.
3. Menjadi pusat rujukan untuk pembangunan produk, teknologi dan latihan sumber manusia bagi industri kimia dan proses.
4. Memberi sumbangan kepada industri dan negara menerusi aktiviti perundingan, penyelidikan dan perkongsian bijak.

JABATAN

1. Jabatan Kejuruteraan Petroleum
2. Jabatan Kejuruteraan Kimia
3. Jabatan Kejuruteraan Bioproses
4. Jabatan Kejuruteraan Gas
5. Jabatan Kejuruteraan Polimer

KURSUS-KURSUS YANG DITAWARKAN

Ijazah Sarjana Muda (Undergraduate)

- Sarjana Muda Kejuruteraan (Kimia-Bioproses)
- Sarjana Muda Kejuruteraan (Kimia-Gas)
- Sarjana Muda Kejuruteraan (Kimia)
- Sarjana Muda Kejuruteraan (Petroleum)
- Sarjana Muda Kejuruteraan (Kimia-Polimer)

TEMPOH PENGAJIAN

Semua kursus Sarjana Muda di Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli mengambil tempoh minimum selama 4 tahun atau 8 semester bagi memperoleh ijazah.

SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KIMIA - BIOPROSES)

Sinopsis

Kejuruteraan Kimia-Bioproses adalah bidang yang melibatkan penggunaan kaedah asas sains dan kejuruteraan seperti kimia, mekanikal, elektrikal dan kejuruteraan industri untuk merekabentuk, membangun dan menganalisis proses yang menggunakan agen biologi seperti mikroorganisma, enzim, sel atau tisu tumbuhan dan haiwan. Ianya merangkumi aspek penggunaan teknik kejuruteraan genetik, pengoptimum dan rekabentuk proses biologi, serta pembinaan dan operasi loji. Secara dasarnya, lulusan Kejuruteraan Bioproses tidak jauh berbeza daripada lulusan Kejuruteraan Kimia tulen dari aspek pengetahuan dan kemahiran,

FAKULTI KEJURUTERAAN KIMIA DAN KEJURUTERAAN SUMBER ASLI

kerana kedua-dua bidang ini menggunakan prinsip dan hukum fizik (termodinamik dan kinetik) yang sama dalam menghurai dan menyelesaikan masalah. Namun ciri-ciri bahan biologi yang sangat kompleks dan unik menyebabkan mereka perlu dikendali dan ditangani secara khusus dan berasingan daripada kejuruteraan kimia tulen. Seorang jurutera bioproses berupaya menggunakan pendekatan analisis kejuruteraan yang berasaskan matematik untuk menerangkan proses-proses kimia, biologi dan fizik yang berlaku dalam sistem biologi yang kompleks. Antara peranan pokok seorang jurutera bioproses adalah merekabentuk dan mengoptimum proses, menyelesaikan masalah secara bersepadu, merancang, melaksana, dan menyelenggara loji untuk memastikan proses penghasilan produk berteraskan bioteknologi berlangsung pada tahap yang ekonomik dan selamat untuk memenuhi keperluan masyarakat.

Objektif Program

Untuk mengeluarkan graduan yang terlatih dalam bidang Kejuruteraan Bioproses dan mahir dalam ilmu yang dipelajari agar menjadi ahli profesional yang bertanggungjawab serta bersedia mengharungi cabaran.

Kerjaya

Graduan Kejuruteraan Kimia-Bioproses mampu berperanan dengan berkesan dalam profesion jurutera rekabentuk loji, jurutera proses loji, jurutera projek, jurutera kawalan kualiti, jurutera kawalan alam sekitar, jururunding dan beberapa profesyen umum yang lain. Di antara industri-industri yang mendapat manfaat daripada kepakaran graduan jurutera kimia-bioproses adalah biofarmaseutikal, pemprosesan dan penghasilan makanan dan rawatan sisa.

SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KIMIA - GAS)

Sinopsis

Kursus Sarjana Muda Kejuruteraan (Kimia-Gas) menggabungkan dua disiplin kejuruteraan, iaitu kimia dan gas, dengan nisbah 70:30 kandungan kursus kejuruteraan kimia dan kejuruteraan gas. Gabungan disiplin kejuruteraan kimia dan gas merupakan keunikan kursus ini yang akan memberi lebih peluang pekerjaan kepada bakal graduan di dalam bukan sahaja industri kimia tetapi juga

industri gas.

Objektif Program

Untuk mengeluarkan graduan yang terlatih dalam bidang kejuruteraan kimia dan gas agar menjadi ahli profesional yang bertanggungjawab, berwibawa, berdedikasi, beretika dan mempunyai tahap profesionalisma yang tinggi dan bersedia mengharungi cabaran.

Kerjaya

Graduan program ini mempunyai peluang kerjaya yang luas dalam sektor awam/swasta (universiti, SIRIM, SHELL, ESSO, PETRONAS dan lain-lain) khususnya sebagai jurutera kimia di dalam bidang pemprosesan petroleum, kimia, petrokimia, oleokimia dan juga sebagai jurutera gas di dalam bidang pemprosesan, penghantaran, pengagihan dan penggunaan gas.

SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KIMIA)

Sinopsis

Kursus Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia merangkumi empat bidang utama iaitu teknologi pemisahan, kejuruteraan tindakbalas, kejuruteraan alam sekitar dan kejuruteraan sistem proses. Di samping itu, kursus ini melibatkan juga pengajian asas seperti sains dan matematik, kemanusiaan, sains sosial dan asas kejuruteraan. Kursus ini menjadi pemacu perkembangan teknologi negara dalam bidang pemprosesan bahan mentah kepada bahan berguna untuk keperluan harian manusia.

Objektif Program

Untuk mengeluarkan graduan yang terlatih dalam bidang kejuruteraan kimia agar menjadi ahli profesional yang bertanggungjawab, berwibawa, berdedikasi, beretika dan mempunyai tahap profesionalisma yang tinggi dan bersedia mengharungi cabaran.

Kerjaya

Graduan program ini mempunyai peluang kerjaya yang luas dalam sektor awam/swasta khususnya sebagai jurutera kimia di sektor awam dan swasta (universiti, pusat penyelidikan seperti SIRIM, SHELL, ESSO, PETRONAS dan lain-lain), di loji-loji serta kilang-kilang yang melibatkan proses seperti loji penapisan dan petrokimia, pemprosesan bahan makanan dan minuman, loji simen, penghasilan palpa dan kertas, kilang semikonduktor, kilang bahan polimer serta pemprosesan gas.

SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (PETROLEUM)

Sinopsis

Pada amnya bidang teras pengajian bagi kursus ini dapat dibahagikan empat bidang utama seperti berikut:-

- i) Geologi
- ii) Kejuruteraan Reservoir
- iii) Kejuruteraan Penggerudian
- iv) Kejuruteraan Pengeluaran

Objektif Program

Objektif setiap program ialah untuk melahirkan tenaga manusia yang mahir serta memahami asas kejuruteraan dan berkemampuan untuk mempraktikkannya dan berkebolehan mengurus dan menghayati cogankata Universiti. Untuk mencapai objektif ini maka kurikulum akademik disusun dengan rapi dan dilengkapi mata pelajaran umum Universiti iaitu Pendidikan Islam/Tatasusila atau Falsafah Sains, Pembangunan Sumber Manusia, Bahasa Inggeris dan ko-kurikulum. Semua pelajar di fakulti ini akan didedahkan dengan mata pelajaran asas berkenaan sebelum menjurus kepada bidang teras mereka masing-masing

Kerjaya

Graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Petroleum) boleh bekerja sebagai Jurutera Petroleum.

SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KIMIA - POLIMER)

Sinopsis

Ijazah Kejuruteraan (Kimia-Polimer) adalah berasaskan kepada kursus kejuruteraan kimia dengan matlamat untuk melatih jurutera kimia dengan pengetahuan khusus dalam polimer. Kebanyakan bahan yang menyumbang ke arah kualiti hidup kita adalah polimer. Di dalam kursus ini, para pelajar akan dapat mempelajari bagaimana bahan polimer disintesis, sifat-sifat dan bagaimana ia boleh menjadi produk yang berguna. Industri polimer, yang merangkumi industri plastik, getah dan komposit adalah di antara industri yang penting di Malaysia dengan kadar pertumbuhan sebanyak 20% setahun. Kurikulum untuk ijazah Kejuruteraan (Kimia-Polimer) termasuk asas sains dan matematik, asas kejuruteraan teras kejuruteraan kimia dan kejuruteraan polimer. Pengajaran diperkukuhkan dengan kerja amali di makmal, aktiviti penyelidikan yang meluas dan hubungan yang rapat dengan industri.

Objektif Program

Untuk mengeluarkan graduan yang terlatih dalam bidang Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Polimer yang mampu memberi sumbangan untuk memajukan industri petrokimia, plastik, getah dan komposit.

Kerjaya

Graduan program ini boleh berkhidmat dalam pelbagai bidang serta industri seperti berikut:-

- Ahli Kimia
- Ahli Kimia Industri
- Pemprosesan dan penyebatian plastik serta getah
- Tekstil
- Elektrik & elektronik
- Pengeluaran komponen kenderaan

FAKULTI KEJURUTERAAN KIMIA DAN KEJURUTERAAN SUMBER ASLI

Untuk maklumat lanjut sila hubungi :

Dekan
Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan
Sumber Asli
Universiti Teknologi Malaysia
81310 UTM Skudai
Johor Darul Ta'zim
Tel : (07) 5535500
Faks : (07) 5581463
Emel : dekan@fkkksa.utm.my
Laman web : www.fkkksa.utm.my

FAKULTI KEJURUTERAAN DAN SAINS GEOINFORMASI

Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi UTM pada asalnya dikenali sebagai Fakulti Ukur dan Harta Tanah. Ia telah ditubuhkan pada tanggal 14 Mac 1972. Sejalan dengan kemajuan negara dan perkembangan perindustrian, fakulti telah turut berkembang maju dengan penambahan kursus-kursus baru, menubuhkan pusat-pusat kecemerlangan untuk mengeluarkan tenaga mahir dan menyambungkan khidmat kepakaran kepada masyarakat. Untuk mencerminkan aktiviti sebenar yang dilaksanakan oleh fakulti, maka pihak Universiti telah meluluskan pertukaran nama Fakulti Ukur dan Harta Tanah kepada Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi.

VISI

Menjadi peneraju dalam bidang Kejuruteraan Geomatik dan Sains Geoinformasi di rantau Asia Pasifik.

MISI

Menghasilkan sumber daya manusia dan produk lain yang berkualiti sejajar dengan perkembangan teknologi serta menepati kehendak industri dan negara.

MATLAMAT FAKULTI

- i) Melahirkan graduan berkualiti
- ii) Menjadi pusat penyelidikan dan pembangunan terunggul
- iii) Meningkatkan penerbitan akademik
- iv) Menghasilkan produk yang relevan dan berkualiti
- v) Membentuk dan memantapkan perkongsian bijak
- vi) Mewujudkan suasana kerja yang kondusif

JABATAN

Lima (5) jabatan telah dibentuk untuk mengendali dan melaksanakan program-program akademik yang berkaitan dengan kursus-kursus Ijazah Pertama dan Pasca-Ijazah seperti berikut:

- i. Jabatan Kejuruteraan Geomatik

- ii. Jabatan Geoinformatik
- iii. Jabatan Pengurusan Harta Tanah
- iv. Jabatan Pentadbiran dan Pembangunan Tanah
- v. Jabatan Remote Sensing

KURSUS-KURSUS YANG DITAWARKAN

Ijazah Pertama (Undergraduate)

- Sarjana Muda Kejuruteraan (Geomatik)
- Sarjana Muda Sains (Geoinformatik)
- Sarjana Muda Sains (Pengurusan Harta Tanah)
- Sarjana Muda Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)
- Sarjana Muda Sains (Remote Sensing)

TEMPOH PENGAJIAN

Semua kursus Sarjana Muda di Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi mengambil tempoh minimum 4 tahun atau 8 semester bagi memperolehi Ijazah.

SARJANAMUDA KEJURUTERAAN (GEOMATIK)

Sinopsis

Program Sarjana Muda Kejuruteraan Geomatik di Jabatan Kejuruteraan Geomatik di UTM adalah program ijazah profesional tertua dan termantap di Malaysia. Program ini mendapat pengiktirafan dari Lembaga Jurukur Tanah Malaysia dan telah dibentuk untuk memenuhi syarat bagi tujuan pendaftaran di bawah badan tersebut. Graduan program ini juga layak untuk mendaftar sebagai ahli kepada Institution of Surveyors of Malaysia (ISM) sebagai ahli professional. Jabatan Kejuruteraan Geomatik yang mengendalikan program ini juga merupakan Ahli Akademik kepada International Federation of Surveyors (FIG).

Objektif Program

Mempastikan lulusan mempunyai pengetahuan mendalam tentang kejuruteraan geomatik, mahir dan cekap di dalam mentadbir dan mengurus projek-projek kejuruteraan geomatik.

FAKULTI KEJURUTERAAN DAN SAINS GEOINFORMASI

Mempunyai sikap inovatif dan berinisiatif ke arah mewujudkan profesion geomatik yang lebih cekap dan efisien.

Kerjaya

Kejuruteraan Geomatik adalah satu disiplin yang luas. Ramai graduan menyertai syarikat berkaitan Pembangunan dan Pengurusan Tanah dan akhirnya menjadi seorang Juruukur Berlesen – satunya profesion yang layak membuat ukur untuk hak milik tanah. Ramai juga yang menyertai syarikat dan organisasi yang berkaitan bidang seperti Pengurusan Tanah dan Sumber, Remote Sensing untuk alam sekitar, Ukur Kejuruteraan untuk pembinaan, pemantauan deformasi, dan Ukur Hidrografi untuk operasi pengorekan. Graduan yang meminati bidang sistem maklumat geografi pula mendapat pekerjaan di dalam syarikat berkaitan pemetaan atau pengurusan fasiliti kejuruteraan perbandaran, sumber alam atau kawalan kenderaan.

Dengan kelulusan Sarjana pula, graduan boleh membuat kerja-kerja diperingkat 'supervisory' atau penyeliaan, bagi kerja-kerja berkaitan bidang geomatik disamping dapat membuat kerja-kerja penyelidikan, samada untuk tujuan akademik mahupun untuk tujuan penambahbaikan sistem/teknologi yang digunakan.

SARJANAMUDA SAINS (GEOINFORMATIK)

Sinopsis

Geoinformatik merupakan seni dan sains bagi memperoleh, menyimpan, memproses, menganalisis, mengurus, mempersembah dan menyebarkan data serta maklumat mengenai ruang di muka bumi. Kursus ini menawarkan pengajian dalam bidang GIS (Geographic Information Science) dan bertujuan untuk menyediakan tenaga profesional dalam bidang teknologi maklumat yang dapat mengendalikan, mengurus dan menganalisis maklumat berkaitan bumi. Ini penting bagi tujuan pengurusan, perancangan, penyeliaan dan pengawasan sumber-sumber yang berkait dengan ekonomi dan pembangunan negara.

Kursus yang mula ditawarkan mulai sesi akademik 1993/94 telah mendapat kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi dan JPA. UTM merupakan satu-satunya

pusat pengajian tinggi yang menawarkan kursus peringkat sarjana muda ini di rantau Asia Pasifik. Sehingga kini 8 kumpulan graduan yang berjumlah kira-kira 300 orang telah berjaya dikeluarkan.

Objektif Program

Memastikan lulusan mempunyai pengetahuan mendalam tentang sains dan teknologi geoinformatik, mahir dan cekap dalam kerja-kerja pentadbiran dan pengurusan projek.

Mempunyai sikap inovatif, kreatif dan berinisiatif ke arah kecemerlangan akademik dalam bidang geoinformatik yang lebih cekap dan efisien.

Kerjaya

Graduan daripada program ini berperanan sebagai ahli profesional GIS dan boleh menjawat jawatan berikut di pelbagai agensi kerajaan dan swasta dalam dan luar negara:

- Pengurus GIS
- Pentadbir Pangkalan Data Ruang
- Juruanalisa Sistem GIS
- Pelaksana/Pengaturcara GIS

SARJANAMUDA SAINS (PENGURUSAN HARTA TANAH)

Sinopsis

FKSG telah menawarkan kursus Sarjana Muda Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah) mulai tahun 1996. Lulusan pertama Ijazah Sarjana Muda Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah) telah dilahirkan pada tahun 1998. Sehingga akhir tahun 2004, kursus ini telah berjaya melahirkan seramai lebih daripada 300 graduan yang kini berkhidmat samada di sektor swasta mahupun awam

Objektif Program

Melahirkan graduan yang berkeupayaan menangani urusan pentadbiran dan pembangunan tanah di sektor awam dan swasta bagi memenuhi keperluan negara.

Kerjaya

Graduan Sarjana Muda Sains (Pengurusan Harta Tanah) boleh berkhidmat sebagai :

- Penilai Harta Tanah
- Perunding Harta Tanah
- Pengurus Harta Tanah
- Pengurus Fasilitas
- Ejen Harta Tanah
- Pengurus Pelaburan dan Pembangunan

SARJANA MUDA SAINS (PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN TANAH)

Sinopsis

FKSG telah menawarkan kursus Sarjana Muda Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah) mulai tahun 1996. Lulusan pertama Ijazah Sarjana Muda Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah) telah dilahirkan pada tahun 1998. Sehingga akhir tahun 2004, kursus ini telah berjaya melahirkan seramai lebih 300 graduan yang kini berkhidmat samada di sektor swasta mahupun awam.

Objektif Program

Melahirkan graduan yang berkeupayaan menangani urusan pentadbiran dan pembangunan tanah di sektor awam dan swasta bagi memenuhi keperluan negara.

Kerjaya

Graduan Sarjana Muda Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah) boleh berkhidmat di sektor awam, badan berkanun dan sektor swasta.

SARJANA MUDA SAINS (REMOTE SENSING)

Sinopsis

Jabatan Remote Sensing telah menjalankan Program Sarjana Muda Sains (Remote Sensing) pada tahun 1997 dengan matlamat untuk menjana peradaban ilmu teknologi angkasa khususnya dalam bidang remote sensing. Bermula tahun tersebut, sebanyak 5 kumpulan graduan yang telah berjaya dihasilkan bagi memenuhi industri berkaitan; di agensi-agensi kerajaan, badan-badan berkanun, sektor-sektor multinasional dan swasta.

Sarjana Muda Sains (Remote Sensing) atau Bachelor of Science (Remote Sensing) adalah program sains gunaan yang melahirkan graduan berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang teknologi remote sensing dan teknologi geospasial yang berkaitan. Bidang ini digunapakai meluas seluruh dunia bagi pengurusan sumber alam, pengurusan alam sekitar dan perancangan strategik negara.

Objektif Program

Untuk melahirkan graduan berpengetahuan tinggi dalam merancang, menganalisa, merekabentuk serta melaksanakan kerja-kerja berkaitan dengan teknologi remote sensing, GIS dan teknologi geo-spatial yang berkaitan.

Untuk mengeluarkan graduan berkemahiran teknikal yang merangkumi sistem perkakasan dan perisian berkaitan dengan teknologi dan aplikasi remote sensing, GIS & geo-spatial.

Kerjaya

Graduan program ini boleh berperanan sebagai ahli profesional teknologi Remote Sensing, GIS dan teknologi berkaitan serta boleh menjawat jawatan berikut dalam pelbagai agensi kerajaan dan swasta dalam dan luar negara:

- Pegawai Penyelidik / Saintis Aplikasi Teknologi Remote Sensing dan GIS
- Jurutera Remote Sensing dan GIS
- Eksekutif Remote Sensing dan GIS
- Juruanalisa Sistem Pemprosesan Imej Berdigit dan GIS
- Pengaturcaraan Sistem Pemprosesan Imej Berdigit dan GIS

FAKULTI KEJURUTERAAN DAN SAINS GEOINFORMASI

- Pensyarah / Penyelidik di Institusi Pengajian Tinggi

Keterangan lanjut boleh didapati melalui:

Dekan
Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi
Universiti Teknologi Malaysia
81310 UTM, Skudai
Johor Darul Ta'zim
Tel: (07)-5530800
Faks: (07)-5566163
Emel :tda@fksg.utm.my
Laman web : www.fksg.utm.my

FAKULTI PENDIDIKAN

Fakulti Pendidikan ditubuhkan pada Ogos 1993. Sehingga kini, fakulti menawarkan pelbagai program pendidikan di peringkat Ijazah Pertama dan Ijazah Lanjutan. Setiap program telah direkabentuk untuk membolehkan pelajar menguasai dengan baik bidang pengkhususan yang diikuti. Di samping itu, setiap pelajar akan dilatih untuk menguasai bidang teknologi maklumat dan multimedia pendidikan. Bidang-bidang pengkhususan yang ditawarkan ialah pendidikan sains dan matematik, pendidikan sosial serta pendidikan teknikal dan kejuruteraan. Pelaksanaan program pengajian di Fakulti Pendidikan dibuat bersama dengan fakulti lain di UTM.

VISI

Menjadi sebuah fakulti yang unggul, cemerlang dan terkehadapan dalam bidang pendidikan.

MISI

Fakulti Pendidikan beriltizam dalam usaha menyeluruh membangunkan sumber manusia dalam bidang sains dan teknologi melalui pendidikan dan latihan profesional yang berkualiti dan inovatif untuk para pendidik dan pralatih.

MATLAMAT & OBJEKTIF

Menjadi Pusat Kecemerlangan Pendidikan Pengurusan Pembangunan Manusia dan pusat penyelidikan dan Perundingan Pendidikan. Antara objektif utama Fakulti Pendidikan :

- Memberi pendidikan ikhtisas khususnya dalam bidang sains, teknologi maklumat & multimedia pendidikan serta pendidikan teknikal & kejuruteraan.
- Mempelopori dan menghasilkan kaedah serta bahan pengajaran dan pembelajaran bagi mempertingkatkan penguasaan ilmu.
- Memberi perkhidmatan dan perundingan dalam berbagai bidang pendidikan untuk memenuhi kehendak pelanggan.
- Membudayakan pembelajaran sepanjang hayat.

JABATAN

- Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan
- Jabatan Pendidikan Sains dan Matematik
- Jabatan Asas Pendidikan
- Jabatan Pendidikan Sosail
- Jabatan Multimedia Pendidikan

KURSUS-KURSUS YANG DITAWAR

Ijazah Pertama (Undergraduate)

- 1) Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Kimia)
- 2) Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Fizik)
- 3) Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Matematik)
- 4) Sarjana Muda Sains & Komputer serta Pendidikan (Fizik)
- 5) Sarjana Muda Sains & Komputer serta Pendidikan (Kimia)
- 6) Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Matematik)
- 7) Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Sains)
- 8) Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Sains Sukan)
- 9) Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (TESL)
- 10) Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam)
- 11) Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam)
- 12) Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Mekanikal)
- 13) Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik)
- 14) Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup)
- 15) Sarjana Muda Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)

TEMPOH PENGAJIAN

Semua kursus Sarjana Muda di Fakulti Pendidikan mengambil tempoh minimum selama 8 semester atau 4 tahun bagi memperolehi Ijazah.

SARJANA MUDA SAINS SERTA PENDIDIKAN (FIZIK)
SARJANA MUDA SAINS SERTA PENDIDIKAN (KIMIA)
SARJANA MUDA SAINS SERTA PENDIDIKAN (MATEMATIK)
SARJANA MUDA SAINS SERTA PENDIDIKAN (SAINS)

FAKULTI PENDIDIKAN

Sinopsis

Kursus Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Fizik)/(Kimia)/(Matematik)/(Sains) mengikut pengkhususan masing-masing, bertujuan membolehkan bakal guru mempunyai ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam bidang Fizik/Kimia/Matematik/Sains serta kemahiran asas yang berkaitan dengan profesion perguruan. Kursus ini merangkumi mata pelajaran pengkhususan Fizik/Kimia/Matematik/Sains, mata pelajaran profesional seperti asas pendidikan, isu semasa pendidikan, teknologi maklumat dan praktikum. Di samping itu, kursus ini juga memberi penekanan dalam kemahiran generik seperti kebolehan berkomunikasi secara berkesan, berkebolehan bekerja secara efektif dalam kumpulan, penyelesaian masalah/kreatif dan inovatif, pengubahsuaian, pembelajaran sepanjang hayat, nilai yang positif dan beretika dalam profesion keguruan.

Objektif Program-Program Di atas

Untuk membolehkan graduan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kimia dan pendidikan dalam merancang, mengimplimentasi dan mengurus aktiviti-aktiviti berkaitan pendidikan.

Untuk menghasilkan graduan yang berkemampuan menggunakan ICT dalam merancang, mengimplementasi dan mengurus aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pendidikan.

Untuk menghasilkan graduan yang boleh berkomunikasi dengan berkesan dalam berbagai situasi dan dengan semua stakeholder.

Untuk menghasilkan graduan yang mampu untuk bertindak balas dan bersedia untuk menyesuaikan diri terhadap situasi yang berubah-ubah serta berupaya belajar secara sendiri dalam memperolehi pengetahuan dan kemahiran baru.

Untuk menghasilkan graduan holistik yang mampu membangunkan diri serta berupaya menerapkan aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual kepada bakal pelajar.

SARJANA MUDA SAINS DAN KOMPUTER SERTA PENDIDIKAN (FIZIK) SARJANA MUDA SAINS DAN KOMPUTER SERTA PENDIDIKAN (KIMIA) SARJANA MUDA SAINS DAN KOMPUTER SERTA PENDIDIKAN (MATEMATIK)

Sinopsis

Kursus Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Fizik)/(Kimia)/(Matematik) mengikut pengkhususan masing-masing bertujuan membolehkan bakal guru mempunyai ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam bidang Fizik/Kimia/Matematik dan Komputer serta kemahiran asas yang berkaitan dengan profesion perguruan. Kursus ini merangkumi mata pelajaran pengkhususan Fizik/Kimia/Matematik, mata pelajaran profesional seperti asas pendidikan, isu semasa pendidikan, teknologi maklumat dan praktikum. Di samping itu, kursus ini juga memberi penekanan dalam kemahiran generik seperti kebolehan berkomunikasi secara berkesan, kebolehan bekerja secara efektif dalam kumpulan, penyelesaian masalah/kreatif dan inovatif, pengubahsuaian, pembelajaran sepanjang hayat, nilai yang positif dan beretika dalam profesion keguruan.

Objektif Program

Melahirkan graduan yang menguasai ilmu perguruan dan berkemahiran bidang pendidikan Fizik/Kimia/Matematik dan teknologi maklumat untuk melaksanakan tugasnya sebagai pendidik yang beretika, kreatif, inovatif dan efektif.

Melahirkan graduan yang mampu berkomunikasi secara berkesan dalam pelbagai konteks.

Melahirkan graduan yang mampu berdikari dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat.

**SARJANA MUDA SAINS SERTA PENDIDIKAN (SAINS SUKAN)
SARJANA MUDA SAINS SERTA PENDIDIKAN (PENGAJIAN ISLAM)**

Sinopsis

Kursus Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Sains Sukan)/(Pengajian Islam) mengikut pengkhusuan masing-masing bertujuan membolehkan bakal guru mempunyai ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam bidang Sains Sukan/ Pengajian Islam serta kemahiran asas yang berkaitan dengan profesion perguruan. Kursus ini merangkumi mata pelajaran pengkhususan Sains Sukan/ Pengajian Islam, mata pelajaran profesional seperti asas pendidikan, isu semasa pendidikan, teknologi maklumat dan praktikum. Di samping itu, kursus ini juga memberi penekanan dalam kemahiran generik seperti kebolehan berkomunikasi secara berkesan, kebolehan bekerja secara efektif dalam kumpulan, penyelesaian masalah/kreatif dan inovatif, pengubahsuaian, pembelajaran sepanjang hayat, nilai yang positif dan beretika dalam profesion keguruan.

Objektif

Untuk membolehkan graduan berkebolehan di dalam bidang Sains Sukan/ Pengajian Islam dan profesion keguruan, berkemahiran dalam mengaplikasi teknologi maklumat dan mempunyai kemahiran generik untuk melengkapkan peranan guru yang beretika, kreatif, inovatif dan efektif dalam institusi pendidikan.

Untuk menghasilkan graduan yang berkebolehan memberi gerak balas dan bersedia membuat penyesuaian dalam situasi yang berubah dan boleh melanjutkan pembelajaran secara berdikari di dalam pengembangan pengetahuan dan kemahiran-kemahiran baru dalam bidang sains sukan.

SARJANA MUDA SAINS SERTA PENDIDIKAN (TESL)

Synopsis

Bachelor of Science with Education (TESL) equipped teachers with the knowledge and experience in the field of TESL and the foundation skills related to the profession. This course covers subjects in TESL specialization, professional subjects such as educational foundation, current issues in education, information technology and practicum, this course also emphasizes generic skills such as

effective communication skills, effective team working, problem solving/creative and innovative, adaptability, life long learning, positive value and ethics in teaching profession.

Objectives

To produce innovative graduates who are able to:
Identify and seek solutions to language teaching and learning problems

Apply their knowledge and skills of the different approaches, techniques and methodologies in the teaching of the English language into their professional settings.

Respond and adapt readily to changing situation using ICT

Continue learning independently in the acquisition of new knowledge and skill.

*Every statement regarding of TESL programme will be written in english

- SARJANA MUDA TEKNOLOGI SERTA PENDIDIKAN (KEJURUTERAAN AWAM)
- SARJANA MUDA TEKNOLOGI SERTA PENDIDIKAN (KEJURUTERAAN MEKANIKAL)
- SARJANA MUDA TEKNOLOGI SERTA PENDIDIKAN (KEJURUTERAAN ELEKTRIK)
- SARJANA MUDA TEKNOLOGI SERTA PENDIDIKAN (KEMAHIRAN HIDUP)

Sinopsis

Kursus Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam)/(Kejuruteraan Mekanikal)/(Kejuruteraan Elektrik)/(Kemahiran Hidup) bertujuan membolehkan bakal guru mempunyai ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam bidang Kejuruteraan Awam/Mekanikal/Elektrik/Kemahiran Hidup serta kemahiran asas yang berkaitan dengan profesion perguruan. Kursus ini merangkumi mata pelajaran pengkhususan kejuruteraan awam, mata pelajaran profesional seperti asas pendidikan, isu semasa pendidikan, teknologi maklumat dan praktikum. Di samping itu, kursus ini juga memberi penekanan dalam kemahiran generik seperti kebolehan berkomunikasi secara berkesan, kebolehan bekerja secara efektif

FAKULTI PENDIDIKAN

dalam kumpulan, penyelesaian masalah/kreatif dan inovatif, pengubahsuaian, pembelajaran sepanjang hayat, nilai yang positif dan beretika dalam profesion keguruan.

Objektif

Untuk membolehkan graduan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kejuruteraan awam dan pendidikan dalam merancang, mengimplimentasi dan mengurus aktiviti-aktiviti berkaitan pendidikan.

Untuk menghasilkan graduan yang berkemampuan menggunakan ICT dalam merancang, mengimplementasi dan mengurus aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pendidikan.

Untuk menghasilkan graduan yang boleh berkomunikasi dengan berkesan dalam berbagai situasi dan dengan semua stakeholder.

Untuk menghasilkan graduan yang mampu untuk bertindak balas dan bersedia untuk menyesuaikan diri terhadap situasi yang berubah-ubah serta berupaya belajar secara sendiri dalam memperolehi pengetahuan dan kemahiran baru.

Untuk menghasilkan graduan holistik yang mampu membangunkan diri serta berupaya menerapkan aspek hjasmani, emosi, rohani dan intelektual kepada bakal pelajar.

SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENGURUSAN TEKNOLOGI)

Sinopsis

Kursus Sarjana Muda Pendidikan (Pengurusan Teknologi) bertujuan melatih guru-guru besar, penolong-penolong kanan dan guru-guru kanan yang dikenal pasti sebagai calon guru besar sekolah rendah dalam bidang pengurusan pendidikan. Kursus ini merangkumi mata pelajaran pengkhususan pengurusan pendidikan, mata pelajaran profesional seperti asas pendidikan isu semasa pendidikan, teknologi maklumat dan praktikum. Di samping itu, kursus ini juga memberi penekanan dalam kemahiran generik seperti kebolehan berkomunikasi secara berkesan, kebolehan bekerja secara efektif dalam kumpulan, penyelesaian masalah pemikiran kreatif dan inovatif, pengubahsuaian, pembelajaran sepanjang hayat, nilai yang positif dan beretika.

Objektif Program

Untuk memenuhi keperluan negara melahirkan sumber tenaga yang mempunyai kelayakan profesional untuk menguruskan dan mentadbir organisasi pendidikan.

Untuk memberi peluang kepada guru besar, penolong-penolong kanan untuk memperolehi kelayakan profesional.

Memberi ruang secara ikhtisas dan akademik kepada guru besar, penolong-penolong kanan dan guru-guru kanan untuk menterjemahkan aspek teoritikal menerusi penerokaan secara professional.

Keterangan Lanjut boleh di dapati melalui :

Dekan
Fakulti Pendidikan
81310 UTM Skudai
Johor Darul Ta'zim
Tel : (07) 5534169/4404/4257
Faks : (07) 5577351
Emel : tpfp@utm.my
Laman Web : www.fp.utm.my

FAKULTI SAINS

Fakulti Sains telah ditubuhkan pada tahun 1973. Pada waktu itu, Fakulti Sains dikenali sebagai Pusat Pengajian Sains. Fakulti Sains menawarkan pelbagai program sains di peringkat sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah.

VISI

Menjadi fakulti yang bertaraf dunia dalam bidang Sains dan Matematik.

MISI

Menerajui kecemerlangan Sains dan Matematik ke arah kemajuan teknologi melalui pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan perundingan untuk kesejahteraan sejagat.

OBJEKTIF

- i) Melahirkan Ahli Sains untuk memenuhi keperluan pembangunan industri dan negara.
- ii) Memperkukuhkan pengetahuan asas sains kepada bakal ahli teknologi dalam berbagai-bagai bidang di Universiti Teknologi Malaysia.
- iii) Menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam berbagai bidang yang berkaitan dengan kepakaran ahli Fakulti.
- iv) Menerbitkan buku dan kertas kerja dalam bidang sains yang berkaitan.

JABATAN

- i) Jabatan Fizik
- ii) Jabatan Kimia
- iii) Jabatan Matematik
- iv) Jabatan Biologi

KURSUS-KURSUS YANG DITAWARKAN

Ijazah Sarjana Muda (Undergraduate)

- Sarjana Muda Sains (Biologi Industri)
- Sarjana Muda Sains (Fizik Bahan)
- Sarjana Muda Sains (Fizik Industri)
- Sarjana Muda Sains (Fizik Kesihatan)
- Sarjana Muda Sains (Kimia Industri)
- Sarjana Muda Sains (Matematik Industri)
- Sarjana Muda Sains (Biologi)
- Sarjana Muda Sains (Fizik)
- Sarjana Muda Sains (Kimia)
- Sarjana Muda Sains (Matematik)

TEMPOH PENGAJIAN

Semua kursus Sarjana Muda di Fakulti Sains mengambil tempoh minimum selama 3 tahun atau 6 semester bagi memperolehi Ijazah.

SARJANA MUDA SAINS (BIOLOGI INDUSTRI)

Sinopsis

Biologi industri adalah aplikasi saintifik dan prinsip kejuruteraan untuk memproses bahan oleh mikroorganisma, tumbuhan dan haiwan untuk penghasilan produk atau proses nobel. Biologi industri yang berteraskan bioteknologi adalah di antara teknologi teras yang membantu Malaysia untuk berkembang pesat pada tahun 2020. Bioteknologi dikenali sebagai teknologi millenium yang akan meningkatkan pengawasan mutu makanan, penjagaan kesihatan serta persekitaran yang lebih bersih, sihat dan selamat. Selepas revolusi IT, bioteknologi dianggap sebagai satu enjin pertumbuhan ekonomi. Ijazah biologi industri adalah program 3 tahun yang terdiri daripada integrasi pelbagai bidang seperti mikrobiologi, biokimia, genetik molekul, bioinformatik, teknologi fermentasi, kultur sel haiwan dan tumbuhan, alam sekitar, nanobioteknologi, kejuruteraan genetik dan kejuruteraan bioproses. Pelajar dari kursus ini dilatih untuk menggunakan pengetahuan teknologi tinggi untuk menyelesaikan masalah terkini dalam sains biologikal yang berkaitan dengan bioteknologi.

FAKULTI SAINS

Objektif Program

Memberi pengetahuan kepada pelajar supaya mereka kompeten dalam bidang biologi industri di samping menggalakkan perkembangan intelektual antara institusi yang komited terhadap penyelidikan lanjutan, biasiswa dan perkembangan pengetahuan.

Memberi pengetahuan yang berkualiti tinggi dalam pelbagai disiplin bidang yang berkaitan dengan bioteknologi untuk merangsang dan menyokong persekitaran yang diperkayakan dengan penyelidikan atau amalan terkini dalam disiplin tersebut.

Kerjaya

Graduan bagi kursus ini bakal berkhidmat dalam pelbagai disiplin sains. Kerjaya dalam bidang biologi industri menawarkan pelbagai pekerjaan yang meliputi penyelidikan asas, pembangunan proses, mikrobiologi, kejuruteraan pembuatan, akademia, kawalan kualiti, pemasaran alatan saintifik dan teknikal.

SARJANA MUDA SAINS (FIZIK BAHAN)

Sinopsis

Dalam kehidupan hari ini, kita sentiasa dikelilingi oleh bahan baru seperti polimer, aloi, komposit, fiber dan lain-lain. Perkembangan teknologi telah meningkatkan bilangan bahan baru dan bahan semulajadi yang diubahsuai mengikut permintaan. Hasil daripada penyelidikan dan pembangunan yang berterusan, bahan-bahan baru diperkenalkan dan bahan-bahan yang sedia ada dipertingkatkan mutunya bagi memenuhi spesifikasi yang lebih mencabar. Di antara bidang industri pembuatan yang penting di Malaysia ialah bidang bahan besi dan bukan besi, bahan elektronik yang berasaskan semikonduktor, bahan bukan logam termasuk polimer dan seramik, bahan termaju seperti aloi istimewa, dan komposit.

Pengkajian terperinci bahan-bahan hingga ke peringkat ikatan atom/molekul mesti dikaji secara sistematik supaya sifat fizik dan kimia dapat ditentukan dengan tepat. Silabus sains dan teknologi bahan yang sempurna akan merangkumi seluruh kajian mikrostruktur bagi

semua bahan yang ternama dan sifat-sifatnya sehinggalah kepada pemprosesan dan penggunaan bahan.

Objektif Program

Memberi pengetahuan sains dan teknologi bahan kepada pelajar.

Melahirkan ahli fizik bahan yang mahir dalam penyelidikan, pemprosesan dan penggunaan bahan.

Kerjaya

Graduan dari program ini boleh bekerja dalam pelbagai industri pembuatan bahan yang amat luas. Antaranya adalah industri elektronik dan semikonduktor, pakaian dan peralatan, automotif, pembangunan seperti industri pembuatan kapal, industri berasaskan polimer dan pelbagai industri bahan yang lain. Mereka juga boleh dipertanggungjawab untuk melakukan kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan yang melibatkan pemprosesan dan penggunaan bahan. Selain itu, graduan fizik bahan juga diperlukan bagi memenuhi permintaan tenaga kerja sebagai pegawai kawalan mutu bahan dalam industri pembuatan.

SARJANA MUDA SAINS (FIZIK INDUSTRI)

Sinopsis

Fizik dan teknologi yang dibangunkan oleh ahli-ahli fizik memainkan peranan yang penting dalam kimia, biologi, perubatan, elektronik, geologi, optik gunaan, nanoteknologi, sains komputer, dan kejuruteraan. Pengetahuan dan pemahaman prinsip-prinsip fizik bukan sahaja membawa kepada pemahaman mendalam dunia fizik tapi juga menyediakan ahli sains dengan pandangan untuk membangunkan idea baru dan inovatif.

Objektif Program

Berkeupayaan mengembeleng ilmu pengetahuan dan pengalaman, mentadbir dan menguruskan teknologi sekarang dan akan datang mengikut keperluan masyarakat

Boleh memaksimumkan keupayaan sebagai ahli masyarakat dan sebagai pekerja yang cekap dan berketerampilan dalam bidang fizik dan mampu bersaing di peringkat global.

Kerjaya

Fizik Industri menyediakan kerjaya yang mencabar, menarik dan produktif yang merangkumi pelbagai bidang khusus seperti akustik, astronomi, astrofizik, fizik perubatan, geofizik, dan sains vakum. Fizik menyediakan pelbagai peluang pekerjaan dalam kerajaan, industri (seperti semikonduktor dan pengilangan), tenaga pengajar dan penyelidik, dan dalam organisasi swasta. Ada juga di kalangan graduan yang diterima bekerja sebagai jurutera, pengawal kualiti atau pun juruanalisa sistem.

SARJANA MUDA SAINS (FIZIK KESIHATAN)

Sinopsis

Fizik Kesihatan ialah bidang yang mengkaji aspek-aspek fizikal dalam sains perubatan. Ahli Fizik Kesihatan menggunakan prinsip, kaedah dan teknik fizik untuk membantu kerja-kerja diagnosis, perawatan dan penyelidikan dalam sains perubatan. Penggunaan teknologi maju dalam bidang perubatan telah berkembang dengan pesatnya. Kecanggihan peralatan perubatan yang sentiasa meningkat menjadikan ianya tidak dapat dikendalikan lagi secara sempurna oleh juruteknik biasa. Kewujudan tenaga mahir dan pakar yang dilatih khusus dalam bidang ini menjadi satu keperluan. Kepakaran ahli Fizik Kesihatan diperlukan untuk menyelenggara, mengendali dan membantu doktor perubatan memanfaatkan peralatan dan teknologi yang sedia wujud dan seterusnya untuk menggarap teknologi baru yang sentiasa berkembang kepada kemudahan yang sedia ada.

Objektif Program

Untuk melahirkan ahli fizik kesihatan yang juga berpengetahuan dalam bidang instrumentasi perubatan sebagaimana yang diperlukan di hospital dan industri yang berkaitan perubatan.

Melatih tenaga manusia yang mencukupi di dalam bidang fizik kesihatan berasaskan keperluan undang-undang dan penambahan penggunaan kaedah terkini dan peralatan berteknologi tinggi di dalam bidang perubatan.

Kerjaya

Graduan program ini sesuai bekerja sebagai pegawai fizik kesihatan/perubatan di hospital-hospital, perkhidmatan kesihatan, syarikat dan industri yang terlibat dengan perkhidmatan kesihatan/perubatan dan pembuatan alat-alat atau instrumen kesihatan/ perubatan, pegawai perlindungan sinaran, penyelidik di institusi yang melakukan penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi perubatan. Mereka juga boleh dipertanggungjawabkan untuk mengurus spesifikasi, menilai, mententukan dan menyelenggara peralatan merancang dan mengurus pemasangan alat-alat perubatan, memberi latihan kepada ahli radiologi, juru-X-ray dan ahli teknologi perubatan.

SARJANA MUDA SAINS (KIMIA INDUSTRI)

Sinopsis

Kimia merupakan satu daripada cabang sains yang terlibat dengan keadaan dan perubahan jirim. Ia melibatkan kajian bahan dengan tumpuan kepada komposisi, pencirian, perubahan, tindak balas, kegunaan, kebaikan dan bahaya sesuatu bahan. Pengetahuan ilmu kimia adalah amat penting bagi kesihatan dan keselamatan manusia. Ahli kimia mengkhusus kepada empat bidang utama, iaitu kimia tak organik, kimia organik, kimia analisis dan kimia fizik. Program Kimia Industri memberikan pengetahuan yang luas dalam bidang kimia berserta aplikasi prinsip-prinsip matematik, kejuruteraan dan pengurusan. Pelajar berpeluang belajar dan menimba pengalaman untuk membolehkan mereka berkecimpung dalam bidang industri dan sektor awam. Pelajar didedahkan kepada pengajaran dan projek penyelidikan dalam Analisis Instrumentasi, Nanokimia, Spektroskopi Kimia, Sintesis Organik, Kimia Koordinatan dan Kimia Organologam, Kimia Hasil Semulajadi, Kimia Komputan, Kimia Forensik, Kimia Keadaan Pepejal, Kimia Polimer dan Komposit, Kimia Alam Sekitar dan Kimia Pemangkinan.

Objektif Program

Memberikan pembelajaran yang berkualiti kepada pelajar dalam berbagai disiplin kimia.

Melatih pelajar dalam kemahiran saintifik, matematik dan pengurusan dengan tujuan melengkapkan kemahiran menyelesaikan masalah, menganalisis,

FAKULTI SAINS

mengurus, menilai dan menyelia untuk persediaan peranan mereka dalam pengurusan, penyelidikan dan pembangunan industri kimia.

Kerjaya

Graduan program ini mempunyai peluang pekerjaan yang luas dalam sektor awam dan swasta. Mereka boleh menjadi ahli kimia, ahli teknologi dan jurutera pemprosesan dalam industri pemprosesan dan pembuatan bahan. Mereka terlibat dengan kawalan kualiti, analisis dan pemasaran dalam industri berasaskan petrokimia, getah, plastik, minyak sawit, farmaseutikal, pemprosesan makanan, cat dan pewarna, sabun dan kosmetik, tekstil dan pencelup; dan bahan elektronik. Graduan juga berkerja dalam bidang yang melibatkan penyelidikan, perundingan dan pembangunan, pemantauan alam sekitar dan pendidikan.

SARJANA MUDA SAINS (MATEMATIK INDUSTRI)

Sinopsis

Program ini menyediakan peluang untuk pelajar menceburi bidang menarik Matematik Industri. Ia menekankan pendidikan yang luas dalam Matematik, manakala pelajar menimba pengalaman kehidupan harian melalui penglibatan dalam latihan industri. Pelajar didedahkan kepada pelbagai bidang penyelidikan yang dilakukan staf akademik Jabatan, termasuk bidang Mekanik Bendalir, Pengoptimuman Matematik, Rangkaian Neural, Pengkomputeran Sainifik, dan Analisis Berangka, serta Statistik Industri. Pelajar juga akan menjalankan projek tahun akhir dengan menyelesaikan masalah Matematik yang canggih dalam industri.

Objektif Program

Objektif kursus ini ialah melahirkan graduan yang mampu mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran Matematik dalam analisis, perancangan dan penyeliaan kerja berkaitan dengan industri dan sektor awam. Berkebolehan untuk menyelesaikan masalah secara kritis, logik, kreatif dan analitis berdasarkan fakta dan idea

yang bernas. Mampu bekerja secara berkesan dalam kumpulan projek pelbagai-disiplin, responsif dan mampu menyesuaikan diri terhadap situasi yang berubah serta bersedia meneruskan pembelajaran untuk mendapatkan ilmu dan kemahiran baru secara berdikari.

Kerjaya

Graduan daripada program ini boleh berjaya dalam pelbagai bidang kerjaya seperti kawalan mutu dalam industri, kewangan, kawalan inventori, pengurusan projek dan pendidik atau penyelidik.

SARJANA MUDA SAINS (BIOLOGI)

Sinopsis

Biologi tulen adalah kajian sains terhadap organisma hidup dan keperluannya untuk tujuan mengkaji sistem yang mengawal benda hidup. Kursus ini terdiri daripada sel mikrob yang paling ringkas hingga kepada haiwan kompleks multisel. Pada asasnya, Biologi adalah sains kehidupan yang boleh diklasifikasikan kepada mikrobiologi dan biokimia. Oleh kerana skop yang meluas, biologi juga boleh disubklasifikasikan kepada pelbagai bidang lain seperti botani, tumbuhan, genetik, ekologi, bioenergetik, zoologi, fikologi, mikologi and evolusi.

Objektif Program

Memberi pengetahuan dan pemahaman yang mendalam dari segi molekul, sel dan prinsip biologi dari aspek asas sehingga ke peringkat lanjutan.

Menghasilkan graduan yang boleh bekerja dengan selamat, bertanggungjawab terhadap bahan biologi, kimia dan perkakasan makmal dengan kemahiran yang bersesuaian.

Kerjaya

Graduan bagi kursus ini sesuai untuk bekerja sebagai penyelidik, ahli akademik, ahli sains pemakanan, perubatan dan pemuliharaan. Latihan yang bersesuaian diperlukan sekiranya pelajar berhasrat untuk bekerja di sektor perindustrian.

SARJANA MUDA SAINS (FIZIK)

Sinopsis

Fizik adalah merupakan asas kepada sains moden. Ia merangkumi kajian alam dari sebesar-besar galaksi hingga ke struktur jirim iaitu atom, nukleus dan quark. Konsep-konsep fizik dari relativiti ke mekanik kuantum mencabar daya imaginasi. Dalam erti kata lain, pelajar fizik mempelajari bagaimana hukum-hukum alam diguna untuk menjelaskan pelbagai fenomena dunia dan alam semesta. Program fizik akan menyediakan pengetahuan fizik yang luas dari mekanik klasik, relativiti, mekanik kuantum dan zarah keunsuran hinggalah ke astrofizik. Dengan asas fizik yang kuat dan berbekalkan pengetahuan matematik diharapkan graduan fizik akan dapat menceburi penyelidikan fizik perbatasan yang akan membawa mereka sebagai calon nobel laureate masa hadapan.

Objektif Program

Berpengetahuan sains fundamental yang mendalam dan kukuh.

Berkemahiran menjalankan penyelidikan.

Kerjaya

Daripada latihan yang diterima, ahli fizik berkebolehan menyelesaikan masalah-masalah yang kompleks. Ini membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan dalam bidang yang agak luas dalam akademik, kerajaan, dan industri. Mereka yang mementingkan pengajaran dan penyelidikan boleh melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah lanjutan yang membolehkan mereka meneruskan kerjaya sebagai ahli akademia. Bagi mereka yang hanya mementingkan bidang penyelidikan masih boleh mendapatkan peluang-peluang pekerjaan samada di dalam industri atau makmal-makmal kebangsaan.

SARJANA MUDA SAINS (KIMIA)

Sinopsis

Kimia merupakan kombinasi kajian teori dan praktik yang melibatkan cabaran penyelesaian masalah melalui pengurusan dan analisis data.

Tahap keluasan dan kompleksnya bidang kimia terletak di antara fizik sub-atom dengan biologi. Pemahaman prinsip kimia bukan sahaja penting bagi ahli kimia, tetapi juga individu yang berurusan dalam bidang biologi, sains bahan dan sains alam sekitar. Program ini menumpukan pembangunan idea kimia dalam Analisis Instrumentasi, Nanokimia, Spektroskopi Kimia, Sintesis Organik, Kimia Koordinatan dan Kimia Organologam, Kimia Hasil Semulajadi, Kimia Komputan, Kimia Forensik, Kimia Keadaan Pepejal, Kimia Polimer dan Komposit, Kimia Alam Sekitar dan Kimia Pemangkinan. Ahli kimia berperanan mengkaji dan mencari penyelesaian untuk memperbaiki keadaan alam. Program Kimia Tulen memberikan pengetahuan kimia yang luas berserta aplikasi prinsip-prinsip matematik, sains dan kejuruteraan. Graduan dibekalkan dengan asas kimia praktik dan teori yang kukuh agar mereka mahir dari segi akademik dan penyelidikan dalam bidang kimia.

Objektif Program

Memberikan pelajar pembelajaran yang berkualiti, mantap dan mendalam dalam asas-asas kimia dan penyelidikan.

Melatih pelajar dalam kemahiran saintifik dan matematik dengan tujuan melengkapkan kemahiran menyelesaikan masalah, menganalisis, mengurus, menilai dan menyelia sebagai persediaan peranan mereka dalam bidang akademik dan penyelidikan bidang kimia.

Kerjaya

Graduan berpeluang mendapat pekerjaan dalam sektor awam dan industri. Dalam sektor industri, graduan berpeluang berkerja sebagai ahli kimia dan saintis yang terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan produk. Terdapat banyak institusi penyelidikan awam yang memerlukan graduan dengan kepakaran tertentu sebagai penyelidik dalam bidang-bidang kimia tertentu. Penyelidik lazimnya terlibat dalam pengeluaran bahan baru atau penemuan dan pembangunan kaedah baru. Selain daripada mengajar, graduan yang berkerja sebagai staf akademik di Institusi Pengajian Tinggi berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat Pasca Ijazah dan menjalankan penyelidikan.

FAKULTI SAINS

SARJANAMUDA SAINS (MATEMATIK)

Sinopsis

Matematik dikaji kerana ianya suatu disiplin yang kaya dan menarik. Ianya menyediakan satu set idea dan alat yang berkesan dalam menyelesaikan pelbagai masalah yang terbit daripada bidang-bidang lain. Selain itu, matematik menyediakan konsep-konsep berguna dalam kajian berteori dalam bidang-bidang lain. Program Matematik menyediakan peluang bagi pelajar-pelajar untuk memasuki bidang matematik yang menyeronokkan. Program ini menekankan pendidikan yang lengkap dalam matematik yang merangkumi matematik tulen dan gunaan, statistik dan penyelidikan operasi, pengkomputeran saintifik dan analisis berangka. Pelajar-pelajar dalam program ini didedahkan kepada pelbagai bidang penyelidikan yang dilakukan oleh staf akademik Jabatan Matematik. Bidang-bidang ini termasuklah matematik kabur, teori kumpulan dan kegunaannya, gelombang tak linear dan mekanik bendalir, masalah nilai sempadan dan pengkomputeran selari, penyelidikan operasi dan statistik. Pelajar boleh menyiapkan projek tahun akhir dengan menyelesaikan masalah-masalah matematik lanjutan dalam bidang penyelidikan di atas.

Objektif Program

Kualiti pendidikan tinggi matematik dalam persekitaran yang memberi kecemerlangan dalam penyelidikan.

Mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang baik bagi berperanan besar dalam penyelidikan dan pengajaran.

Kerjaya

Graduan program ini boleh bekerja dalam pelbagai bidang di pusat pembelajaran dan penyelidikan. Sebagai contoh, menjadi pensyarah dan penyelidik di universiti, pengurus projek, ahli statistik dan pengawal kualiti dan penyelidikan dan pembangunan.

Keterangan lanjut boleh didapati melalui :

Dekan
Fakulti Sains
81310 UTM Skudai
Johor Darul Ta'zim
Tel : (07) 5534000
Faks : (07) 5566162
Emel : dfs@utm.my
Laman web : www.fs.utm.my

FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN SISTEM MAKLUMAT

Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat (FSKSM) telah ditubuhkan pada 4 Februari 1991 hasil perkembangan pesat bidang sains komputer dan tuntutan besar industri dan negara untuk pekerja iktis dan bidang sains komputer serta teknologi maklumat. Pada tahun 2002, FSKSM telah berjaya memperolehi status Koridor Raya Multimedia untuk UTM.

VISI

Menjadikan UTM sebuah institusi pendidikan tinggi yang unggul dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

MISI

Menerajui pendidikan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) peringkat tinggi untuk memenuhi keperluan pelanggan dalam dunia yang dinamik.

MATLAMAT & OBJEKTIF

- Meningkatkan aktiviti dan usaha ke arah pengantarabangsaan fakulti.
- Membangunkan sumber manusia cemerlang bagi menghasilkan profesional ICT yang memenuhi keperluan pelanggan.
- Mewujudkan program akademik yang berkualiti terutama dalam program pasca ijazah dan fokus ilmu dengan penggunaan ICT dalam pengajaran.
- Mempertingkatkan aktiviti penyelidikan dan perundingan yang berfokus, relevan, berkualiti dan memberi pulangan melalui pusat kecermerlangan.
- Mengurus pentadbiran fakulti dengan cekap dan berkesan.

JABATAN

Aktiviti akademik fakulti dijalankan oleh enam jabatan seperti berikut:-

- Jabatan Sistem dan Komunikasi Komputer
- Jabatan Kejuruteraan Perisian
- Jabatan Sistem Maklumat
- Jabatan Pemodelan dan Pengkomputeran Industri

- Jabatan Grafik dan Multimedia
- Jabatan Program Luar

Pusat kecermerlangan yang terdapat di fakulti adalah seperti berikut:-

- Centre for Advanced Software Engineering (CASE)
- Advanced Information Technology Institute (AITI)

KURSUS-KURSUS YANG DITAWARKAN

Ijazah Sarjana Muda (Undergraduate)

- Sarjana Muda Sains (Sains Komputer)
- Sarjana Muda Sains Komputer (Bioinformatik)

SARJANA MUDA SAINS (SAINS KOMPUTER)

Sinopsis

Kursus ini bertujuan untuk mengeluarkan graduan yang mempunyai asas yang baik dalam bidang Sains Komputer dan pada masa yang sama ia memenuhi keperluan pasaran ICT negara dan luar negara.

Tempoh Pengajian

6 Semester (3 tahun)

Objektif Program

Untuk menyediakan tenaga kerja dalam bidang Teknologi Maklumat dan juga menyediakan pelajar yang mampu untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang sama di peringkat pasca ijazah.

Kerjaya

Graduan Sarjana Muda Sains (Sains Komputer) boleh bekerja sebagai:

FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN SISTEM MAKLUMAT

- Jurutera Perisian
- Jurutera Maklumat
- Jurutera Pembangunan Perisian Grafik
- Jurutera Pembangunan Web
- Jurutera Pembangunan Animasi
- Jurutera Industri (Komputer)
- Jurutera Penyelidikan Operasi Industri (Komputer)
- Jurutera Sistem
- Juruanalisa Sistem
- Jurutera Rangkaian
- Pengaturcaraan Komputer
- Pengurus Projek Perisian
- Pentadbir Rangkaian
- Penyepadu Sistem
- Pengaturcaraan Aplikasi
- Pengurus Komputer
- Pentadbir Pangkalan Data

SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (BIOINFORMATIK)

Sinopsis

Program ini bertujuan menghasilkan sumber tenaga manusia yang terlatih untuk menyediakan penyelesaian kepada masalah-masalah berhubung dengan bidang bioteknologi menggunakan teknik komputer dan teknologi maklumat. Program ini dianjurkan untuk meningkatkan bilangan pakar komputer yang mampu menghasilkan infrastuktur teknologi maklumat, samada dari segi perkakasan dan perisian untuk menyokong industri bioteknologi negara. Program ini menyediakan latihan asas di dalam bidang Sains Komputer dan bidang Biologi, di samping latihan mengenai teknik-teknik pengkomputeran yang khusus untuk menyelesaikan pelbagai masalah biologi melalui komponen Bioinformatik.

Tempoh Pengajian

8 Semester (4 tahun)

Objektif Program

Melahirkan ahli-ahli sains komputer yang mampu menggunakan pelbagai teknik sains komputer di dalam perkara-perkara berikut:

- a) Pengurusan dan penganalisan data biologi
- b) Permodelan proses-proses biologi dan penyelesaian masalah-masalah biologi
- c) Pembinaan penemuan-penemuan baru di dalam bidang biologi

Program ini bertujuan membina pakar-pakar sains komputer yang peka dengan permasalahan biologi di mana pelajar akan didedahkan dan dilengkapi dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran dalam penyelesaian masalah berhubung penganalisan gene, penganalisan rentetan protein, ramalan struktur protein dan sebagainya, selain merangkumi model kurikulum sains komputer yang disarankan oleh IEEE Computer Society dan American Computing Machinery (ACM).

Kerjaya

- Jurutera Perisian Bioinformatik
- Pengaturcara Komputer Bioinformatik
- Saintis Penyelidikan Bioinformatik
- Pengendali Kluster dan Grid Bioinformatik
- Penganalisa Sistem Maklumat Biologi
- Pengurus Sistem Maklumat Biologi
- Penyedia Servis Bioinformatik
- Pembangun dan Penyelenggara Komputan Bioteknologi
- Saintis Maklumat Pharmaceutical
- Chemoinformatician

Keterangan lanjut boleh didapati melalui:

Dekan
Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat
81310 UTM Skudai
Johor Darul Ta'zim
Tel : (07) 5532001
Faks : (07) 5565044
Emel : dekan@fsksm.utm.my
Laman web : www.fsksm.utm.my

FAKULTI PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Sejarah penubuhan Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia bermula pada tahun 1972 dengan penubuhan Pusat Sains dan Kemanusiaan di bawah pentadbiran Fakulti Sains. Pada tahun 1975, Pusat Sains dan Kemanusiaan telah ditukar nama menjadi Pusat Pengajian Kemanusiaan dan seterusnya pada Februari 1991, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia telah ditubuhkan secara rasminya.

VISI

Menjadi sekolah pengurusan dan sains sosial bertaraf dunia ke arah kecemerlangan sains dan teknologi.

MISI

Melahirkan graduan yang berketerampilan dan berbudayakan teknologi serta menghasilkan lain-lain produk berkualiti yang boleh dipertanggungjawabkan dalam bidang pengurusan dan sains sosial.

Objektif Program

1. Menyedia dan memantapkan graduan yang berketerampilan dan bertanggungjawab.
2. Menghasilkan penyelidikan dan penerbitan yang berkualiti dan bermanfaat.
3. Menawarkan khidmat perundingan yang cekap dan berkesan.
4. Membekalkan khidmat kemudahan pembelajaran dan pengajaran yang kondusif.
5. Membangun dan memanfaatkan potensi staf.
6. Menyumbang bakti kepada pembangunan komuniti.

JABATAN

- Jabatan Pengurusan
- Jabatan Pembangunan Sumber Manusia
- Jabatan Bahasa Moden

KURSUS-KURSUS YANG DITAWARKAN

Ijazah Sarjana Muda (Undergraduate)

- Sarjana Muda Pengurusan (Teknologi)
- Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)
- Sarjana Muda Sains (Pembangunan Sumber Manusia)

TEMPOH PENGAJIAN

Semua kursus Sarjana Muda di Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia mengambil tempoh minimum selama 3 tahun atau 6 semester bagi memperoleh ijazah.

SARJANA MUDA PENGURUSAN TEKNOLOGI

Sinopsis

Program Sarjana Muda Pengurusan (Teknologi) dibentuk untuk melahirkan graduan dalam bidang pengurusan yang mempunyai pendedahan terhadap teknologi sejajar dengan visi program iaitu "ke arah menghasilkan graduan dalam bidang pengurusan yang berkemampuan menerajui kepimpinan dalam industri berteraskan teknologi".

Objektif Program

Melahirkan graduan yang berupaya mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran pengurusan dan teknologi pembuatan dalam merancang, menganalisis dan menyelia aktiviti organisasi.

Melahirkan graduan yang kompeten dalam menyelesaikan masalah secara kritis, logik, analitikal, kreatif dan inovatif.

Melahirkan graduan yang mampu berkomunikasi dan menyesuaikan diri dengan perubahan secara berkesan dan meneruskan pembelajaran secara bersendirian dalam memperoleh pengetahuan dan kemahiran baru.

Kerjaya

Graduan program ini bekerja di bahagian Eksekutif Bahan, Eksekutif Pengeluaran, Eksekutif Jaminan Kualiti, Eksekutif Pembelian dan Logistik, Eksekutif Sumber Manusia dan Eksekutif Perancangan Produk atau memegang jawatan berkaitan pengurusan dan pentadbiran.

SARJANA MUDA PENGURUSAN (PEMASARAN)

Sinopsis

Program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) dibentuk untuk melahirkan graduan dalam bidang pengurusan yang mempunyai pendedahan terhadap teknologi sejajar dengan visi program iaitu "ke arah menghasilkan graduan yang berupaya mengintegrasikan disiplin pengurusan, teknologi pemasaran dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) secara kreatif dan proaktif untuk menyahut cabaran era globalisasi dengan cemerlang.

Objektif Program

Melahirkan graduan yang berupaya mengaplikasikan pengetahuan pemasaran dan kemahiran pengurusan dalam organisasi.

Melahirkan graduan yang mempunyai keupayaan menganalisis dan menyelesaikan masalah perniagaan secara kritis, logik, kreatif, inovatif dan analitikal berdasarkan fakta dan idea yang kukuh dalam memenuhi kehendak pasaran.

Menghasilkan graduan yang berupaya memenuhi kehendak masyarakat dan mempraktikkan etika pemasaran.

Kerjaya

Graduan yang berjaya memiliki ijazah ini berkebolehan bekerja dengan organisasi yang berasaskan teknologi perniagaan dan teknologi maklumat. Di antara jawatan yang boleh disandang oleh para graduan ialah Eksekutif Pemasaran, Eksekutif Jualan, Eksekutif Perhubungan Pelanggan, Pengurus Jenama, Pengurus Peruncitan, Pengurus Pembelian, Pengurus Promosi, Penyelia Pemasaran, Pengurus Pemasaran Internet dan Pengurus Perkhidmatan dan Produk atau memegang jawatan berkaitan pengurusan dan pemasaran.

SARJANA MUDA SAINS (PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA)

Sinopsis

Program Sarjana Muda Sains (Pembangunan Sumber Manusia) dibentuk untuk melahirkan graduan dalam bidang Pembangunan Sumber Manusia (PSM) yang mempunyai pendedahan terhadap bidang berkenaan sejajar dengan visi program iaitu ke arah melahirkan graduan yang berpengalaman, cekap, berkemahiran dalam bidang sumber manusia, peka, inovatif dan berdaya saing dalam kerjaya.

Objektif Program

Untuk menghasilkan graduan yang berupaya menggunakan pengetahuan, kemahiran dan kebolehan untuk merancang, menganalisis, mengurus dan membangunkan sumber manusia.

Untuk menghasilkan graduan yang kompeten sebagai penyelidik, agen perubahan organisasi, penganalisis, pereka bentuk program, pengurus, jurulatih dan pentadbir.

Kerjaya

Graduan program ini boleh memilih kerjaya sebagai Pengurus Latihan di Bahagian Sumber Manusia, Eksekutif Sumber Manusia, Jurulatih Program dan yang berkaitan dalam bidang seperti.

FAKULTI PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Keterangan lanjut boleh didapati melalui:

Dekan
Fakulti Pengurusan dan Pembangunan
Sumber Manusia
81310 UTM Skudai
Johor Darul Ta'zim
Tel : (07) 5531800
Faks : (07) 5566911
Emel : ptmfppsm@utm.my
Laman web : www.fppsm.utm.my

KOLEJ SAINS DAN TEKNOLOGI

Ditubuhkan pada tahun 1995, Program Pengajian Diploma dijalankan di Kampus Kuala Lumpur. Di sini jugalah sejarah UTM bermula. Semenjak UTM Skudai menjadi Kampus Induk, Kampus Kuala Lumpur terus dikekalkan untuk menawarkan kursus peringkat Diploma terutamanya di bidang Kejuruteraan. Graduan Program Pengajian Diploma bukan sahaja menyumbang kepada keperluan tenaga manusia negara tetapi juga menyediakan calon untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana Muda di Institusi Pengajian Tinggi di dalam dan di luar negara. Terletak berhampiran pusat bandaraya dan Menara Kembar Petronas – bangunan tertinggi di dunia, Kampus UTM Kuala Lumpur mudah dihubungi dengan pengangkutan awam daripada pusat bandaraya dan Lapangan Terbang Antarabangsa serta Koridor Raya Multimedia (MSC). Sepanjang Jalan Tun Razak iaitu 1 km daripada Kampus, terletak Istana Budaya, Balai Seni Lukis Negara dan Perpustakaan Negara.

Mulai tahun 2006, nama Program Pengajian Diploma ditukar kepada Kolej Sains dan Teknologi. Penggunaan nama baru ini sebagai usaha pihak Universiti memperkasa dan memantapkan pengendalian program akademik yang berkaitan dengan sains dan teknologi.

VISI

Menjadi sebuah pusat kecemerlangan separa profesional yang terkemuka di dalam negara.

MISI

Menjana pembangunan sumber manusia dan teknologi separa profesional yang kreatif sejajar dengan aspirasi negara.

MATLAMAT & OBJEKTIF

- Meletakkan program arus perdana separa profesional sebagai program terunggul di dalam negara.
- Menambahkan peluang kepada masyarakat mendapatkan pembelajaran di dalam bidang separa profesional yang setara dengan program arus perdana.

- Memberi peluang untuk meningkatkan kelayakan dan kemahiran kepada masyarakat melalui pembelajaran separa masa.
- Memperbanyakkan penulisan dan penerbitan ilmiah dalam pelbagai bidang.
- Memperbanyakkan perundingan dan penyelidikan dalam pelbagai bidang.
- Mengoptimumkan penggunaan kemudahan dan peralatan.

JABATAN

- Kejuruteraan Awam
- Kejuruteraan Elektrik
- Kejuruteraan Mekanikal
- Pengurusan dan Perkhidmatan
- Jabatan Sains

PROGRAM YANG DITAWARKAN

1. Diploma Kejuruteraan Awam
2. Diploma Ukur Tanah
3. Diploma Kejuruteraan Elektronik
4. Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kuasa)
5. Diploma Kejuruteraan Elektrik (Perhubungan)
6. Diploma Kejuruteraan Elektrik (Mekatronik)
7. Diploma Kejuruteraan Mekanikal
8. Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Aeronautik)
9. Diploma Sains Komputer (Teknologi Maklumat)
10. Diploma Sains Komputer (Multimedia)
11. Diploma Pengurusan Teknologi
12. Diploma Pengurusan Teknologi (Perakaunan)
13. Diploma Pengurusan Harta Tanah
14. Diploma Senibina
15. Diploma Ukur Bahan
16. Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah

KOLEJ SAINS DAN TEKNOLOGI

TEMPOH PENGAJIAN

Semua kursus Diploma di Kolej Sains dan Teknologi mengambil tempoh minimum selama 6 semester (3 tahun) bagi memperolehi Diploma. Tempoh maksimum yang dibenarkan adalah selama 10 semester (5 tahun)

DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM

Sinopsis

Program ini direkabentuk untuk membolehkan graduan mendapat dan menggunakan pengetahuan dan kemahiran mereka berkaitan dengan disiplin Kejuruteraan Awam; menggunakan kemahiran tersebut membantu jurutera merancang, menganalisis, merekabentuk dan mengawas projek-projek Kejuruteraan Awam; mengeluarkan graduan separa-profesional dan cekap secara teknikal dalam menyelesaikan masalah secara kritikal, logikal, kreatif dan analitis berdasarkan fakta dan idea yang kukuh; boleh berkomunikasi dengan berkesan, boleh mengetahui dan bekerjasama dalam semua konteks dan dengan semua golongan; sentiasa bertindakbalas dan menyesuaikan diri terhadap perubahan situasi dan boleh terus belajar secara berdikari dalam mendapatkan ilmu dan kemahiran dan mengeluarkan graduan yang bermotivasi tinggi, berdisiplin dan beretika.

Objektif Program

Mendapatkan satu keseimbangan di antara komponen-komponen dalam kejuruteraan iaitu berkaitan dengan Struktur dan Bahan, Geoteknik dan Pengangkutan, Hidraul dan Hidrologi dan Kejuruteraan Alam Sekitar.

DIPLOMA UKUR TANAH

Sinopsis

Pengenalan kepada Aturancangan Komputer, Maklumat dan Teknologi Komputer, Astronomi Lapangan, Geodesi Asas, Sistem Maklumat Ukur dan Remote Sensing. Prinsip asas, peralatan dan cara kerja Ukur Asas, Ukur Kejuruteraan I & II, Ukur Hidrografi, Ukur Geodetik,

Ukur Binaan. Prinsip asas pemetaan cara Kartografi dan Fotogrametri. Peraturan Ukur, tugas JUPEM dan Jurukur Berlesen, prosedur kerja Ukur Kadaster I dan Ukur Kadaster II. Perhitungan Ukur dan Pelarasan Data Spatial. Undang-Undang dan Caramilik Tanah.

Objektif Program

Membolehkan pelajar memperolehi ilmu dan kemahiran berkaitan dengan disiplin Ukur Tanah.

Membolehkan pelajar menggunakan ilmu dan kemahiran untuk membantu Jurukur Tanah merancang, mengurus dan menjalankan projek ukur.

DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK

Sinopsis

Kurikulum program Diploma Kejuruteraan Elektronik mengandungi 34 jam kredit teras asas, 42 jam kredit teras Kejuruteraan Elektrik dan 23 jam kredit pengkhususan bidang Kejuruteraan Elektronik. Untuk mengukuhkan teras asas, pembelajaran pelajar adalah meliputi kursus asas sains, matematik, pengajian islam dan kemanusiaan, Bahasa Inggeris, asas pengaturcaraan komputer dan pengurusan. Seterusnya untuk membina pengetahuan pelajar mengenai asas Kejuruteraan Elektrik, pembelajaran pelajar merangkumi kursus asas litar elektrik, teori litar, pengalatan dan pengukuran, elektronik berdigit, elektronik, teknologi elektrik, instrumentasi, sistem kawalan, mikropemproses dan pengawal logik boleh aturcara. Untuk melengkapkan pengetahuan pelajar mengenai pengkhususan bidang kejuruteraan elektronik pula, pelajar didedahkan kepada kursus elektronik industri, mikroelektronik, elektronik perhubungan, organisasi komputer, pengautomatan dan robotik dan proses pembuatan elektronik. Di samping itu, kemahiran pelajar dalam pengujian, analisis dan membentuk litar dipupuk menerusi 6 kursus latihan amali.

Objektif Program

Membangunkan pengetahuan asas pelajar dalam bidang Kejuruteraan Elektronik.

Membolehkan pelajar menggunakan pengetahuan mereka untuk menganalisis, merancang, membangun, membentuk dan menyelia tugas-tugas yang berkaitan dengan Industri Elektronik.

DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK (KUASA)

Sinopsis

Kurikulum program Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kuasa) mengandungi 34 jam kredit teras asas, 42 jam kredit teras Kejuruteraan Elektrik dan 23 jam kredit pengkhususan bidang Kejuruteraan Elektrik Kuasa. Untuk mengukuhkan teras asas, pembelajaran pelajar adalah meliputi kursus asas sains, matematik, pengajian Islam dan kemanusiaan, Bahasa Inggeris, asas pengaturcaraan komputer dan pengurusan. Seterusnya untuk membina pengetahuan pelajar mengenai asas Kejuruteraan Elektrik, pembelajaran pelajar merangkumi kursus asas litar elektrik, teori litar, pengalatan dan pengukuran, elektronik berdigit, elektronik, teknologi elektrik, instrumentasi, sistem kawalan, mikropemproses dan pengawal logik boleh atur cara. Untuk melengkapkan pengetahuan pelajar mengenai pengkhususan bidang kejuruteraan elektronik pula, pelajar didedahkan kepada kursus kerja pemasangan elektrik, elektronik kuasa, sistem kuasa elektrik, mesin elektrik dan pengautomatan dan robotik. Di samping itu, kemahiran pelajar dalam pengujian, analisis dan membentuk litar dipupuk menerusi 6 kursus latihan amali.

Objektif Program

Membangunkan pengetahuan asas pelajar dalam bidang Kejuruteraan Elektrik (Kuasa)

Membolehkan pelajar menggunakan pengetahuan mereka untuk menganalisis, merancang, membangun, membentuk dan menyelia tugas-tugas yang berkaitan dengan Industri Elektrik Kuasa.

DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK (PERHUBUNGAN)

Sinopsis

Kurikulum program Diploma Kejuruteraan Elektrik (Perhubungan) mengandungi 34 jam kredit teras asas, 42 jam kredit teras Kejuruteraan Elektrik dan 23 jam kredit pengkhususan bidang Kejuruteraan Elektrik Perhubungan. Untuk mengukuhkan teras asas, pembelajaran pelajar adalah meliputi kursus asas sains, matematik, pengajian islam dan kemanusiaan, Bahasa Inggeris, asas pengaturcaraan komputer dan pengurusan. Seterusnya untuk membina pengetahuan pelajar mengenai asas Kejuruteraan Elektrik, pembelajaran pelajar merangkumi kursus asas litar elektrik, teori litar, pengalatan dan pengukuran, elektronik berdigit, elektronik, teknologi elektrik, instrumentasi, sistem kawalan, mikropemproses dan pengawal logik boleh atur cara. Untuk melengkapkan pengetahuan pelajar mengenai pengkhususan bidang kejuruteraan elektrik (perhubungan) pula, pelajar didedahkan kepada kursus prinsip perhubungan, kejuruteraan perhubungan, sistem penghantaran, telekomunikasi, perhubungan data dan elektronik industri. Di samping itu, kemahiran pelajar dalam pengujian, analisis dan membentuk litar dipupuk menerusi 6 kursus latihan amali.

Objektif Program

Membangunkan pengetahuan asas pelajar dalam bidang Kejuruteraan Elektrik (Perhubungan)

Membolehkan pelajar menggunakan pengetahuan mereka untuk menganalisis, merancang, membangun, membentuk dan menyelia tugas-tugas yang berkaitan dengan industri telekomunikasi

DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK (MEKATRONIK)

Sinopsis

Kurikulum program Diploma Kejuruteraan Elektrik (Mekatronik) mengandungi 34 jam kredit teras asas, 42 jam kredit teras Kejuruteraan Elektrik dan 23 jam kredit Kejuruteraan Mekatronik iaitu gabungan bidang Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Mekanikal. Untuk mengukuhkan teras

KOLEJ SAINS DAN TEKNOLOGI

asas, pembelajaran pelajar adalah meliputi kursus asas sains, matematik, pengajian Islam dan kemanusiaan, Bahasa Inggeris, asas pengaturcaraan komputer dan pengurusan. Seterusnya untuk membina pengetahuan pelajar mengenai asas Kejuruteraan Elektrik, pembelajaran pelajar merangkumi kursus asas litar elektrik, teori litar, pengalatan dan pengukuran, elektronik berdigit, elektronik, teknologi elektrik, instrumentasi, sistem kawalan, mikropemproses dan pengawal logik boleh atur cara. Untuk melengkapkan pengetahuan pelajar mengenai pengkhususan bidang kejuruteraan Mekatronik pula, pelajar didedahkan kepada kursus struktur dan mesin, AutoCAD, hidraulik dan pneumatik, mesin dan pemacu elektrik, reka bentuk kejuruteraan dan pengautomatan dan robotik. Di samping itu, kemahiran pelajar dalam pengujian, analisis dan membentuk litar dipupuk menerusi 6 kursus latihan amali.

Objektif Program

Menyahut keperluan yang semakin meningkat dalam industri pembuatan dan pemprosesan untuk tenaga pekerja sebagai penolong jurutera atau penolong teknikal yang mempunyai asas antara disiplin dan berkemahiran dalam sistem elektronik, sistem mekanikal dan sistem komputer.

Melahirkan graduan yang mempunyai pengetahuan asas kukuh dalam sistem elektrik, elektronik, mekanikal dan komputer.

DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL

Sinopsis

Pelajar akan mengikuti mata pelajaran teras kejuruteraan mekanikal seperti statik, dinamik, mekanik mesin, mekanik pepejal I dan mekanik pepejal II, termodinamik I dan termodinamik II, mekanik bendalir I dan mekanik bendalir II, hidraulik dan pneumatik, reka bentuk industri dan rekabentuk komponen, proses pembuatan, kejuruteraan industri sains bahan, elektrik dan elektronik. Mata pelajaran kemahiran yang akan diikuti ialah lukisan kejuruteraan, makmal kejuruteraan I dan makmal kejuruteraan II serta worksyop yang terdiri worksyop proses pembuatan, worksyop automotif dan worksyop penyejukan dan penyaman udara. Mata pelajaran lain ialah mata pelajaran sains dan matematik, mata pelajaran umum Universiti, communication english dan ko-kurikulum.

Objektif Program

Untuk menghasilkan graduan yang dilengkapi dengan ilmu pengetahuan asas dalam Kejuruteraan Mekanikal dan boleh menggunakan pengetahuan dan kemahiran tersebut dengan kompeten untuk kerja-kerja operasi, penyeliaan dan pembantu jurutera bagi menyelesaikan masalah kejuruteraan secara logik dan kreatif. Graduan juga akan mempunyai kualiti-kualiti positif seperti kreatif, berfikiran positif, bermotivasi, berdisiplin, beretika dan boleh bekerja dalam kumpulan.

DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL (AERONAUTIK)

Sinopsis

Pelajar akan mengikuti mata pelajaran teras kejuruteraan mekanikal seperti statik, dinamik penerbangan, mekanik pepejal I dan struktur pesawat, termodinamik I dan sistem pesawat, mekanik bendalir I dan aerodinamik, reka bentuk industri dan reka bentuk komponen pesawat, proses pembuatan, pengurusan dan undang-undang penerbangan, kejuruteraan dan amalan penerbangan, sains bahan, elektrik dan elektronik. Mata pelajaran kemahiran yang akan diikuti ialah lukisan kejuruteraan, makmal kejuruteraan I dan makmal kejuruteraan II serta worksyop yang terdiri dari worksyop proses pembuatan, worksyop automotif dan worksyop penyejukan dan penyaman udara. Mata pelajaran lain ialah mata pelajaran sains dan matematik, matematik umum universiti, communication english dan ko-kurikulum.

Objektif Program

Untuk menghasilkan graduan yang dilengkapi dengan ilmu pengetahuan asas dalam kejuruteraan mekanikal (aeronautik) dan boleh menggunakan pengetahuan dan kemahiran tersebut dengan kompeten untuk kerja-kerja operasi, penyeliaan dan pembantu jurutera bagi menyelesaikan masalah kejuruteraan secara logik dan kreatif. Graduan juga akan mempunyai kualiti-kualiti positif seperti kreatif, berfikiran positif, bermotivasi, berdisiplin, beretika dan boleh bekerja dalam kumpulan.

DIPLOMA SAINS KOMPUTER (TEKNOLOGI MAKLUMAT)

Sinopsis

Kurikulum program Diploma Sains Komputer (Teknologi Maklumat) mengandungi 30 jam kredit teras asas, 40 jam kredit teras Sains Komputer dan 23 jam kredit teras program. Untuk mengukuhkan teras asas, pembelajaran pelajar adalah meliputi kursus asas matematik, pengajian Islam dan kemanusiaan dan Bahasa Inggeris. Seterusnya untuk membina pengetahuan pelajar mengenai asas sains komputer, pembelajaran pelajar merangkumi kursus asas metodologi pemrograman, logik digital, pengaturcaraan C, pengaturcaraan C++, pengaturcaraan Visual Basic, pengaturcaraan berorientasikan objek, keselamatan komputer, rangkaian komputer, sistem maklumat pengurusan, komunikasi data, kaedah analisis dan rekabentuk sistem, pangkalan data, pemasangan dan selenggara komputer dan pengaturcaraan antaramuka pengguna. Untuk melengkapkan pengetahuan pelajar mengenai pengkhususan bidang teknologi maklumat pula, pelajar didedahkan kepada kursus aplikasi komputer, organisasi komputer dan bahasa himpunan, perisian sistem, struktur data, pengaturcaraan dalam operasi penyelidikan, kejuruteraan perisian, pembangunan aplikasi berasaskan web 1 dan pembangunan aplikasi berasaskan web 2. Di samping itu, kemahiran pelajar dalam spesifikasi, analisis, rekabentuk, dokumentasi dan pembangunan aplikasi dipupuk menerusi kelas dan latihan amali.

Objektif Program

Membangunkan graduan yang mempunyai pengetahuan asas yang kukuh dan memahami prinsip serta amalan sains komputer dengan memberi penekanan dalam bidang teknologi maklumat.

Membolehkan graduan menggunakan pengetahuan, kebolehan dan kemahiran mereka untuk menspesifikasi, menganalisis, mendokumentasi dan membangunkan aplikasi yang berkaitan dengan pengkomputeran untuk industri, komersial, pendidikan dan penyelidikan.

DIPLOMA SAINS KOMPUTER (MULTIMEDIA)

Sinopsis

Kurikulum program Diploma Sains Komputer (Multimedia) mengandungi 30 jam kredit teras asas, 40 jam kredit teras sains komputer dan 25 jam teras program. Untuk mengukuhkan teras asas, pembelajaran pelajar adalah meliputi kursus asas matematik, pengajian Islam dan kemanusiaan dan Bahasa Inggeris. Seterusnya untuk membina pengetahuan pelajar mengenai asas sains komputer, pembelajaran pelajar merangkumi kursus asas metodologi pemrograman, logik digital, pengaturcaraan C, pengaturcaraan C++, pengaturcaraan Visual Basic, pengaturcaraan berorientasikan objek, keselamatan komputer, rangkaian komputer, sistem maklumat pengurusan, komunikasi data, kaedah analisis dan rekabentuk sistem, pangkalan data, pemasangan dan selenggara komputer dan pengaturcaraan antaramuka pengguna. Untuk melengkapkan pengetahuan pelajar mengenai pengkhususan bidang multimedia pula, pelajar didedahkan kepada kursus pengenalan kepada multimedia, asas rekabentuk grafik dalam multimedia, asas audio dan video dalam multimedia, asas animasi dalam multimedia, teknik rekabentuk arahan dan alat penggubahan, pembangunan aplikasi multimedia, sistem pengoperasian unix, pembangunan aplikasi berasaskan web 1 dan pembangunan aplikasi berasaskan web 2. Di samping itu, kemahiran pelajar dalam spesifikasi, analisis, rekabentuk, dokumentasi dan pembangunan aplikasi dipupuk menerusi kelas dan latihan amali.

Objektif Program

Membangunkan graduan yang mempunyai pengetahuan asas yang kukuh dan memahami prinsip serta amalan sains komputer dengan memberi penekanan dalam bidang multimedia.

Membolehkan graduan menggunakan pengetahuan, kebolehan dan kemahiran mereka untuk menspesifikasi, menganalisis, mendokumentasi dan membangunkan aplikasi multimedia yang berkaitan dengan pengkomputeran untuk industri, komersial, pendidikan dan penyelidikan.

KOLEJ SAINS DAN TEKNOLOGI

DIPLOMA PENGURUSAN TEKNOLOGI

Sinopsis

Program Diploma Pengurusan Teknologi ditawarkan bagi membimbing para pelajar memperoleh pemahaman, pengetahuan dan kemahiran secara menyeluruh mengenai skop dan pemikiran yang berkaitan dengan pengurusan daripada segi konsep, teori dan kaedah. Di samping itu, pelajar juga akan didedahkan kepada isu-isu penting berkaitan pengurusan dalam persekitaran teknologi terutamanya dalam bidang pembuatan dan perkhidmatan.

Program ini terdiri daripada 57 jam kredit mata pelajaran teras bidang dan 21 jam kredit mata pelajaran teras teknologi. Bagi memperkukuhkan teras asas, pelajar juga didedahkan kepada kursus-kursus umum Universiti termasuk Bahasa Inggeris, Pengajian Islam dan Kemanusiaan.

Objektif Program

Membantu dalam menyediakan sumber daya manusia di peringkat pertengahan yang sesuai untuk keperluan negara.

DIPLOMA PENGURUSAN TEKNOLOGI (PERAKAUNAN)

Sinopsis

Program Diploma Pengurusan Teknologi (Perakaunan) memberi pengetahuan yang meluas dalam bidang perakaunan dan pengurusan yang diamalkan oleh sesebuah organisasi. Program ini memberikan pendedahan yang lebih khusus dalam bidang perakaunan seperti perakaunan kewangan, percukaian, audit dan perakaunan berkomputer dalam bentuk teori dan aplikasi. Manakala bidang pengurusan seperti prinsip pengurusan, matematik perniagaan dan ekonomi menjadi pelengkap kepada program ini dalam bentuk konsep dan prinsip-prinsip asas.

Kurikulum program ini terdiri daripada 68 jam kredit teras bidang dan 9 jam kredit teras teknologi. Bagi memperkukuhkan teras asas, pelajar juga didedahkan kepada kursus-kursus umum Universiti termasuk Bahasa Inggeris, Pengajian Islam dan Kemanusiaan.

Objektif Program

Membantu dalam menyediakan sumber daya manusia di peringkat pertengahan yang sesuai untuk keperluan negara.

Meningkatkan kualiti dan pengetahuan khusus mengenai perakaunan kepada pegawai sokongan dalam organisasi.

DIPLOMA SENIBINA

Sinopsis

Kursus ini dilaksanakan dengan tujuan untuk memberi satu pendidikan profesional yang akan mencetus daya pemikiran kreatif yang berlandaskan kemahiran teknikal sesuai dalam pekerjaan dan sebagai individu, di samping menyedari warisan kebudayaan, perbandaran dan perlakuan dalam keadaan Alam Bina yang sentiasa berubah. Kursus ini juga memberi peluang pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah dalam bidang senibina dan bidang-bidang lain yang berkaitan.

Objektif Program

Melatih dan mengeluarkan Pembantu Arkitek/Pembantu Teknik yang berkelulusan separa profesional dalam bidang senibina.

Membolehkan graduan menggunakan kebolehan kreatif mereka dalam membantu arkitek menyediakan dan melaksanakan projek-projek pembangunan di samping menganalisa dan menilai cadangan-cadangan senibina.

DIPLOMA UKUR BAHAN

Sinopsis

Kursus ini bertujuan untuk memberi latihan akademik bagi menyediakan pembantu juruukur bahan di peringkat Diploma untuk memenuhi keperluan industri binaan yang merupakan salah satu industri yang penting dalam pembangunan negara.

Objektif Program

Menyediakan Pembantu Juruukur Bahan yang mampu dan cekap melaksanakan kerja serta bertanggungjawab terhadap Pencipta dan masyarakat.

Mempertingkat serta memajukan perkembangan dalam industri binaan selaras dengan dasar-dasar negara.

DIPLOMA PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH

Sinopsis

Kursus ini adalah kursus separa profesional yang bertujuan untuk memberi latihan akademik bagi menyediakan seseorang pemegang diploma untuk menjadi seorang pembantu perancang bandar. Kursus ini merangkumi aspek pengenalan kepada bidang perancangan bandar serta teori asas dan sejarah kewujudan bidang perancangan bandar. Pelajar juga didedahkan kepada prinsip-prinsip asas perancangan bandar yang membolehkan mereka mendapat kefahaman mengenai keputusan yang melibatkan perancangan bandar dan pembangunan bandar. Kursus ini menekankan kepada teknik serta teori asas di dalam perancangan fizikal serta penggunaan komputer di dalam membantu membuat analisis tapak dan penyediaan pelan tataatur. Kemahiran di dalam menyediakan pelan tataatur juga diterapkan melalui mata pelajaran studio. Latihan industri yang dikenakan kepada pelajar akan melengkapkan lagi pendedahan kepada aspek amali bidang ini ditahap pembantu perancang bandar.

Objektif Program

Memberi kemahiran asas untuk menyediakan seorang pembantu perancang bandar bagi memenuhi perancangan bandar dan wilayah di Malaysia.

Mendidik atau melatih pembantu perancang bandar yang cekap dan sesuai dengan jenis-jenis keperluan perancangan bandar dan wilayah di Malaysia.

DIPLOMA PENGURUSAN HARTA TANAH

Sinopsis

Program Diploma Pengurusan Harta Tanah memberikan pengetahuan khusus mengenai bidang pengurusan harta tanah dan penilaian harta tanah. Untuk mencapai maksud ini, pendedahan diberikan kepada falsafah, konsep dan prinsip asas mengenai pengetahuan dan kemahiran bidang pengurusan harta tanah dan penilaian harta tanah secara teori, kajian lapangan dan latihan industri. Kurikulum program ini terdiri daripada 66 jam kredit bidang teras yang terdiri daripada 37 jam kredit bidang secara teori dan 29 jam kredit bidang teras, khusus membina kemahiran termasuk latihan industri. Bagi memperkukuhkan teras asas, pelajar juga didedahkan kepada kursus-kursus umum universiti termasuk Bahasa Inggeris, Pengajian Islam, Kemanusiaan dan Kokurikulum sebanyak 17 jam kredit dan matematik, Statistik serta Pengetahuan Komputer sebanyak 13 jam kredit.

Objektif Program

Melahirkan Pegawai Penilai Separa Profesional yang mempunyai kemahiran luas dan berupaya untuk berkhidmat di Jabatan kerajaan, Badan Berkanun serta Firma Swasta.

KERJAYA

Selepas bergraduan pelajar-pelajar yang mendapat keputusan cemerlang boleh meneruskan pengajian ke Program Ijazah Sarjana Muda dalam bidang-bidang yang berkenaan.

Graduan boleh juga mendapatkan pekerjaan dalam pelbagai sektor samada sektor swasta, perdagangan, kerajaan atau badan-badan berkanun seperti Penolong Jurutera atau staf sokongan teknikal, Penolong Pegawai, Penolong Pegawai Kewangan, Penolong Penyelidik dan sebagainya.

Untuk maklumat lanjut boleh didapati melalui :

Dekan
Kolej Sains dan Teknologi
Universiti Teknologi Malaysia
City Campus, Jalan Semarak
54100 Kuala Lumpur
Tel : (603) – 2615 4263 /
26154261/4917
Faks : (603) – 2693 4844
Emel : ppd@utmkl.utm.my
Laman web : <http://www.ppd.utm.my>

Maklumat AM

KURSUS YANG DITAWARKAN SESI 2007/2008

FAKULTI DAN PROGRAM	TEMPOH TAHUN	SALURAN KEMASUKAN		
		SPM/SETARAF	STPM/SETARAF	DIPLOMA/SETARAF
FAKULTI ALAM BINA				
Sarjana Muda Senibina Landskap	4		*	*
Sarjana Muda Senibina	5		*	*
Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah	4		*	*
Sarjana Muda Ukur Bahan	3		*	*
Sarjana Muda Sains Pembinaan	3		*	*
FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM				
Sarjana Muda Kejuruteraan (Awam)	4		*	*
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK				
Sarjana Muda Kejuruteraan (Komputer)	4		*	*
Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik)	4		*	*
Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik - Kawalan & Instrumentasi)	4		*	*
Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik - Elektronik)	4		*	*
Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik - Mekatronik)	4		*	*
Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik - Telekomunikasi)	4		*	*
Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik - Bio-Perubatan)	4		*	*
Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik - Microelektronik)	4		*	*
Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik - Perubatan)	4		*	*
FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL				
Sarjana Muda Kejuruteraan (Mekanikal - Bahan)	4		*	*
Sarjana Muda Kejuruteraan (Mekanikal - Industri)	4		*	*
Sarjana Muda Kejuruteraan (Mekanikal - Teknologi Marin)	4		*	*
Sarjana Muda Kejuruteraan (Mekanikal)	4		*	*
Sarjana Muda Kejuruteraan (Mekanikal Pembuatan)	4		*	*
Sarjana Muda Kejuruteraan (Mekanikal - Aeronautik)	4		*	*
Sarjana Muda Kejuruteraan (Mekanikal Automotif)	4		*	*
Sarjana Muda Sains (Rekabentuk Industri)	4		*	*
FAKULTI KEJURUTERAAN KIMIA & KEJURUTERAAN SUMBER ASLI				
Sarjana Muda Kejuruteraan (Kimia - Bioproses)	4		*	*
Sarjana Muda Kejuruteraan (Kimia - Gas)	4		*	*
Sarjana Muda Kejuruteraan (Kimia)	4		*	*
Sarjana Muda Kejuruteraan (Petroleum)	4		*	*
Sarjana Muda Kejuruteraan (Kimia - Polimer)	4		*	*
FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN SISTEM MAKLUMAT				
Sarjana Muda Sains (Sains Komputer)	3		*	*
Sarjana Muda Sains Komputer (Bioinformatik)	4		*	*
Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)	3 1/2		*	*
Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian & Keselamatan Komputer)	3 1/2		*	*
Sarjana Muda Sains Komputer (Komputeran Industri)	3 1/2		*	*
Sarjana Muda Sains Komputer (Perisian Grafik & Multimedia)	3 1/2		*	*
FAKULTI PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA				
Sarjana Muda Pengurusan Teknologi	3		*	*
Sarjana Muda Sains (Pembangunan Sumber Manusia)	3		*	*
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)	3		*	*

KURSUS YANG DITAWARKAN SESI 2007/2008

FAKULTI DAN PROGRAM	TEMPOH TAHUN	SALURAN KEMASUKAN		
		SPM/SETARAF	STPM/SETARAF	DIPLOMA/SETARAF
FAKULTI SAINS				
Sarjana Muda Sains (Biologi Industri)	3		☐☐	☐☐
Sarjana Muda Sains (Kimia Industri)	3		☐☐	☐☐
Sarjana Muda Sains (Fizik Bahan)	3		☐☐	☐☐
Sarjana Muda Sains (Fizik Industri)	3		☐☐	☐☐
Sarjana Muda Sains (Matematik Industri)	3		☐☐	☐☐
Sarjana Muda Sains (Fizik Kesihatan)	3		☐☐	☐☐
Sarjana Muda Sains (Biologi)	3		☐☐	☐☐
Sarjana Muda Sains (Kimia)	3		☐☐	☐☐
Sarjana Muda Sains (Fizik)	3		☐☐	☐☐
Sarjana Muda Sains (Matematik)	3		☐☐	☐☐
FAKULTI PENDIDIKAN				
Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam)	4		☐☐	☐☐
Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik)	4		☐☐	☐☐
Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Mekanikal)	4		☐☐	☐☐
Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup)	4		☐☐	☐☐
Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam)	4		☐☐	☐☐
Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (TESL)	4		☐☐	☐☐
Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Sains)	4		☐☐	☐☐
Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Sains Sukan)	4		☐☐	☐☐
Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Kimia)	4		☐☐	☐☐
Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Fizik)	4		☐☐	☐☐
Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Matematik)	4		☐☐	☐☐
Sarjana Muda Sains & Komputer serta Pendidikan (Kimia)	4		☐	☐
Sarjana Muda Sains & Komputer serta Pendidikan (Fizik)	4		☐	☐
Sarjana Muda Sains & Komputer serta Pendidikan (Matematik)	4		☐	☐
FAKULTI KEJURUTERAAN DAN SAINS GEOINFORMASI				
Sarjana Muda Sains (Geoinformasi)	4		☐	☐
Sarjana Muda Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)	4		☐	☐
Sarjana Muda Sains (Pengurusan Harta Tanah)	4		☐	☐
Sarjana Muda Sains (Remote Sensing)	4		☐	☐
Sarjana Muda Kejuruteraan (Geomatik)	4		☐	☐
KOLEJ SAINS DAN TEKNOLOGI				
Diploma Kejuruteraan Awam	3	☐		
Diploma Kejuruteraan Elektrik (Mekatronik)	3	☐		
Diploma Sains Komputer (Teknologi Maklumat)	3	☐		
Diploma Kejuruteraan Elektronik	3	☐		
Diploma Pengurusan Teknologi	3	☐		
Diploma Kejuruteraan Mekanikal	3	☐		
Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kuasa)	3	☐		
Diploma Kejuruteraan Elektrik (Perhubungan)	3	☐		
Diploma Ukur Tanah	3	☐		
Diploma Penilaian	3	☐		
Diploma Senibina	3	☐		
Diploma Ukur Bahan	3	☐		
Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah	3	☐		
Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Aeronautik)	3	☐		
Diploma Pengurusan Teknologi (Perakaunan)	3	☐		
Diploma Sains Komputer (Multimedia)	3	☐		

PROSEDUR PERMOHONAN KEMASUKAN

Universiti ini menawarkan program dalam dua peringkat iaitu peringkat Diploma dan Sarjana Muda. Pengambilan pelajar bagi mengikuti program-program tersebut dibuat melalui dua bentuk iaitu :-

- i) Kemasukan Tahun Pertama
 - Lulusan SPM/setaraf
 - Lulusan STPM/setaraf
 - Lulusan Matrikulasi KPM/setaraf

- ii) Kemasukan Terus (Kes Khas)

- Lulusan Diploma/setaraf

Pengecualian kredit akan diberi kepada pelajar kemasukan terus (kes khas) setelah mendaftar di Universiti ini.

Bagi kemasukan Semester Satu borang permohonan boleh didapati sama ada dari mana-mana wakil yang dilantik oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar IPT (BPKP), atau permohonan secara aplikasi dalam talian setelah iklan yang berkenaan dikeluarkan dalam akhbar tempatan.

Sebarang pertanyaan mengenai permohonan kemasukan untuk ke semester satu boleh diunjurkan kepada :

Pengarah

Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar
Jabatan Pengurusan IPT
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
Aras 1 - 3, Blok E9, Parcel E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62505 PUTRAJAYA

Bagi kemasukan Semester Dua borang permohonan boleh didapati terus dari Universiti ini berdasarkan iklan bagi program-program yang ditawarkan sahaja. Calon akan diberitahu tentang keputusan permohonannya sebaik sahaja urusan pengambilan selesai dilaksanakan.

Keterangan lanjut boleh di dapati melalui:

Pejabat Pendaftar
(Bahagian Pengurusan Akademik)
Universiti Teknologi Malaysia
81310 UTM, Skudai
Johor Darul Ta'zim.

1. SYARAT MINIMA KEMASUKAN

- a) Program Diploma

- i) Lulusan SPM/Setaraf

Lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau setaraf dengannya serta mendapat sekurang-kurangnya LIMA (5) kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Matematik dan Tiga (3) mata pelajaran lain mengikut program tertentu.

- b) Program Sarjana Muda

- i) Lulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/Setaraf

- Lulus SPM/setaraf dengan baik
- Lulus dengan kepujian dalam Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia dan Matematik di peringkat SPM/setaraf
- Lulus peperiksaan STPM dengan mendapat sekurang- kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam TIGA (3) mata pelajaran termasuk Pengajian Am DAN
- Memenuhi syarat khas mengikut program yang ditawarkan
- Telah mengambil dan mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysian University English Test (MUET)

- ii) Lulusan Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia/setaraf
 - Lulus SPM/setaraf dengan mendapat kepujian Bahasa Melayu dan Matematik.
 - Lulus Sijil Matrikulasi KPM dengan sekurang-kurangnya mendapat PNGK 2.00 dan lulus semua mata pelajaran pengkhususan
DAN
 - Memenuhi syarat khas mengikut program yang ditawarkan
 - Telah mengambil dan mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysian University English Test (MUET)

iii) Lulusan Diploma/Setaraf

- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia atau setaraf dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu dan Matematik.
- Mempunyai Diploma yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti.
- Telah mengambil dan mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysian University English Test (MUET)

2. UMUR

Calon yang memohon masuk ke Universiti Teknologi Malaysia mestilah berumur 17 tahun ke atas pada tarikh pendaftaran.

3. KECACATAN

Calon yang mempunyai kecacatan fizikal dinasihatkan terlebih dahulu menghubungi Pendaftar UTM menerangkan

bentuk dan jenis kecacatan serta kursus yang akan dipohon sebelum menghantar permohonan bertujuan mengelakkan kesulitan yang timbul kerana kemudahan yang terbatas di Universiti ataupun kerana keperluan kursus itu sendiri. Kriteria akademik yang sama akan digunakan dalam proses menentukan calon yang berjaya. Walau bagaimanapun, bagi beberapa kursus yang dijalankan oleh fakulti berikut calon yang mempunyai kecacatan seperti dijelaskan di bawah tidak dibenarkan memohon kursus berkenaan.

- a) Fakulti Kejuruteraan Elektrik
- b) Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
- c) Fakulti Kejuruteraan Kimia & Kejuruteraan Sumber Asli

Kecacatan dari segi fizikal yang menyulitkan kerja di makmal dan bengkel dan penglihatan calon tidak mengalami masalah buta warna.

- d) Fakulti Pendidikan
 - i) Calon mestilah tinggi sekurang-kurangnya 145 sm (4 kaki 9 inci)
 - ii) Calon tidak mempunyai kecacatan yang luar biasa seperti menggeng-geleng kepala, kelip mengerlip mata dan sebagainya.
 - iii) Penglihatan calon tidak mengalami masalah buta warna.
 - iv) Suara mestilah lantang dan tidak gagap.

4. KESIHATAN

Calon berjaya diterima masuk dikehendaki mendapatkan surat pengesahan Pegawai Perubatan dari hospital atau klinik kerajaan atau swasta yang membuktikan ia sihat.

5. PEMALSUAN MAKLUMAT

Pemohon dimaklumkan bahawa pemilihan calon adalah berdasarkan kepada maklumat serta dokumen yang dikemukakan bersama-sama Borang Permohonan. Sekiranya di dapati pemohon mengemukakan maklumat atau dokumen palsu semasa membuat permohonan/pendaftaran, Universiti berhak menarik balik tawaran atau menamatkan pengajian dengan serta merta.

6. PENGHANTARAN BORANG PERMOHONAN

A. Lepasan STPM/Setaraf

Semua calon Lepasan STPM/setaraf wajib membuat permohonan melalui Aplikasi Dalam Talian ("On-line Application"). Alamat URL bagi permohonan tersebut ialah www.mohe.gov.my (sila rujuk panduan e-panduan untuk maklumat lanjut mengenai cara menghantar borang permohonan melalui Aplikasi Dalam Talian).

B. Lepasan SPM/Setaraf

Pemohon dibenarkan membuat permohonan melalui salah satu cara berikut:-

i) Borang Permohonan OMR-BPKP

Pemohon-pemohon hendaklah mengemukakan borang permohonan kemasukan OMR-BPKP ke Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar IPT, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia sama ada melalui pos atau penyerahan terus di kaunter Jabatan Pengajian Tinggi.

ii) Borang Permohonan Melalui Aplikasi Dalam Talian ("On-line Application")

Calon SPM Kategori A sahaja dibenarkan membuat permohonan melalui Aplikasi Dalam Talian. Alamat URL bagi permohonan tersebut ialah www.mohe.gov.my (Sila rujuk peraturan e-panduan untuk maklumat lanjut mengenai cara menghantar borang permohonan melalui Aplikasi Dalam Talian).

Bagi pemohon Lepasan Diploma/Setaraf dan kursus-kursus yang memerlukan temuduga sebagai salah satu syarat kemasukan, pemohon wajib mencetak dan menghantar maklumat permohonan dan salinan dokumen yang telah disahkan ke IPTA pilihan. Kegagalan pemohon mematuhi peraturan sepertimana yang telah ditetapkan akan mengakibatkan permohonan calon di tolak.

Semua dokumen yang dikemukakan oleh calon bagi tujuan kemasukan akan dikategorikan sebagai sulit. Dokumen ini akan menjadi sebahagian maklumat rasmi Universiti dan tidak akan dikembalikan kepada pemohon atau didedahkan kepada lain-lain institusi.

6. PROSEDUR PEMILIHAN

Pemilihan pelajar adalah berdasarkan kepada:-

- Pencapaian Akademik yang baik
- Kombinasi mata pelajaran yang sesuai dengan keperluan syarat khas Program
- Gred mata pelajaran untuk tujuan pengkhususan
- Lulus temuduga/ujian kelayakan yang ditetapkan oleh pihak IPTA
- Pilihan Program pengajian mengikut keutamaan
- Pencapaian dalam aktiviti ko-kurikulum
- Bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA dan
- telah mengambil MUET

7. KEPUTUSAN PERMOHONAN

Pemohon yang berjaya akan dimaklumkan secara bersurat oleh pihak IPTA. Pemohon juga boleh menyemak status permohonan dengan melayari laman web Universiti <http://jpt.utm.my>.

YURAN PENGAJIAN

JENIS YURAN	KURSUS & DIPLOMA	KURSUS IJAZAH SARJANA MUDA
YURAN SEKALI SEPANJANG PENGAJIAN		
1. Yuran Pendaftaran	RM 20.00	RM 20.00
2. Yuran Minggu Haluan Siswa	RM150.00	RM150.00
3. Yuran Alumni	RM100.00	RM100.00
4. Yuran Ko-Kurikulum	RM100.00	RM200.00
YURAN BERULANG (PER SEMESTER)		
5. Yuran Aktiviti & Khairat Pelajar	RM 21.00	RM 21.00
6. Yuran Khidmat Pelajar	RM 45.00	RM 45.00
7. Yuran Perkhidmatan UTM	RM120.00	RM120.00
8. Yuran Perkhidmatan Komputer	RM 20.00	RM 20.00
9. Yuran Pelajaran	RM445.00	* Rujuk Nota
10. Asrama (Jumlah sebenar ditetapkan mengikut sewaan satu semester)	RM 3.00/hari (berdua) RM 4.00/hari (berdua)	RM 4.00 - 6.00 (Perseorangan) RM 3.50 - 5.00 (berdua) RM 3.50 - 5.70/sebln. (Rumah Berkeluarga)

CATATAN : Semua yuran di atas adalah tertakluk kepada pindaan

B. Bayaran Pada Semester Berikutnya

1. Pada semester berikutnya semua yuran pengajian (termasuk yuran Asrama) wajib dijelaskan selewat-lewatnya pada hari pertama selepas cuti pertengahan semester berkenaan.

2. Pelajar yang gagal menjelaskan yuran pengajian akan dikenakan mana-mana tindakan berikut :-

- 2.1 Didenda sebanyak RM10.00
- 2.2 Digantung keputusan peperiksaan
- 2.3 Ditahan dari membuat pra-pendaftaran dan pendaftaran sebenar mata pelajaran
- 2.4 Ditahan dari menduduki peperiksaan
- 2.5 Ditahan dari menghadiri kuliah
- 2.6 Digantung pengajian
- 2.7 Diberhentikan

C. Lain-Lain

- 1. Semua pembayaran untuk pelajar baru hendaklah dikreditkan ke dalam akaun CIMB Bank dengan menggunakan borang Wang Tunai Masuk yang akan diberi kepada semua pelajar yang berjaya.
- 2. Pendaftaran pelajar tidak akan diterima sekiranya yuran pengajian tidak dijelaskan.
- 3. Pelajar baru yang diluluskan menarik diri oleh Universiti dalam tempoh 14 hari daripada tarikh pendaftaran adalah layak mendapatkan semula sebahagian daripada yuran yang telah dijelaskan. Permohonan menarik diri yang diluluskan selepas tempoh di atas tidak layak untuk mendapatkan kembali yuran yang telah dijelaskan.

4. Kadar Yuran Pelajaran bagi kursus Ijazah Sarjana Muda adalah seperti berikut :-

BIDANG DAN FAKULTI PENGAJIAN	KADAR YURAN PELAJARAN PER SEMESTER
1. Bidang Teknologi Semua Kursus Fakulti :- 1.1 Kejuruteraan Awam 1.2 Kejuruteraan Elektrik 1.3 Kejuruteraan Mekanikal 1.4 Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli 1.5 Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi 1.6 Alam Bina	RM700.00
2. Bidang Sains Gunaan Semua Kursus Fakulti :- 2.1 Pendidikan 2.2 Sains 2.3 Sains Komputer dan Sistem Maklumat	RM660.00
3. Bidang Sastera Iktisas Semua Kursus Fakulti :- 3.1 Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia	RM550.00

PANDUAN SISTEM AKADEMIK

(Kursus Ijazah Sarjana Muda dan Diploma)

1.0 TAHUNAKADEMIK

- 1.1 Tahun Akademik Universiti dibahagikan kepada dua semester lazim iaitu Semester I dan Semester II. Setiap semester ini mengandungi 14 minggu perkuliahan.
- 1.2 Di samping dua semester lazim ini, Universiti juga mempunyai satu semester pendek yang diadakan dalam masa cuti akhir tahun akademik. Semester ini tidak termasuk dalam pengiraan tempoh pengajian yang ditetapkan bagi sesuatu kursus.
- 1.3 Tahun akademik dibahagikan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Tahun Akademik *

Minggu Suaikenal (Dalam Tempoh Cuti Akhir Tahun Akademik)	1 minggu
SEMESTER I	
Minggu Perkuliahan	7 minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 minggu
Minggu Perkuliahan	7 minggu
Minggu Ulangkaji	1 minggu
Peperiksaan Akhir Semester	3 minggu
JUMLAH	19 MINGGU
Cuti Akhir Semester	4 minggu
SEMESTER II	
Minggu Perkuliahan	7 minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 minggu
Minggu Perkuliahan	7 minggu
Minggu Ulangkaji	1 minggu
Peperiksaan Akhir Semester	3 minggu
JUMLAH	19 MINGGU
Cuti akhir Tahun Akademik	10 minggu
JUMLAH	52 MINGGU

ATAU

Cuti Akhir Semester	1 minggu
SEMESTER PENDEK	
Perkuliahan & Peperiksaan	8 minggu
Cuti Akhir Semester	1 minggu
JUMLAH	52 MINGGU

* Tertakluk kepada pindaan

2.0 SKIM KREDIT

2.1 Kredit Lulus Kursus Dan Tempoh Pengajian

Setiap kursus mempunyai jumlah kredit lulus yang ditetapkan. Jumlah kredit dan tempoh manimum untuk menyelesaikan kursus adalah seperti berikut :-

KURSUS Diploma/Ijazah	KREDIT (Minimum)
i) Diploma/Integrasi	90
ii) Program Bukan Profesional	100
iii) Program Profesional	110

Bagi kursus pengajian dengan tempoh lazim sepuluh semester dan lebih, kredit minimum ialah 150 kredit.

Tempoh maksimum pengajian ialah tempoh lazim yang ditetapkan oleh kurikulum dengan tambahan empat (4) semester.

2.2 Walau bagaimanapun, Fakulti boleh menetapkan jumlah kredit minimum selain daripada jumlah kredit di atas dengan kelulusan Senat.

2.3 Gred

Prestasi pelajar dalam sesuatu mata pelajaran digambarkan oleh gred yang diperolehinya. Hubungan antara markah, gred dan mata nilai adalah seperti berikut:

MARKAH	GRED	MATA NILAI
85 - 100	A	4.0
80 - 84	A-	3.7
75 - 79	B+	3.3
70 - 74	B	3.0
65 - 69	B-	2.7
60 - 64	C+	2.3
55 - 59	C	2.0
50 - 54	C-	1.7
45 - 49	D+	1.3
40 - 44	D	1.0
00 - 39	E	0.0

- a) TD = Tarik Diri
- b) TS = Tidak Selesai
- c) HS = Hadir Sahaja
- d) HL/HG = Hadir Lulus/Hadir Gagal

2.4 PNG dan PNGK

a) PNG adalah merupakan Purata Mata nilai Gred yang diperolehi oleh seseorang pelajar dalam sesuatu semester.

b) PNGK adalah merupakan Purata Mata Nilai Gred Kumulatif yang diperolehi oleh seseorang pelajar bagi semua semester yang telah diikuti.

3.0 KEDUDUKAN AKADEMIK

3.1 Berdasarkan nilai PNGK, kedudukan akademik seseorang pelajar boleh ditarafkan seperti berikut :-

- a) Kedudukan Baik (KB)
- b) Kedudukan Bersyarat (KS)
- c) Kedudukan Gagal (KG - Diberhentikan)

3.2 Taraf Kedudukan Akademik Pelajar

Taraf kedudukan Akademik pelajar ditentukan diakhir setiap semester lazim dengan menggunakan PNGK seperti berikut:-

KEDUDUKAN AKADEMIK		
a) KB		PNGK \geq 2.00
b) KS	$1.70 \leq$	PNGK $<$ 2.00
c) KG		PNGK $<$ 1.70

3.3 Seorang pelajar yang mendapat Kedudukan Bersyarat (KS) tiga kali berturut-turut atau Kedudukan Gagal (KG) akan diberhentikan pengajiannya.

Pelajar yang mendapat PNGK $<$ 1.00 walaupun CPAnya \geq 1.70 dengan kelulusan Senat boleh:

- i) Meneruskan pengajian atau
- ii) diarah menangguhkan pengajian pada semester berikutnya atau
- iii) diberhentikan daripada pengajian.

4.0 PENGANUGERAHAN DIPLOMA DAN IJAZAH

Kelas Diploma dan Ijazah dianugerahkan berdasarkan kepada pencapaian PNGK terakhir seperti berikut :-

PROGRAM PENGAJIAN	PNGK
a) SARJANA MUDA	
Kepujian Kelas Pertama	PNGK $>$ 3.70
Kepujian Kelas Kedua (Tinggi)	$3.00 <$ PNGK $<$ 3.70
Kepujian Kelas Kedua (Rendah)	$2.30 <$ PNGK $<$ 3.00
Kepujian Kelas Ketiga	$2.00 <$ PNGK $<$ 2.30
b) DIPLOMA	
Diploma Kelas Pertama	PNGK $>$ 3.50
Diploma Kelas Kedua	$2.00 <$ PNGK $<$ 3.50

5.0 PENGANUGERAHAN

Pelajar yang telah memenuhi syarat penganugerahan perlu mengemukakan permohonan penganugerahan Diploma atau Ijazah bagi sesuatu semester dalam tempoh yang ditetapkan.

6.0 KEHADIRAN

Seseorang pelajar yang kehadirannya kurang dari 80% daripada masa pertemuan yang ditetapkan untuk sesuatu mata pelajaran, tanpa sebab-sebab yang diterima oleh Universiti, pelajar berkenaan akan dikenakan tindakan seperti berikut :-

